



# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KELIMA

*Fifth Parliament*

PENGGAL KETIGA

*Third Session*

## KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 3169]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** [Ruangan 3219]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan)** [Ruangan 3219]

**Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan)** [Ruangan 3247]

**Rang Undang-undang Peruntukan Di Raja (Pindaan)** [Ruangan 3285]

**USUL-USUL:**

**Akta Kastam, 1967—**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1981** [Ruangan 3222]

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1981** [Ruangan 3222]

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1981** [Ruangan 3222]

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1981** [Ruangan 3222]

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1981** [Ruangan 3222]

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1981** [Ruangan 3222]

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1981** [Ruangan 3222]

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1981** [Ruangan 3223]

## **KANDUNGANNYA—(samb.)**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1981 [Ruangan 3223]**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) 1981 [Ruangan 3223]**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15) 1981 [Ruangan 3223]**

**Akta Eksais, 1976**

**Perintah Duti Eksais (Pindaan) [Ruangan 3246]**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 3269]**

**Penangguhan [Ruang 3288]**

### **UCAPAN PENANGGUHAN**

**Kerahan Tenaga Secara Wajib [Ruangan 3288]**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL**,  
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading)**.

„ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**,  
S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat)**.

„ **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching)**.

„ **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis)**.

„ **Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat)**.

„ **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu)**.

„ **Menteri Pelajaran, DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis)**.

„ **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan)**.

„ **Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam)**.

„ **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut)**.

„ **Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau)**.

„ **Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut)**.

„ **Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping)**.

„ **Menteri Pertanian, DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu)**.

- Yang Berhormat Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (K̄anowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF (Kimanis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- ” Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).

- Yang Berhormat **TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR** (Kulim-Bandar Bahru).
- „ **TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF**, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ **TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD** (Pasir Mas).
- „ **DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS**, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ **TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ**, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ **DATO AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD**, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., (Samarahan).
- „ **ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA** (Paloh).
- „ **DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR**, D.S.K.D., S.D.K., (Kota Setar).
- „ **TUAN ALIAS BIN MD. ALI**, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ **TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON**, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ **DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH**, P.G.D.K. (Marudu).
- „ **TUAN AU HOW CHEONG**, P.M.P. (Telok Anson).
- „ **TUAN AWANG BIN JABAR**, P.J.K. (Dungun).
- „ **TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM**, A.M.P. (Batang Padang).
- „ **TUAN CHAN TECK CHAN** (Kota Melaka).
- „ **TUAN CHAN KOK KIT** *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ **DR CHEN MAN HIN** (Seremban).
- „ **DATO MICHAEL CHEN WING SUM**, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ **TUAN CHIAN HENG KAI** (Batu Gajah).
- „ **TUAN CHIENG TIONG KAI** (Sarikei).
- „ **TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI** (Serian).
- „ **TUAN PETER PAUL DASON** (Bukit Bendera).
- „ **TUAN V. DAVID** (Damansara).
- „ **TUAN EDWARD ESNEN UNANG** (Mukah).
- „ **DATUK EDWIN ANAK TANGKUN**, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ **DATUK STEPHEN ROBERT EVANS**, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ **TUAN FUNG KET WING** (Sandakan).
- „ **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH**, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ **DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH**, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).

- Yang Berhormat **TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda)**
- ” **TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).**
- ” **TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).**
- ” **DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).**
- ” **TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).**
- ” **DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).**
- ” **TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).**
- ” **TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.N., P.P.M. (Rantau Panjang).**
- ” **TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).**
- ” **TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).**
- ” **TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).**
- ” **TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).**
- ” **TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).**
- ” **TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).**
- ” **TUAN MARK KODING (Kinabalu).**
- ” **DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).**
- ” **TUAN LEE KAW (Kluang).**
- ” **TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).**
- ” **TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).**
- ” **TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).**
- ” **TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).**
- ” **TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).**
- ” **DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).**
- ” **TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).**
- ” **TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).**
- ” **TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).**
- ” **TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).**
- ” **TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).**
- ” **TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).**

- Yang Berhormat **TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).**
- „ **TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).**
- „ **TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).**
- ” **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).**
- „ **TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).**
- „ **TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).**
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).**
- „ **DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).**
- „ **DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).**
- „ **TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).**
- „ **TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).**
- „ **TUAN P. PATTO (Menglembu).**
- „ **TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).**
- „ **DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).**
- „ **DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).**
- „ **DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).**
- „ **TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).**
- „ **TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).**
- „ **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).**
- „ **PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).**
- „ **TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).**
- „ **TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).**
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).**
- „ **TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).**
- „ **TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).**
- „ **TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).**
- „ **DR TAN TIONG HONG (Kepong).**
- „ **TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).**
- „ **TUAN TING CHEK MING (Bruas).**



Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Jumaat, 12hb Jun, 1981

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Hashim bin Ghazali.**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama.KETUA KAMPUNG MERANGKAP  
PENGERUSI JAWATANKUASA  
KEMAJUAN DAN KESELAMATAN  
KAMPUNG

1. **Tuan Au How Cheong** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar Ketua-ketua kampung merangkap Pengerusi-pengerusi, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung diberi elaun tahunan yang tidak sama di seluruh negara, kerana pentadbirannya di bawah Kerajaan Negeri masing-masing; jika sedar, adakah beliau bercadang supaya semua Ketua-ketua Kampung dibayar elaun dengan sama dan pentadbirannya diambil alih oleh Kerajaan Pusat.

**Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Ketua-ketua Kampung yang juga menjadi Pengerusi, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung diberi elaun tahunan yang berbeza di antara satu negeri dengan negeri yang lain. Ini adalah disebabkan perlantikan dan penetapan elaun tahunan Ketua Kampung itu

adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri mengikut kehendak dan keadaan di tempat masing-masing. Kerajaan Pusat tidaklah bercadang untuk mengambil alih pentadbiran Ketua-ketua Kampung daripada Kerajaan-kerajaan Negeri.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Menteri ada berkata bahawa perlantikan Ketua-ketua Kampung itu adalah tugas dan tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri. Saya ingin mendapat tahu sama ada beliau sedar bahawa dalam perlantikan Ketua-ketua Kampung baru-baru ini ada menimbulkan satu perkara iaitu sama ada Kerajaan-kerajaan Negeri mempunyai kuasa untuk melantik Ketua-ketua Kampung ataupun di mana-mana berkenaan Sultan setiap negeri itu mempunyai kuasa untuk melantik Ketua-ketua Kampung.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya ulangi lagi, kuasa itu adalah di tangan Kerajaan Negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Yong Fatimah binti Mohd. Ghazali.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 2.

## KEBEL DASAR LAUT IOCOM

2. **Dato Haji Yusof bin Malim Kuning** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapa panjang kebel yang ditanam di dasar laut yang menghubungkan negara kita dengan negara-negara yang terlibat dengan IOCOM dan sama ada beliau sedar bahawa sistem ini adalah satu pembaziran memandangkan bahawa sistem perhubungan satelit juga memainkan peranan yang sama.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Tuan Yang di-Pertua, Indian Ocean Commonwealth Cable atau kebel IOCOM yang menghubungkan Malaysia dengan India mempunyai jarak sejauh 1,349 batu nautical. Stesyen-stesyen pendaratan bagi kebel ini ialah di Kuala Muda, Malaysia dan Madras, India.

Perlu juga dijelaskan bahawa sungguhpun negara kita sudah mempunyai sistem perhubungan satelit, kita perlu juga mengadakan sistem alternatif dengan mengadakan sistem Kebel Dasar Laut. Ini ialah untuk menjamin supaya perhubungan telekomunikasi tidak akan terputus sama sekali apabila berlaku kerosakan kepada satelit ataupun stesyen-stesyen satelit bumi.

Bagi maklumat Ahli Yang Berhormat juga, Projek Kebel Dasar Laut IOCOM bukan sahaja menghubungi Malaysia dengan India tetapi ianya juga digunakan oleh negara-negara India dan Sri Lanka bagi perhubungan mereka dengan Singapura, Amerika Syarikat, Kanada, Hong Kong, Australia dan juga mungkin dengan negara-negara di rantau ini di masa-masa akan datang. Bagi perhubungan ke Singapura, Hong Kong dan Australia litar-litar dari India dan Sri Lanka akan dipancarkan melalui Sistem Gelombang Mikro dari stesyen IOCOM di Kuala Muda terus kepada Singapura dan dari Singapura melalui Kebel Dasar Laut SEACOM kepada Hong Kong dan Australia. Bagi perhubungan dari India dan Sri Lanka ke Amerika Syarikat dan Kanada litar-litar tersebut akan dibawa melalui Sistem Gelombang Mikro dari Kuala Muda ke Kuantan untuk dipancarkan melalui Stesyen satelit Bumi Kuantan kepada Amerika Syarikat dan Kanada melalui satelit di ruang angkasa Lautan Pasifik. Negara-negara India dan Sri Lanka, oleh kerana kedudukan 'geography'nya, tidak dapat mengadakan sistem perhubungan satelit secara terus kepada Benua Amerika. Saya ingin juga menjelaskan di sini bahawa pembinaan Kebel Dasar Laut IOCOM bukanlah satu projek yang membazir tetapi sebaliknya perlu untuk menjamin perhubungan negara kita dengan negara luar dan ia juga menambahkan lagi pendapatan

Jabatan Telekom melalui sewa-sewa yang dikenakan kepada negara-negara asing yang menggunakan bukan sahaja Kebel Dasar Laut IOCOM tetapi juga Sistem Gelombang Mikro dan juga Stesyen Satelit Bumi kita di Kuantan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri jika ada berapakah perbelanjaan yang terlibat untuk memasang Kebel Dasar Laut antara Malaysia dengan India ini dan berapakah kadar yang dibayar oleh pihak Kerajaan Malaysia jika ada.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat yang tepat atas kadar-kadar yang disoal oleh Ahli Yang Berhormat itu tetapi secara amnya perlu saya menjelaskan bahawa ongkos untuk pelaksanaan projek Kebel Dasar Laut ini berjumlah \$130 juta dan ianya dibahagi oleh 7 buah negara termasuk Malaysia di mana kita mempunyai ekuiti sehingga 31.97%.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini di antara sistem Kebel Dasar Laut dengan sistem perhubungan Satelit ini, manakah satu sistem yang lebih berkesan? Juga di antara kedua-dua sistem perhubungan ini, manakah satu sistem yang memakan ongkos yang lebih tinggi?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya jelaskan tadi kedua-dua sistem ini diperlukan untuk menjamin perhubungan telekomunikasi yang tidak terputus. Oleh kerana kita telah ada perhubungan menggunakan sistem Satelit oleh itu kita perlu mengadakan perhubungan sebagai alternatifnya menggunakan Kebel Dasar Laut.

Dari segi ongkosnya, ini tergantunglah kepada satu-satu projek yang tertentu dan kita tidak boleh menilaikan secara amnya mana yang mahal dan mana yang murah.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Saya ingin mendapat penjelasan di segi ongkos pengguna, manakah yang lebih mahal di antara kita menggunakan Kebel Dasar Laut dengan melalui Satelit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini berkenaan perbelanjaan kepada pengguna pula.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, kiraan sewa kepada pengguna-pengguna atau pelanggan-pelanggan telekomunikasi tidak mengira asas atau asal bentuk dari mana perhubungan itu disalurkan. Ianya diterus dan dicombinekan, dari itu kita baru mengira integrated cost keseluruhannya.

### INDUSTRI BERAT—PENGLIBATAN

**3. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah strateji yang telah dijalankan selama ini untuk membolehkan Malaysia lebih mempergiatkan lagi penglibatan dalam industri berat dan berapa banyak projek-projek seumpama itu yang telah dirancang untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, kemajuan perindustrian di Malaysia pada masa ini telah mencapai satu peringkat dalam mana kadar perkembangan dan kemajuannya yang begitu pesat agak sukar dikekalkan dengan lebih lanjut melainkan negara kita sendiri mengendalikan sebahagian daripada industri-industri berat. Malah, negara kita telah mencapai satu peringkat dalam mana sebahagian daripada industri-industri berat bukan sahaja perlu dan penting kepada pembangunan ekonomi negara kita tetapi juga adalah 'feasible' dan 'viable' untuk diadakan di negara ini. Memandangkan bahawa industri-industri berat berciri besar dan biasanya memerlukan modal yang banyak, memakan masa yang panjang untuk membuat keuntungan dan mempunyai pulangan pelaburan yang rendah yang tidak dianggap menarik oleh pihak swasta kita mengikut standard perdagangan yang biasa, maka Kerajaan menganggapkan bahawa adalah perlu bagi Kerajaan sendiri untuk mengendalikan projek-projek dalam bidang industri berat. Ini akan dilakukan melalui sebuah syarikat perdagangan yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan. Bagi tujuan ini, Perbadanan Industri Berat Malaysia atau dalam bahasa Inggeris, Heavy

Industries Corporation of Malaysia (HICOM) telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat pada 27hb November, 1980. HICOM akan menubuhkan anak-anak syarikat yang dimiliki secara majoriti olehnya dalam usahasama dengan pelabur-pelabur asing dan tempatan untuk mengendalikan berbagai-bagai projek.

Sebilangan projek-projek telah dicamkan atau diidentifikasi untuk kajian dan penilaian oleh HICOM dan, sekiranya didapati "viable", akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Projek-projek ini meliputi berbagai perusahaan seperti perusahaan logam asas, termasuk besi dan besiwaja dan logam bukan ferus, pembuatan jentera dan alat-alat kelengkapan, perusahaan kejuruteraan am, perusahaan alat pengangkutan, perusahaan bahan-bahan binaan, perusahaan kertas dan barang-barang kertas dan perusahaan petrokimia. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat, projek-projek yang sedang dirancang untuk dilaksanakan ialah sebuah kilang simen, sebuah kilang "sponge iron/steel billet", sebuah kompleks perusahaan kejuruteraan, sebuah kilang barang-barang tembaga separuh siap, sebuah kilang besiwaja "cold rolling" dan sebuah kilang palpa dan kertas.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan, Tuan Speaker. Apakah langkah-langkah persiapan telah diambil oleh Kementerian untuk memperkembangkan perindustrian berat yang sedang dalam peringkat perancangan dan adakah Malaysia akan mengalami masalah kekurangan skilled manpower untuk memajukan perusahaan-perusahaan berat ini?

**Dato Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, memang tenaga yang mahir ialah satu faktor yang akan dapat projek-projek itu dijalankan dengan sempurna. Jadi Kementerian saya melalui National Productivity Centre dan juga Institusi Pelajaran Teknikal ada rancangan untuk memberi latihan supaya tenaga kemahiran dapat diwujudkan untuk memenuhi kehendak-kehendak projek-projek dalam industri berat.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, untuk menjayakan Perbadanan Industri Berat

dalam pembangunan industri berat di negara kita, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada menjadi hasrat Kerajaan Malaysia untuk mempelajari daripada pengalaman-pengalaman yang telah diadakan oleh negara-negara yang maju, misalnya negara Korea Selatan di mana negara itu telah mengadakan banyak pengalaman, dan jika ada, apakah yang telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dari aspeknya?

**Dato Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, yang penting untuk rancangan ini berjaya ialah pemindahan teknologi dan HICOM adalah dalam rancangan untuk berusahasama dengan syarikat-syarikat di luar negeri yang mana kita boleh memperolehi teknologi itu. Seperti di rancangan atau di projek "sponge iron" yang ada di Labuan ada termasuk syarikat dari Korea Selatan dan juga pembuat jentera itu pun diberi kepada satu syarikat dari Austria yang mana ada kemahiran atau teknologi untuk membuat "sponge iron" dan juga dalam perusahaan kejuruteraan pihak HICOM pun telah baru-baru ini pergi ke Italy untuk berbincang dengan Fim Mechnica di Italy dan juga berbagai syarikat untuk mendapat teknologi supaya kita boleh menggunakan teknologi itu dalam semua projek yang akan dikendalikan oleh HICOM.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya yakin dengan lancarnya rancangan Kerajaan untuk menggiatkan pembangunan dari segi industri berat ini maka akan lahirlah lebih banyak industri-industri feeder ataupun industri-industri perkhidmatan yang akan memberikan khidmat kepada industri berat. Saya ingin tahu apakah dasar dan strategi Kerajaan yang dapat dijalankan bagi menentukan bahawa industri ini akan dapat turut berkembang dan memberikan peluang ekonomi kepada rakyat yang berminat dalam bidang ini.

**Dato Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat itu bahawa satu spill-over yang kita dapat daripada mewujudkan projek perindustrian berat ialah memberi peluang kepada industri-industri yang berkaitan atau

ancillary industries untuk membuat alat-alat membekalkan kepada industri berat dan di sini Kementerian saya baru-baru ini telah mewujudkan satu bahagian perusahaan kecil yang mana kita boleh identify atau mengecam mana-mana industri kecil yang boleh memberi pembuatan seperti alat-alat dan sebagainya bagi menambah apa-apa yang boleh digunakan dalam industri-industri berat yang akan diwujudkan pada masa hadapan.

#### DISPENSARI DI BELAGA

**4. Tuan Sibot Miyut anak Tagong** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan akan mamperbesarkan lagi bangunan dispensari di Belaga serta menambah bilangan kakitangan perubatan dan melengkapkannya dengan alat-alat yang mencukupi untuk keperluan lebih daripada sepuluh ribu orang rakyat di sana.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Datin Paduka Chow Poh Kheng):** Tuan Yang di-Pertua, pada setakat ini, Kementerian tidak bercadang untuk memperbesarkan dispensari di Belaga kerana bangunan yang sedia ada, adalah dianggap mencukupi. Kementerian juga berpendapat bahawa alat-alat yang terdapat di dispensari Belaga adalah memadai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dispensari Belaga memberi perkhidmatan kepada lebih kurang 6,500 orang penduduk yang tinggal dalam lingkungan 3 batu. Di samping dispensari tersebut, daerah Belaga mempunyai kemudahan-kemudahan lain seperti dispensari di Long Linau, 5 sub-dispensari masing-masing di Uma Guman, Uma Samboh, Batu Kering, Long Bulan dan Long Gang. Selain dari itu, terdapat juga 2 pasukan kesihatan kampung dari dispensari Belaga dan Long Linau dan juga perkhidmatan Doktor Terbang.

**Tuan Chieng Tiong Kai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana masih banyak daerah di negeri Sarawak belum ada hospital yang lengkap seperti di daerah Belaga, di sini saya ingin minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi tahu sama ada Kerajaan akan mempercepatkan memperbaiki hospital-

hospital daerah yang ada sekarang di dalam Rancangan Malaysia Keempat bagi Negeri Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal itu di luar dari soalan asal.

#### KENAIKAN HARGA MINYAK— RAMALAN

**5. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada benar ramalan yang mengatakan bahawa Kerajaan sedang menimbangkan permintaan dari syarikat minyak untuk menaikkan harga minyak dalam masa yang singkat dan jika ya, berapa peratuskah kenaikan yang akan diluluskan dan juga nyatakan dengan detail jumlah subsidi yang akan terlibat kelulusan ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik):** Ramalan yang mengatakan bahawa Kerajaan sedang menimbangkan permohonan dari syarikat minyak untuk menaikkan harga adalah tidak benar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat baru-baru ini Kementerian saya ada menerima permohonan untuk menaikkan harga dari sebuah syarikat minyak tempatan yang mengimport barang-barang petroleum dari Singapura. Permohonan ini tidak dipertimbangkan memandangkan negara-negara OPEC telah membuat keputusan untuk membekukan harga minyak mentah sehingga akhir tahun ini.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Speaker, OPEC telah memutuskan untuk membekukan harga minyak, maka adakah Malaysia juga akan bertindak untuk membekukan kenaikan harga minyak selama setahun mulai hari ini.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi iaitu ada kemungkinannya harga di negara kita tidak dinaikkan sehingga akhir tahun ini memandangkan OPEC telah membuat keputusan sebegitu rupa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

**Tuan P. Patto:** Soalan No. 6.

#### KERETA KEBAL

**6. Tuan P. Patto (di bawah S.O. 24 (2))** minta Menteri Pertahanan menyatakan bilakah keputusan dibuat untuk membeli 56 buah kereta kebal untuk menubuhkan sebuah Kor Kereta Kebal, tarikh tawaran-tawaran dipelawa, nama pembuat-pembuat yang disenarai-pendekkan dengan memberikan jenis dan harga kereta-kereta kebal, dan sama ada pemilihan terakhir penender yang berjaya telah dibuat, dan jika ya beri sebab-sebab.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, keputusan untuk melengkapkan Angkatan Tentera kita dengan peralatan Kereta Kebal adalah dibuat sejak tahun 1977 lagi. Keputusan ini adalah selaras dengan rancangan untuk memperbesar dan mempermodenkan lagi Angkatan Tentera kita sejajar dengan perkembangan semasa.

Berkenaan dengan jenis Kereta Kebal yang dikehendaki oleh negara kita, pihak Angkatan Tentera telah menimbangkan perkara-perkara teknikal serta juga perkara-perkara dari segi kesesuaian dan keupayaan Kereta Kebal di bidang operasi bagi menentukan jenis kereta kebal yang paling sesuai untuk kegunaan di negara ini. Berdasarkan kepada penentuan-penentuan ini, beberapa jenis Kereta Kebal pengeluaran beberapa negara tertentu di seluruh dunia telah dikaji dan dinilai dengan teliti bagi tujuan menentukan yang mana satu daripadanya betul-betul dapat memenuhi penentuan-penentuan yang ditetapkan oleh pihak Angkatan Tentera.

Hasil dari penilaian ini, terdapat satu sahaja jenis Kereta Kebal yang sesuai bagi kegunaan Angkatan Tentera kita dan oleh itu tender-tender biasa tidak diuruskan bagi perolehan Kereta Kebal itu. Sebaliknya, Kerajaan sedang mengadakan rundingan terus dengan pengeluar yang berkenaan. Memandangkan bahawa perkara ini masih dalam perundingan dan belum lagi mencapai satu keputusan yang muktamad maka butir-butir yang diperlukan oleh Ahli Yang Berhormat tidak dapat diberikan di peringkat ini.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa didapati selepas kajian dan siasatan bahawa hanya satu jenis kereta kebal sahaja yang didapati sesuai bagi kegunaan tentera kita. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu memberitahu siapakah pengeluar (manufacturer) kereta kebal ini dan sama ada benar bahawa pengeluarinya berasal dari German Barat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menyatakan bahawa perkara itu dalam rundingan di antara Kerajaan dengan Kerajaan maka dengan sebab itu belum dapat diberitahu sekarang ini. Ada apa-apa perkara hendak tambah Yang Berhormat?

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan. Sebelum pihak Kementerian atau Kerajaan mengambil keputusan tentang pembelian kereta kebal, adakah pihak Kementerian bercadang untuk menguji kereta-kereta kebal ini di tanah air kita seperti ujian-ujian yang dilakukan sebelum pembelian FSV Fire-support Vehicle dengan armoured personnel carriers beberapa lama dahulu.

**Dato Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, ujian sebagaimana yang telah saya katakan tadi kita telah memulakan dalam tahun 1977 dan keputusan telah dibuat dalam tahun 1980. Jadi ujian-ujian telah dibuat di negara-negara yang berkenaan dan kita tidak dapat mengadakan ujian di negara kita ini oleh sebab-sebab teknikal dan ini akan mengambil masa dan perbelanjaan yang banyak jika kereta-kereta kebal ini diuji dalam negara kita ini. Jadi, jawapannya ujian tidak dijalankan dalam negara kita ini tetapi di tempat-tempat yang sesuai dengan keadaan yang ada di dalam negara kita ini.

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu sebab-sebab yang menyebabkan pihak Kerajaan untuk mengambil keputusan membeli kereta-kereta kebal bagi kegunaan tentera kita.

**Dato Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menjawab soalan tadi mengapa kita mengadakan

kereta-kereta kebal dan juga dari segi alat-alat yang lain yang diperlukan oleh Angkatan Tentera. Barangkali Yang Berhormat tidak dengar.

## MALAYSIA SEBAGAI NEGARA PEMBERI BANTUAN

7. **Dato' Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah rancangan Kerajaan supaya Malaysia dalam tempoh masa yang akan datang akan menjadi salah satu negara penyumbang dan tidak lagi menjadi salah satu negara yang menerima sumbangan atau negara peminjam.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mak Hon Kam):** Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Ahli Yang Berhormat ini kurang jelas dan oleh itu tidaklah dapat saya menjawab dengan tepat, walau bagaimanapun saya akan cuba jawab mengikut fahaman saya. Saya rasa Ahli Yang Berhormat itu ingin mengetahui sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang boleh memberi pinjaman atau bantuan kepada negara-negara lain dan bukan sebagai sebuah negara yang meminjam atau menerima bantuan sahaja.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia masih lagi sebuah negara yang membangun. Walaupun pendapatan per kapita telah meningkat dari \$1,169 dalam tahun 1970 kepada \$3,630 dalam tahun 1980 kita masih memerlukan banyak pinjaman dari dalam dan luar negeri untuk mempercepatkan pembangunan sosio ekonomi negara selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru. Dengan pinjaman dari sumber ini dan dasar-dasar kewangan dan fiskal Kerajaan yang pragmatik kita telah dapat membangunkan ekonomi negara secara moden dan cekap serta juga meningkatkan paras pendapatan rakyat dan mengurangkan jurang kemiskinan. Banyak kemajuan yang perlu diadakan sebelum kita mencapai ke tahap negara maju. Selagi kita belum mencapai tahap negara maju selama itulah kita tidak mampu memberi pinjaman dan bantuan secara besar-besaran kepada negara-negara lain.



Walaupun Malaysia telah mendapat pinjaman dan bantuan dari luar negeri ini tidaklah pula bermakna kita menerima sahaja, malah kita telah memberi bantuan serta juga mengadakan kerjasama dalam bidang ekonomi, perdagangan, kebudayaan dan sebagainya dengan negara-negara jiran dan negara-negara sahabat. Bantuan yang telah diberi dan akan diteruskan termasuklah pemberian biasiswa dan hadiah latihan untuk pelajar-pelajar dari negara-negara lain mengikut kursus di institusi-institusi latihan; pemberian kemudahan-kemudahan latihan termasuk lawatan sambil belajar untuk pelatih-pelatih luar negeri dalam bidang-bidang yang Malaysia mempunyai pengalaman dan kepakaran, pemberian bantuan tertentu seperti benih getah, benih kelapa sawit dan pokok dan juga pembiayaan lawatan dan hadiah latihan untuk pegawai-pegawai teknikal dalam bidang yang berkaitan. Selain daripada itu Malaysia telah juga memberi bantuan kepada beberapa agensi Bangsa-bangsa Bersatu untuk digunakan bagi membiayai berbagai-bagai projek seperti Projek Makanan Dunia Orang-orang Pelarian, Rancangan Latihan UNDP (United Nations Development Programme) dan sebagainya.

Dalam tahun 1980 Malaysia telah memberi sumbangan sebanyak \$6.9 ribu juta kepada organisasi-organisasi Bangsa-bangsa Bersatu dan organisasi-organisasi antarabangsa lain. Ini bolehlah dianggap sebagai sumbangan kita kepada masyarakat dunia untuk membiayai projek-projek yang akan mendatangkan faedah kepada semua golongan di merata-rata tempat di dunia ini.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dijawab oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi ada negara kita telah membuat pinjaman kerana memandangkan kita akan membangun terpaksa membuat pinjaman dan ada juga yang kita memberi bantuan. Jadi saya ingin mendapat tahu secara garis kasar setengah daripada negeri-negeri yang kita selalu mendapat pinjaman dan negeri-negeri pula yang kita selalu telah memberi bantuan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bahagian yang kedua itu sudah dijawab tadi, bahagian pertama itu boleh.

**Dato' Mak Hon Kam:** Jawapan kepada soalan ini terkandung dalam jawapan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah termasuk tadi?

**Dato' Mak Hon Kam:** Termasuk dalam jawapan asal saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Negeri-negeri yang kita meminjam dari mana, mana ada? Saya tidak ingatlah.

**Dato' Mak Hon Kam:** Tuan Yang di-Pertua, bantuan-bantuan untuk tiap-tiap negeri adalah dari Federal, ini termasuklah pinjaman dari luar negeri atau dalam negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu maksud Yang Berhormat?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Saya kata tadi kita mesti meminjam. Saya minta disebut negeri-negeri yang kita selalu mendapat pinjaman, kalau tak semua pun sebut antara beberapa negeri yang dapat diingat oleh Timbalan Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, kali ini faham betul saya soalan Ahli Yang Berhormat dari Kangar (*Ketawa*).

**Dato' Mak Hon Kam:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak faham apa yang disoal oleh Ahli Yang Berhormat itu (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Katalah hendak minta notis, tak ada angka-angkanya.

**Dato' Mak Hon Kam:** Kalau boleh saya hendak jawab soalan ini secara bertulis.

#### HARGA GULA—PENURUNAN

8. **Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengikut sumber-sumber yang boleh dipercayai bahawa harga gula akan turun, oleh itu apakah ikhtiar yang dijalankan untuk menjamin supaya harganya tidak akan naik semula.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa pihak Kerajaan sekarang sedang mengkaji semua

aspek harga gula dan akan mengumumkan harga baru pada masa yang sesuai tidak lama lagi. Walau bagaimanapun haruslah disedari harga gula di dalam pasaran tempatan ditentukan oleh 4 faktor asas:

- (i) harga gula mentah di bawah kontrak-kontrak jangka panjang dengan Australia dan Fiji;
- (ii) harga gula mentah yang diimport dari pasaran dunia;
- (iii) harga gula ladang gula tempatan; dan
- (iv) kos 'freight' penapisan dan pengedaran gula.

Dari keempat-empat faktor di atas jelas menunjukkan bahawa penentuan harga gula di dalam pasaran tempatan adalah kebanyakannya ditentukan oleh faktor-faktor luar dari kawalan Kerajaan. Oleh itu apa yang penting ialah usaha-usaha harus dibuat ke arah menstabilkan harga gula di dalam pasaran tempatan kita. Keadaan ini bertambah perlu kerana kira-kira 90% daripada bekalan gula mentah adalah diimport dari luar negeri.

Untuk mencapai matlamat penstabilan harga dan bekalan gula maka antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan ialah meneruskan kontrak jangka panjang bekalan gula seperti yang ada sekarang, menambahkan bilangan pegawai dan cawangan-cawangan pejabat penguatkuasa di seluruh negara bagi mengawasi sistem pengedaran bekalan gula dan barang-barang keperluan yang lain.

**Tuan Haji Hashim bin Endut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian fasal apa gula ini bila dia naik, naik cepat sangat tetapi bila hendak turun lambat sangat (*Ketawa*), masa orang hendak tunggu itu lama sangat. Fasal apa jadi macam itu?

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengatakan bahawa kenyataan Ahli Yang Berhormat itu kurangnya benar. Jika harga gula naik di pasaran dunia, pasaran London terutamanya dahulu kita tidak menaikkan dengan serta-merta harga gula di dalam

negara kita hingga telah menyebabkan kekurangan yang begitu kritikal kerana kita menahan harga itu mengikut keadaan yang ada di luar negeri. Begitu jugalah apabila harga turun ini kita kena juga menimbang keadaan yang sama supaya tindakan yang kita ambil ini benar-benar adil dan saksama kepada pengeluar dan juga pengguna.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan iaitu tak berapa lama lagi bagi hendak menurunkan harga gula itu akan diumumkan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan dalam Dewan yang mulia ini adakah sebulan lagikah dan bilakah masanya pengumuman bagi hendak menurunkan harga gula ini akan dibuat oleh Kementerian Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa lama lagi, ertinya tak lamalah itu (*Ketawa*). Dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dan para pengguna bersabar menunggu pengumuman yang akan dibuat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak tahu bila hendak naik "tak lama itu cepat", bila hendak turun "tak lama itu lambat" (*Ketawa*).

**Tuan Lee Kaw:** Soalan tambahan, Tuan Speaker. Menurut jawapan tadi daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan adakah beliau sedar oleh kerana Kerajaan lambat mengumumkan gula diturunkan harga, adakah beliau sedar ada syarikat swasta seperti Central Sugar yang ada mengikut di dalam pasaran saham dalam masa dua minggu sudah naik sampai \$19.00 satu saham. Bolehkah cepat sedikit diumumkan harga gula diturunkan?

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Itu sebahagian yang saya beritahu tadi.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa hasil daripada pengumuman yang terlalu awal iaitu premature announcement mengenai kemungkinan turunnya harga gula baru-baru ini yang dibuat oleh Yang

Berhormat sendiri menyebabkan pekedai-pekedai enggan menyimpan stok gula yang cukup di kedainya masing-masing dan menyebabkan di setengah-setengah tempat berlaku kesukaran untuk orang ramai membeli gula.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Kerajaan menyedari keadaan yang sedemikian, pada masa yang sama tindakan-tindakan yang sesuai dan selari bagi memastikan bekalan mencukupi telahpun diambil.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Simpanan gula di negara kita boleh mencukupi keperluan untuk jangka masa yang berapa lama.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Saya memerlukan notis untuk soalan itu.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dimaklumkan oleh Setiausaha Parlimen harga baru gula akan diumumkan tidak lama lagi dan ini saya fahamkan bahawa harga gula yang lebih rendah. Apakah dengan ini pihak Kementerian boleh memberi jaminan bahawa harga bahan-bahan lain yang menggunakan gula seperti susu pekat juga dapat dikurangkan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu apabila sampai masanya barulah ditanya. Ini belum turunkun lagi! (*Ketawa*).

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut salah satu daripada jawapan Setiausaha Parlimen tadi naik dan turunnya harga gula bergantung kepada luar negeri. Ini menunjukkan bahan itu di negara ini tidak cukup. Tidakkah rancangan daripada Kementerian berkenaan untuk jangka masa panjang supaya gula kita cukup dengan menanamkan tebu yang lebih banyak dan memberi kemudahan-kemudahan untuk membuat kilang jangan kilang yang besar sepertimana kilang gula di Perlis tetapi diberikan juga kemudahan yang agak kecil di tempat-tempat yang sesuai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal menanam tebu ini bukan di dalam Kementerian ini, itu di bawah Kementerian lain.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Kilang-kilang gula yang kecil untuk menambah pengeluaran gula.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tebunya tidak ada, hendak buat kilang bagaimana? (*Ketawa*).

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, kita memang menggalakkan pengeluaran gula di dalam negara kita ini ditambah sebagaimana kita ketahui 10% sahaja gula mentah dibekalkan daripada tanaman tebu dan kita berharap bahawa semua pihak yang berkenaan dengan tanaman tebu ini akan memperluaskan lagi tanamannya pada tanah-tanah yang sesuai untuk kepentingan negara. Mengenai kilang-kilang kecil ini saya suka menyatakan kalau adalah rancangan Ahli Yang Berhormat kita dari Kangar bolehlah Kementerian saya menimbangkan dengan serta merta.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sama ada kerana kesusahan untuk menurunkan harga gula kerana adanya tekanan dan ugutan daripada pihak-pihak pengilang gula bahawa bekalan gula akan diganggu jika harganya diturunkan.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, minta ulang sekali lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong ulang sekali lagi.

**Tuan Chan Teck Chan:** Adakah kesusahan Kementerian untuk menurunkan harga gula kerana adanya tekanan dan ugutan daripada kilang-kilang yang mengeluarkan gula.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya menafikan adanya tekanan daripada pihak pengeluar terhadap Kementerian kerana soal harga yang telah diumumkan tadi. Sebagaimana saya telah katakan sebarang perubahan harga di pasaran dunia kira-kira mengambil masa di antara 4 ke 7 bulan barulah sampai ke negara kita sama ada naik ataupun turun. Lagi pun

selain daripada kesan lompong masa ini ialah soal kita terpaksa mengambil data-data yang cukup bagi memberikan justifikasi terhadap tindakan kita bagi memastikan kadar harga yang baru itu adalah menasabah serta sesuai kepada pengeluaran dan menasabah kepada pengguna kita.

### BAHASA MALAYSIA DI IKLAN-IKLAN

**9. Tuan Umar bin Haji Ismail** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah tindakan yang akan diambil bagi membolehkan Bahasa Malaysia ditulis di papan-papan kenyataan atau iklan di gedung-gedung perniagaan atau kedai-kedai terutama di bandar-bandar besar negara ini, sesuai dengan tarafnya sebagai Bahasa Kebangsaan Negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan V. Govindaraj):** Tuan Yang di-Pertua, kuasa untuk mengawal perkara pengiklanan adalah terletak di bawah Pihak Berkuasa Tempatan mengikut Seksyen 102 (C) Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Di bawah undang-undang yang tertentu Pihak Berkuasa Tempatan boleh tertakluk kepada pengesahan oleh pihak berkuasa Negeri membuat undang-undang kecil ataupun mengadakan peraturan dan pengelolaan yang baik bagi kawasan Pihak Berkuasa Tempatan untuk maksud mengatur, melesen, menyekat, melarang atau menghapuskan pameran iklan-iklan.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan Bahasa Malaysia diisytiharkan sebagai Bahasa Kebangsaan kebanyakan Pihak Berkuasa Tempatan telah mengenakan syarat penggunaan Bahasa Malaysia sebagai syarat dalam pengeluaran dan kelulusan lesen iklan. Buat masa ini penggunaan Bahasa Malaysia bagi nama-nama kedai, papan kenyataan atau iklan perniagaan dan taman-taman perumahan telah dilaksanakan.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan bahawa tindakan ada diambil oleh sebahagian dari Majlis-majlis Tempatan terhadap pihak-pihak yang tidak mengikuti

peraturan undang-undang berkenaan menggunakan papantanda dalam Bahasa Malaysia. Tetapi apakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa walaupun banyak tindakan dijalankan masih berlipat kali ganda lagi banyak papantanda-papantanda yang menggunakan perkataan-perkataan yang seolah-olah tidak menghormati bahkan mencemari Bahasa Malaysia itu sebagai Bahasa Kebangsaan dan jika sedar, apakah langkah-langkah yang lebih berkesan yang boleh diambil bagi menentukan taraf Bahasa Malaysia itu dapat dipertahankan.

**Tuan V. Govindaraj:** Tuan Yang di-Pertua, kuasa Pihak Berkuasa Tempatan itu adalah hak Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan menasihatkan Pihak Penguasa-penguasa Tempatan supaya mengenakan syarat-syarat kelulusan iklan yang lebih ketat atas penggunaan Bahasa Malaysia di papantanda-papantanda.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Soalan tambahan. Sama ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar di dalam bandaraya Kuala Lumpur ini sendiri masih ada papantanda yang belum ditulis dengan Bahasa Malaysia tetapi menggunakan Bahasa Hindi yang tidak ada siapa boleh membaca. Jadi, jika sedar, adakah Yang Berhormat akan mengarahkan rumah-rumah atau sekolah tersebut supaya ditulis dengan Bahasa Malaysia iaitu di Jalan Chow Kit.

**Tuan V. Govindaraj:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar di mana papan itu ada ditulis perkataan Hindi. Walau bagaimanapun, kalau Ahli Yang Berhormat itu dapat beritahu kepada saya sepertimana saya terangkan tadi, saya boleh beri nasihat kepada pihak yang berkenaan.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada tulisan Bahasa Malaysia di hampir semua papantanda yang diletak di kedai-kedai dan gedong-gedong perniagaan. Masalahnya bukannya ada atau tidaknya Bahasa Malaysia tetapi masalahnya size Bahasa Malaysia kalau dibandingkan dengan size tulisan bahasa lain tidak sepadan dengan kedaulatan Bahasa Malaysia itu sendiri. Soalan saya, adakah pihak Kementerian Yang Berhormat bercadang hendak mengarahkan

dan memberi satu macam panduan kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan untuk memastikan supaya semua papantanda-papantanda, papan iklan dan lain-lain tulisan perdagangan mempamerkan Bahasa Malaysia yang lebih prominent daripada bahasa-bahasa lain.

**Tuan V. Govindaraj:** Saya akan mengambil perhatian.

**Tuan Chan Teck Chan:** Bolehkah Yang Berhormat memberikan satu jaminan kepada Dewan yang mulia ini iaitu satu arahan akan dikeluarkan oleh Kementerian Yang Berhormat kepada semua Kerajaan-kerajaan Tempatan iaitu di samping kita menjunjung tinggi penggunaan Bahasa Malaysia tetapi tidak akan menjejaskan semangat Fasal 152 Perlembagaan Persekutuan iaitu mengizinkan lain-lain bahasa digunakan juga mengikut keadaan yang diperlukan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal asalnya adalah berkenaan dengan Bahasa Malaysia tertulis di papan kenyataan dan iklan-iklan di gedung-gedung terutama di bandar, jadi bukan

**Tuan Chan Teck Chan:** Lain-lain bahasa juga boleh digunakan.

**Tuan V. Govindaraj:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut syarat Bahasa Malaysia mestilah digunakan di papan-papan tanda.

## PUSAT PERUBATAN DI JOHOR

10. **Tuan Lee Kaw** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar sebuah pusat perubatan telah ditubuhkan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor di Johor Bahru dan disebabkan itu ramai pakar-pakar dari Hospital Besar Johor Bahru telah menyertai pusat perubatan tersebut dan dengan demikian menyebabkan kekurangan pakar-pakar di hospital tersebut; jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan pakar-pakar di Hospital Besar Johor Bahru dan apakah pendirian Kerajaan Pusat atas pusat-pusat perubatan yang ditaja dan didirikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Perbadanan Kemajuan Negeri Johor sedang menubuhkan sebuah Pusat Perubatan di Johor Bahru sebagai satu institusi swasta. Ini ialah masalah pihak-pihak berkuasa Negeri yang berkenaan. Setakat ini hanya tiga orang doktor pakar sahaja, termasuk sepasang suami isteri, yang telah meletakkan jawatan dari Kementerian Kesihatan untuk menyertai Pusat ini.

Dalam sistem Kerajaan kita yang demokratik, tidak ada halangan bagi seseorang yang ingin meletakkan jawatan dari Kerajaan untuk menyertai pertubuhan swasta. Walau bagaimanapun, ini ialah suatu kemudahan perubatan tambahan bagi negeri Johor yang jua memberi khidmat kepada masyarakat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan kenapa Menteriannya menyetujui penubuhan Pusat Perubatan ini oleh SEDC khususnya oleh kerana SEDC ialah di antara satu badan Kerajaan yang mendapat kewangan daripada Kerajaan Pusat. Bukankah ini menunjukkan bahawa ada duplication of scarce resources dan keduanya bukanlah ini menunjukkan bahawa Kementerian Kesihatan sendiri sudah gagal untuk menjalankan perkhidmatan perubatannya.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jelaskan tadi Pusat Perubatan ini ditubuhkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Johor berkongsi dengan pihak swasta dan dianggapkan sebagai satu pelabuhan swasta bukan satu rancangan Kerajaan Negeri sendiri. Saya harap Ahli Yang Berhormat bolehlah asingkan dua perkara ini supaya tidak menjadi satu salah faham. Saya menafikan bahawa penubuhan Pusat Perubatan ini menjadi satu gambaran bahawa Kerajaan Pusat atau Kementerian Kesihatan sudah gagal dalam perkhidmatan perubatannya.

**Datuk Dr Hee Tien Lai:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Kesihatan sedar bahawa salah satu sebab menubuhkan hospital swasta di Johor Bahru ialah kerana kebanyakan pesakit di Johor pergi ke

Singapura untuk mendapatkan rawatan pakar (specialist treatment). Jika sekiranya benar, adakah Kementerian Kesihatan sedar bahawa tidak lama lagi hospital swasta akan memberikan perkhidmatan yang lebih baik berbanding dengan perkhidmatan yang ada di Hospital Johor Bahru kerana competition dengan specialist service di Singapura. Kalau ini benar, apakah langkah akan diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk menentukan bahawa taraf perkhidmatan yang diberikan oleh hospital pada masa akan datang boleh mencapai sama level berbanding dengan hospital swasta ini.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, usaha Kementerian Kesihatan dan usaha Kerajaan sentiasa adalah supaya mewujudkan satu sistem perkhidmatan perubatan yang boleh diperolehi oleh semua rakyat tidak mengira pendapatan, tetapi dalam sistem ini ada juga peluang untuk pihak swasta, doktor-doktor swasta, hospital swasta mendirikan hospital-hospital mereka supaya rakyat boleh memilih di mana mereka dapat perkhidmatan yang memuaskan hati mereka. Saya tidak nampak ada perancangan dalam tujuan-tujuan tersebut. Ada juga hasrat Kerajaan supaya di negara ini ada hospital-hospital yang boleh memberi perkhidmatan yang barangkali boleh dikatakan specialist yang boleh menjadi pusat specialist. Tujuan Kerajaan ialah supaya kemudahan perubatan diberi kepada semua rakyat, tetapi ini bukan menyatakan bahawa Kerajaan juga tidak ada hasrat supaya meninggalkan mutu perkhidmatan dalam hospital-hospital Kerajaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi Yang Berhormat Menteri telah berkata bahawa Negeri Johor tidak terlibat dalam projek Pusat Perubatan ini tetapi yang terlibat ialah PKNJ Johor. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa PKNJ ialah satu badan 100% Kerajaan Johor dan adakah dasar Kerajaan Pusat atau Kementerian Kesihatan membenarkan badan-badan berkanun dan badan-badan Kerajaan walaupun joint-venture seperti dalam Pusat Perubatan 60% oleh SEDC dan 40% private mengadakan Pusat-pusat Perubatan atau hospital private ini untuk compete dengan hospital-hospital Kerajaan dan ini bermakna bahawa dasar Kerajaan

ialah membenarkan ditubuhkan hospital private SEDC, UDA, MARA dan yang lain-lain lagi.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, undang-undang berkaitan dengan menubuhkan hospital swasta ialah Akta Hospital Persendirian. Jikalau satu-satu badan hendak menubuhkan sebuah hospital kenalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam Akta itu. Sama ada modal Perbadanan Kemajuan Negeri Johor 100% dipunyai oleh Kerajaan Negeri, saya haraplah bahawa soalan ini dikemukakan kepada Kerajaan Negeri, bukan kepada Kementerian saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya bertanya Yang Berhormat, as a matter of fact. Janganlah lari daripada soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalannya apa?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Saya tidak lari.

**Tuan Lim Kit Siang:** (Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah dikatakan beberapa kali di sini iaitu tiap-tiap soalan tambahan tidak boleh merupakan satu bahasan. Kalau hendak terima atau tidak terima jawapan Yang Berhormat Menteri boleh buat soalan tambahan lagi tetapi bukan untuk dijadikan bahasan. Apa soalan tambahan yang akhir itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan ialah bahawa oleh kerana SEDC 100% dimiliki oleh Kerajaan Johor dalam pusat Perubatan ini dan adakah ini dibenarkan di bawah dasar-dasar Kementerian Kesihatan yang menunjukkan bahawa di masa depan akan ada hospital-hospital UDA, hospital MARA, hospital Pulau Pinang SEDC, Perak SEDC.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang kemudian itu sudahlah, tidak payah.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu menunjukkan bahawa Kementerian Kesihatan sudah gagal.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak macam mana dia boleh dapat pusing-pusing macam ini. Saya sendiri mengatakan bahawa tertakluk kepada syarat-syarat dalam Akta Hospital

Persendirian di mana sebuah institusi hendak ditubuhkan adalah tertakluk dengan syarat itu. Tidak ada dasar dalam perkara ini. Ini beliau mengatakan UDAlah, MARAlah dan sebagainya, beliau sudah keliru.

### BANTUAN BULANAN KEPADA ORANG YANG MENDERITA

**11. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan jumlah bantuan bulanan yang dikeluarkan kepada orang-orang yang menderita seperti orang buta tidak berkeluarga dan cacat anggota.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Jawan anak Empaling):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah bantuan bulanan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kebajikan Am bagi orang-orang yang menderita yang meliputi mereka yang cacat ialah \$11.03 juta. Skim bantuan ini termasuk:

Bantuan penyaraan kanak-kanak yang berjumlah \$4.8 juta untuk 16,000 orang kanak-kanak, kadarnya ialah \$25 hingga \$115 sebulan sekeluarga.

Bantuan penyaraan orang-orang tua yang berjumlah \$4 juta ialah untuk 6,700 orang tua atas kadar \$50 seorang sebulan. Bantuan pekerja cacat berjumlah \$720,000 untuk 1,200 orang pekerja cacat atas kadar \$50 seorang sebulan.

Bantuan kepada tanggungan orang-orang tahanan berjumlah \$20,000 untuk 18 keluarga atas kadar \$30 hingga \$115 sebulan.

Bantuan am Wilayah Persekutuan berjumlah \$1.2 juta untuk 1,053 keluarga atas kadar \$30 hingga \$115 sebulan.

Bantuan badan pasaran bagi pekerja-pekerja cacat berjumlah \$398,000 untuk 150 orang pengusaha atas kadar \$220 sebulan.

Selain dari bantuan bulanan, Kementerian saya juga memperuntukkan bantuan sekali gus untuk membantu orang-orang yang kurang bernasib baik bagi menunjukkan diri mereka ke arah hidup berdikari. Bantuan-bantuan ini ialah bantuan sekolah Wilayah Persekutuan yang berjumlah

\$140,000; bantuan alat-alat otopedik dan alat-alat tiruan yang berjumlah \$150,000; bantuan cermin mata yang berjumlah \$250,000.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am tetapi malangnya apa yang diberikan itu adalah per kapita kepada mereka yang buta, orang yang tidak berkeluarga, cacat anggota dan sebagainya, itu adalah pemberian secara berkelompok iaitu institusi-institusi seperti Rumah Orang-orang Tua, Institusi Orang-orang Buta dan sebagainya di Cheras dan di tempat-tempat lain. Saya maksudkan selain daripada itu adalah kepada mereka yang tiada berkeluarga, yang tua dan cacat anggota dan buta mata di kampung-kampung diberi bantuan yang begitu kecil. Ini maksud saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Jawan anak Empaling:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham juga soalan tambahan dari Ahli Yang Berhormat itu. Sekiranya ada kes-kes yang spesifik bolehlah Yang Berhormat beritahu kepada Kementerian saya dan kami ambil tindakan yang sewajarnya sekiranya kes itu didapati perlu dipertimbangkan.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan sebanyak \$11.3 juta dibelanjakan bagi menampung orang-orang cacat. Soalan saya, adakah Kementerian Kebajikan Am ini memasukkan orang sakit jantung ke dalam istilah cacat dan sekiranya ada, adakah Kementerian pernah membantu orang-orang sakit jantung ini untuk berubat ke luar negeri?

**Tuan Jawan anak Empaling:** Orang yang sakit jantung itu tidak termasuk dalam golongan orang cacat.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, di samping bantuan yang kecil kepada mereka yang tidak bernasib baik ini maka pegawai-pegawai yang membayar sangat lambat. Mengapa, dan apakah langkah-langkah Kementerian ini

bagi menyegerakan bantuan-bantuan tersebut dengan segera kepada mereka yang menderita itu?

**Tuan Jawan anak Empaling:** Tuan Yang di-Pertua, atas perkara itu saya tidak sedar, saya boleh siasat dan tindakan sewajarnya boleh diambil.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 38 adalah diberi di bawah ini).*

#### TUDM—MENGIMBANGI SKUADERAN AUSTRALIA DI BUTTERWORTH

**12. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada keupayaan pertahanan udara Tentera Udara Di-Raja akan diperkukuh dan dipermodenkan memandangkan skuaderan-skuaderan Australia yang berpangkalan di Butterworth akan diundur dan sama ada juruterbang-juruterbang Malaysia akan diberi kapalterbang-kapalterbang pejuang yang moden yang mempunyai kapasiti penyerang yang tinggi untuk mempertahankan negara kita.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abu Hassan bin Haji Omar):** Sebagaimana yang pernah saya nyatakan beberapa kali di Dewan yang mulia ini, iaitu dalam rancangan Istimewa Angkatan Tentera dan Rancangan Malaysia Keempat, Kementerian saya akan menumpukan perhatian kepada pembesaran anggota-anggota tentera kita sama ada Darat, Laut dan Udara, di samping memperlengkapkannya dengan senjata-senjata moden dan sophisticated. TUDM juga akan dilengkapi dengan senjata-senjata dan alat-alat moden, termasuklah pesawat-pesawat baru yang akan dibeli untuk menggantikan pesawat-pesawat yang telah lama digunakan dengan pesawat-pesawat tempur dan alatan pertahanan udara yang moden. Keupayaan TUDM pada kekuatan yang didapati nanti akan lebih mengimbangi dari apa yang ditarik keluar oleh skuaderan-skuaderan Australia dari Butterworth. Pesawat-Pesawat dan sistem pertahanan udara Malaysia itu akan semuanya dikendalikan oleh anggota TUDM sendiri tanpa bergantung kepada orang lain di dalam

mempertahankan Negara dari ancaman luar. TUDM kini sedang menyiapkan diri menuju ke arah berdikari tanpa bergantung kepada tentera asing di dalam mempertahankan kedaulatan Negara.

#### KEMALANGAN TANAH RUNTUH DI LOMBONG-LOMBONG

**13. Tuan P. Patto** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) jumlah keruntuhan tanah di lombong-lombong yang telah berlaku dalam setiap tahun dalam tempoh lima tahun yang lalu;
- (b) jumlah kematian akibat keruntuhan tanah tersebut dalam setiap tahun dalam tempoh lima tahun yang lalu;
- (c) sebab-sebab sering berlakunya keruntuhan tanah di lombong;
- (d) sama ada pihak Kerajaan bercadang menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan bagi maksud menyiasat segala-galanya mengenai keruntuhan tanah di lombong dan, jika tidak, mengapa.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato Paul Leong Khee Seong):**

- (a) Jumlah kemalangan tanah runtuh di lombong-lombong dalam tempoh lima tahun yang lalu ialah 65, iaitu terdiri daripada 13 dalam tahun 1976, 9 dalam tahun 1977, 9 dalam tahun 1978, 20 dalam tahun 1979 dan 14 dalam tahun 1980;
- (b) Jumlah kematian akibat keruntuhan tanah dalam tempoh tersebut ialah 84, iaitu terdiri daripada 25 dalam tahun 1976, 9 dalam tahun 1977, 11 dalam tahun 1978, 24 dalam tahun 1979 dan 15 dalam tahun 1980.
- (c) Sebab-sebab utama berlakunya kejadian-kejadian tanah runtuh ialah terdapatnya kelemahan dalam tanah yang tidak dapat diramalkan. Walaubagaimana pun sesuatu keruntuhan adalah berbeza daripada keruntuhan yang lain dan sebab terinci berlakunya suatu keruntuhan daripada yang lain pun adalah berlainan juga.



(d) Kerajaan telah pun menubuhkan sebuah Jawatankuasa Mengkaji Keselamatan Lombong yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian saya. Penyiasatan segala aspek keruntuhan adalah termasuk dalam bidang tugas jawatankuasa ini.

**PERKHIDMATAN KERETAPI EKSPRES  
RAKYAT DAN BAS EKSPRES—  
ANCAMAN KEPADA TUAN PUNYA TEKSI**

14. Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamad Ghazali minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan memandangkan yang sistem pengangkutan awam dalam bentuk keretapi Ekspres Rakyat dan juga Bas Ekspres telah dapat memperbaiki prestasinya maka nasib tuan punya teksi akan terancam. Apakah persediaan yang telah dibuat oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Pengeluaran permit teksi sudah semestinya mengambil kira perkembangan keperluan pengangkutan serta perkembangan jenis-jenis pengangkutan yang lain seperti Bas Ekspres dan perkhidmatan keretapi. Permit untuk Bas Ekspres juga dikeluarkan oleh pihak Kementerian dan oleh yang demikian penyelarasan tentang keperluan kedua jenis pengangkutan ini (Bas Ekspres dan teksi) perlu dibuat. Perhatian sentiasa diberikan tentang perkembangan jenis-jenis pengangkutan yang lain seperti perkhidmatan keretapi apabila mengeluarkan permit-permit perkhidmatan teksi dan Bas Ekspres.

Untuk memastikan lagi supaya pengeluaran permit-permit teksi ini lebih terkawal lagi, Menteri Perusahaan Awam telah menghidupkan semula Jawatankuasa Penasihat di tiap-tiap negeri untuk menasihati Kementerian mengenai bilangan teksi/kereta sewa yang patut dikeluarkan kepada negeri dan di daerah-daerah di negeri masing-masing.

Adalah juga menjadi hasrat supaya Jawatankuasa ini akan diperluaskan lagi fungsinya di mana-mana akan datang untuk

menasihati Kementerian di dalam lain-lain bidang pengangkutan barang-barang dan pengangkutan awam.

Berkaitan dengan kemungkinan ancaman kepada Perkhidmatan teksi oleh bas-bas Ekspres dan keretapi inginlah saya tegaskan bahawa setiap jenis pengangkutan itu memenuhi keperluan-keperluan yang agak berbeza.

**TENDER BUMIPUTRA DI BAR  
LAPANGAN TERBANG SANDAKAN**

15. Tuan Haji Ampong bin Puyon minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau sedar bahawa seorang peniaga bumiputra telah cuba mendapatkan tender untuk menjalankan perniagaan di Bar di Lapangan terbang Sandakan tetapi meskipun tendernya itu tinggi iaitu \$7,500 berbanding penender yang lain ianya ditolak tanpa diberi sebab-sebab. Adakah ini dasar yang dijalankan oleh Kementerian berkenaan untuk menolong kaum bumiputra.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Memang benar penender yang berjaya mendapatkan tender untuk menjalankan perniagaan di kantin Lapangan terbang Sandakan bukanlah peniaga yang mengemukakan tender yang paling tinggi. Seorang bumiputra yang mengemukakan tender yang paling tinggi telah tidak berjaya mendapatkan tender tersebut oleh kerana sebab-sebab seperti berikut:

- (i) Lembaga Tender tidak semestinya menerima tender yang paling tinggi;
- (ii) Semua yang dikemukakan oleh syarikat bumiputra tersebut adalah dianggap terlalu tinggi dan pada pendapat Lembaga Tender, ini akan mengakibatkan syarikat tersebut mengalami kerugian;
- (iii) Harga minima yang dicadangkan oleh syarikat bumiputra tersebut adalah terlalu tinggi berbanding dengan harga yang dikemukakan oleh syarikat yang berjaya mendapatkan tender tersebut;
- (iv) Syarikat bumiputra yang dimaksudkan oleh Ahli Yang

Berhormat itu tidak mempunyai sebarang pengalaman di dalam perniagaan jenis ini.

Lembaga Tender telah mengambil keputusan tidak akan semata-mata mengambil kira hasil yang akan diperolehi oleh pihak Kerajaan tetapi juga mengambil kira akan imej sesebuah lapangan terbang dan juga kepentingan penumpang-penumpang terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah yang menggunakan pengangkutan udara dengan begitu luas sekali di negeri Sabah.

#### HARGA MINYAK PETROL/DISEL— JAMINAN

16. **Datuk Haji Yusof bin Malim Kuning** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah beliau dapat memberi jaminan bahawa harga minyak petrol dan disel tidak akan naik dalam jangka setahun dari sekarang dan adakah kenaikan harga minyak petrol dan disel baru-baru ini di atas desakan syarikat-syarikat minyak atau pihak Kerajaan sudah menarik balik subsidi yang diberikan ke atas harga minyak tersebut.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon):** Sepertimana yang pernah dimaklumkan di Dewan yang mulia ini pada masa-masa yang lepas, harga barang-barang petrolium kita adalah bergantung secara langsung kepada harga minyak mentah OPEC dan kos barang-barang petrolium yang diimport dari Singapura. Oleh kerana kedua-dua sumber bekalan tersebut adalah di luar kawalan kita, saya tidak dapat memberi jaminan bahawa harga barang-barang petrolium di negara kita tidak akan naik di masa hadapan. Walau bagaimanapun, saya percaya harga barang-barang petrolium di negara ini dapat dikekalkan di paras harga sekarang, sekurang-kurangnya sehingga akhir tahun ini. Ini memandangkan negara-negara OPEC telah bersetuju untuk membekukan harga minyak mentah sehingga akhir tahun ini.

Kenaikan harga barang-barang petrolium baru-baru ini bukanlah semata-mata disebabkan oleh desakan syarikat-syarikat minyak. Kenaikan harga diluluskan oleh

kerana kos barang-barang petrolium di negara telah meningkat disebabkan oleh kenaikan harga minyak mentah oleh negara-negara OPEC mulai 1hb Januari, 1981.

Kenaikan harga juga tidak disebabkan oleh penarikan subsidi oleh Kerajaan. Sebaliknya, Kerajaan telah bersetuju menambah jumlah subsidi atas barang-barang petrolium sebanyak \$218 juta setahun iaitu dari \$550 juta kepada \$768 juta yang diluluskan pada 16hb Ogos, 1980. Di samping itu Kerajaan juga telah menurunkan cukai atas premium dan regular petrol sebanyak 20 sen segelen.

#### CUKAI JALAN KENDERAAN

17. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Pengangkutan menyatakan amaun yang dipungut dari cukai jalan kenderaan-kenderaan motor dari Negeri Pulau Pinang untuk tahun 1977, 1978, 1979 dan 1980 dan amaun yang diharap akan dipungut dalam tahun 1981.

**Dr Goh Cheng Teik:** Jumlah cukai jalan yang dipungut dari kenderaan-kenderaan yang didaftarkan di Negeri Pulau Pinang untuk tahun-tahun 1977, 1978, 1979 dan 1980 dan amaun yang diharap akan dapat dipungut 1981 adalah seperti berikut:

1977 .. .. .	\$20,601,407
1978 .. .. .	\$30,467,135
1979 .. .. .	\$32,814,528
1980 .. .. .	\$35,305,043

Bagi tahun 1981 adalah dianggarkan amaun yang dijangka dapat dipungut adalah lebih kurang \$38 juta.

#### KEMALANGAN KAPAL TERBANG MAS— GANTIRUGI KEPADA KELUARGA

18. **Tuan Karpal Singh** minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah bilangan keluarga-keluarga yang telah menerima bayaran ganti-rugi akibat kematian kemalangan kapalterbang MAS di Tanjung Kupang, Johor pada 4hb Disember, 1977. Nyatakan wang ganti-rugi yang dijelaskan kepada setiap keluarga dan jumlah kes-kes yang menunggu keputusan Mahkamah mahupun di Malaysia atau di luar negeri.

**Dr Goh Cheng Teik:** Setakat ini jumlah keluarga yang telah mendapat ganti-rugi ialah 62.

Berdasarkan undang-undang dan Peraturan-peraturan yang berkuatkuasa sekarang di Malaysia, jumlah ganti-rugi yang telah dijelaskan oleh MAS ialah dari \$8,000 hingga \$53,000 bergantung kepada beberapa faktor berkenaan dengan si mati.

Kes-kes yang menunggu keputusan Mahkamah adalah seperti berikut:

- (i) Di Mahkamah Malaysia 36 kes
- (ii) Di Mahkamah Negeri Jepun 1 kes
- (iii) Di Mahkamah Negeri Thailand 1 kes

### MAS—JADUAL PENERBANGAN YANG TERGENDALA

**19. Tuan Haji Hashim bin Endut** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada peristiwa kelewatan penerbangan sentiasa berlaku sepertimana yang telah terjadi pada 11hb April, 1981 jam 6.15 pagi di Lapangan terbang Subang. Kapal terbang MH 850 terlewat hampir satu jam yang hendak pergi ke Pulau Pinang disebabkan lambat, lembab dan cuaca menjalankan tugas pekerja dengan sikap 'tidak apa "attitude" nya' kepada penumpang-penumpang, terpaksa menunggu giliran mengesahkan tiket masing-masing dari jam 6.15 sampai 7.05 pagi di mana seorang sahaja menjalankan tugas itu sungguhpun banyak pekerja-pekerja lain yang ada di situ dengan sikap angkuh dan tidak bertanggungjawab kepada orang ramai, tidak pun mencuba membantu pekerja yang menjalankan tugas itu. Dalam kelambatan tersebut terdapat juga beberapa orang pelancung dari Negeri Brunei yang hendak ke Medan di mana tiket mereka telah disahkan di sana tetapi apabila sampai di sini pihak MAS kata nama mereka tidak ada dalam senarai. Bagaimana perkara seumpama ini boleh berlaku dan bagaimana pula cara hendak mengatasinya, kerana perbuatan seperti ini akan terjejas cita-cita Kerajaan hendak menggalakkan perusahaan pelancungan dalam negara ini.

**Dr Goh Cheng Teik:** Jadual penerbangan kadangkala tergendala oleh kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan seperti

cuaca buruk atau kerosakan pesawat. Pada 11hb April, 1981 oleh kerana keadaan cuaca yang kurang baik di Kuala Lumpur, penerbangan pesawat MH 850 terpaksa dilewatkan selama 33 minit. Oleh yang demikian, kakitangan MAS yang bertugas di kaunter telah tidak menutup kaunter tersebut sehingga jam 7.00 pagi. Bagi penerbangan ini, seramai 112 orang penumpang diterima dan ini termasuklah juga penumpang-penumpang yang tidak mempunyai tempahan yang sah (wait-list passengers). Penerbangan ini berangkat dengan penuh muatan. Penerimaan penumpang-penumpang untuk tiap-tiap penerbangan tempatan dikendalikan oleh dua orang kakitangan. Pada hari yang berkenaan sungguhpun terdapat kakitangan-kakitangan yang lain di sekitar kawasan kaunter itu, tetapi mereka tidak diperlukan menolong kaunter MH 850 kerana mereka mempunyai tugas masing-masing yang tertentu.

Keadaan nama-nama penumpang tidak tercatat dalam senarai penumpang boleh berlaku jika:

- (a) Penumpang setelah menempah tetapi tidak membeli tiket dalam masa yang telah ditentukan. Oleh yang demikian, Syarikat Penerbangan akan membatalkan tempahan mereka.
- (b) Penumpang tidak mengesahkan semula (reconfirm) penerbangan mereka setelah bersinggah di satu-satu destinasi lebih daripada 72 jam.
- (c) Ada kerosakan alat-alat komputer dan perhubungan yang mana tidak dapat dielakkan. Bila keadaan ini berlaku kemungkinan beberapa tempahan penumpang tidak dapat dikekalkan. Sungguhpun begitu, keadaan ini jarang berlaku.

Untuk mengelakkan keadaan di mana nama-nama penumpang tidak ada dalam senarai, pihak MAS sudahpun dan akan terus memberi ingatan kepada penumpang-penumpang mengenai aturan-aturan penempahan. Alat-alat untuk tempahan dan sebagainya sedang dipertingkatkan untuk meninggikan lagi mutu perkhidmatan Syarikat.

## PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM

20. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran memberitahu Dewan ini hasil kajian yang dijalankan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Kementeriannya mengenai tahap kecekapan murid-murid sekolah rendah dalam menguasai kemahiran-kemahiran asas, dan sama ada beliau akan memberikan laporan Pusat Perkembangan Kurikulum itu untuk Ahli-ahli Parlimen dan orang ramai untuk mengkajinya.

**Menteri Pelajaran (Datuk Musa bin Hitam):** Satu kajian mengenai taraf pencapaian murid-murid Sekolah Rendah di Malaysia mengenai Kemahiran Asas dan Bahasa Malaysia telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran dalam tahun 1980 dan secara amnya dapatan daripada kajian itu adalah seperti berikut:

Tumpuan kajian ini ialah mengesan taraf penguasaan murid di dalam tiga kemahiran asas dan taraf pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah berpengantar Kebangsaan, China dan Tamil. Taraf pencapaian murid ini telah dilihat dari aspek letakan sekolah (bandar dan luar bandar), dan saiz sekolah (besar, sederhana dan kecil). Di antara dapatan utama adalah taraf pencapaian murid dalam kemahiran membaca adalah melebihi 55.0% pada Darjah 6 bagi ketiga-tiga jenis sekolah, sebaliknya taraf pencapaian bagi kemahiran menulis dan penguasaan mata pelajaran Bahasa Malaysia adalah kurang dari 50.0%, dalam kemahiran mengira, sekolah pengantar China mendapat 48.3% berbanding dengan 37.0% di pengantar Kebangsaan dan 30.6% di pengantar Tamil; sekolah-sekolah di luar bandar terutamanya saiz kecil mendapat taraf pencapaian yang sangat rendah bagi semua komponen yang telah dikaji.

Laporan ini telahpun diberi kepada kesatuan-kesatuan guru dan ahli-ahli pendidik. Saya tidak bercadang hendak memberikan kepada ahli-ahli Parlimen kerana laporan ini lebih merupakan laporan akademik. Walaupun begitu jika Yang

Berhormat berminat hendak mendapatnya bolehlah meminta dari Pusat Perkembangan Kurikulum.

## PEKERJA PENGHIJRAH (IMMIGRANT)

21. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada dasar baru mengenai pekerja-pekerja penghijrah (immigrant) telah dirangka, jika ya, beri butir-butir dasarnya dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil guna memastikan warganegara kita tidak dinafikan peluang-peluang pekerjaannya.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato Richard Ho Ung Hun):** Jawapan bagi soalan yang seakan-akan sama dengan soalan ini telah dijawab pada 11hb Jun, 1981 ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam. Oleh yang demikian, saya tidak ingin membuat apa-apa tambahan lagi.

## SKIM PENYURAIAN LALULINTAS KUALA LUMPUR—PETALING JAYA

22. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kerja-kerja jalanraya Federal Highway yang menyambung antara Kuala Lumpur dengan Petaling Jaya telah tidak berjalan mengikut jadual, adakah oleh kerana kekurangan tenaga atau kekurangan bahan binaan. Sekiranya tidak, adakah beliau akan mengarahkan supaya kerja-kerja melebarkan jalan-jalan itu disegerakan dan kerja-kerja dibuat siang dan malam supaya kesesakan lalulintas dapat dikurangkan.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Clarence E. Mansul):** Saya kurang jelas dengan maksud pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat sama ada beliau ingin mengetahui mengenai projek Federal Highway yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan Petaling Jaya atau mengenai projek Skim Penyuraian lalulintas Kuala Lumpur Petaling Jaya (Kuala Lumpur Petaling Jaya Traffic Dispersal Scheme). Sekiranya soalan beliau itu ialah mengenai Federal Highway yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan Petaling

Jaya, sukacita saya memaklumkan bahawa kerja memperbaiki dan melebarkan jalanraya yang bermula dari Jalan Syed Putera ke simpang berhampiran dengan kilang Guinness telahpun siap pembinaannya pada tahun 1977. Jalanraya ini sekarang mempunyai 3 dan 4 lorong di kedua-dua hala. Walau bagaimanapun, sukacita juga saya mengambil peluang ini untuk memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat mengenai kedudukan kelewatan projek Skim Penyuraian Lalulintas Kuala Lumpur Petaling Jaya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kelewatan projek Skim Penyuraian Lalulintas Kuala Lumpur Petaling Jaya adalah disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- (i) Kerja pengalihan kemudahan-kemudahan awam.
- (ii) Pengambilan balik tanah.
- (iii) Penempatan semula setinggan.
- (iv) Kekurangan pekerja-pekerja mahir.

Pada masa sekarang, kebanyakan masalah-masalah di atas telahpun dapat diatasi dan Kementerian saya pada masa ini sedang mengkaji semula jadual-jadual kerja untuk mempercepatkan kemajuan projek ini. Keseluruhan projek ini dijangka akan siap pada pertengahan tahun 1982.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa Kementerian saya telah mengkaji cadangan untuk mengarahkan pemborong menjalankan kerja-kerja di waktu malam. Setelah kajian dibuat adalah didapati bahawa kerja-kerja di waktu malam tidak sesuai kerana tidak ekonomik dari segi perbelanjaan yang akan ditanggung oleh kontraktor.

#### **DADAH—PEMERIKSAAN KESIHATAN MURID-MURID SEKOLAH**

23. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada di dalam usaha beliau memerangi bahaya dadah beliau bercadang untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan ke atas murid-murid sekolah, terutama murid-murid sekolah menengah di seluruh negara, di samping pemeriksaan kesihatan dilakukan ke atas semua kakitangan

Kerajaan. Kalau ya, bila dan kalau tidak kenapa.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Pada masa ini pemeriksaan kesihatan ke atas murid-murid sekolah bagi tujuan mengesan mereka yang mengguna dadah belumlah lagi diperlukan. Ini ialah memandangkan bahawa sekiranya murid-murid berkenaan terlibat dengan kegiatan-kegiatan mengguna dadah, lambat laun keadaannya akan diketahui oleh pihak berkuasa sekolah bagi tindakan selanjutnya. Tambahan pula di sekolah-sekolah sememangnya ada beberapa program dan garis panduan yang khusus untuk mencegah, mengesan, mengenai serta bertindak terhadap murid-murid sekolah yang terlibat di dalam kegiatan-kegiatan dadah dalam bentuk:

- (a) Surat Pekeliling/Ikhtisas 7/1975: "*Salahguna Dadah—Garis Panduan Untuk Guru-Guru Rundingcara dan Guru Besar*".
- (b) Ekoran daripada Pekeliling ini ada satu lagi Pekeliling Kementerian Pelajaran 8614/12/(91) yang bertajuk: "*Garis panduan untuk mengecahkan orang yang menggunakan atau menyalahgunakan dadah*".
- (c) Mengadakan guru-guru rundingcara sepenuh masa khusus bertujuan mencegah penggunaan dadah di sekolah-sekolah.

Daripada keadaan yang disebutkan di atas, adalah difikirkan bahawa tindakan-tindakan yang dijalankan pada masa ini adalah memadai serta menepati di dalam usaha-usaha mencegah penggunaan dadah di sekolah-sekolah.

#### **MENGHARAMKAN PERJUDIAN**

24. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa baru-baru ini sebuah negara jiran kita yang menjadi anggota ASEAN telah mengambil tindakan menutup semua kelab-kelab malam dan tempat-tempat perjudian sebagai satu langkah mengatasi kemerosotan moral di kalangan belia-belia negara tersebut dan jika

ya, sama ada kita juga patut berbuat demikian dan jika tidak, mengapa.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Saya memang sedar bahawa pada baru-baru ini sebuah negara anggota ASEAN telah mengambil tindakan mengharamkan kesemua tempat-tempat perjudian di negara tersebut. Walau bagaimanapun, tindakan ini hanyalah bersangkutan dengan perjudian sahaja dan tidak menyentuh kegiatan kelab-kelab malam seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Dalam hal ini Ahli Yang Berhormat perlulah sedar bahawa keadaan di antara satu negara dengan negara yang lain adalah berbeza dari beberapa segi. Dengan yang demikian, apa yang baik bagi satu-satu negara tidak semestinya baik juga bagi negara yang lain. Bak kata pepatah lain padang lain belalang.

#### PERLINDUNGAN SEMENTARA KEPADA PELARIAN-PELARIAN

**25. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa negara kita Malaysia sudah terkenal sebagai negara yang selamat dan bermurah hati kepada pendatang-pendatang haram, kalau dahulu menjadi tumpuan pelarian Vietnam sahaja, tetapi sekarang ini pelarian daripada negara Thailand dan Burma telah menyeludup masuk ke negara kita. Jika sedar, apakah tindakan Kerajaan dalam hal ini dan apakah sebab-sebabnya yang boleh jadi demikian adakah kerana undang-undang pencegahan penyeludupan itu tidak ketat atau sikap kita yang lemah lembut dan apakah perlu dilakukan oleh Kerajaan kita untuk mengelakkan daripada orang-orang pelarian yang sangat ghairah untuk masuk ke negara kita.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Sebagai sebuah negara yang menghormati hak asasi manusia kita tidak dapat mengelakkan daripada memberi bantuan kepada pelarian-pelarian dari negara-negara berjiran. Walau bagaimanapun, kedatangan mereka ini sentiasa diawasi dan tindakan-tindakan akan diambil sekiranya kedudukan mereka

menjadi masalah kepada negara ini. Perlindungan sementara yang diberikan ini adalah berdasarkan atas sikap peri kemanusiaan. Pada masa ini tidak dapat sebarang ancaman daripada orang-orang pelarian tersebut. Kehadiran mereka hanya sekadar mendapatkan perlindungan sementara sehingga keadaan kampung halaman mereka di negara masing-masing pulih seperti sediakala.

#### TUDM—LATIHAN KOMANDO

**26. Tuan P. Patto** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) Sebab-sebab pegawai-pegawai Tentera Udara Di Raja Malaysia (TUDM) dalam beberapa kategori tertentu yang memerlukan lebih penggunaan otak daripada kekuatan badan (brawn) dihantar untuk latihan Komando;
- (b) Sama ada beliau sedar bahawa ramai pegawai TUDM kategori tersebut yang menerima latihan Komando telah membuktikan kurang cekap dalam kerja-kerja mereka yang memerlukan lebih penggunaan otak daripada kekuatan badan (brawn) apabila mereka kembali setelah tamat latihan Komando; dan
- (c) Sama ada benar bahawa ada beberapa pegawai TUDM kategori tersebut yang dihantar untuk menerima latihan Komando telah meninggal dunia semasa dalam latihan, jika ya, berapa orang telah meninggal dunia.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Bagi menjawab soalan (a), adalah dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa tidaklah menjadi satu polisi TUDM untuk menghantar semua pegawai-pegawainya untuk latihan Komando. Latihan ini adalah diberikan kepada semua anggota dan pegawai-pegawai TUDM yang menjadi pegawai atau anggota-anggota tetap Pasukan Keselamatan/Pertahanan Darat TUDM (HANDAU). Kursus ini dijalankan untuk meningkatkan lagi kekuatan fizikal di samping keupayaan mental yang mana sama-sama diperlukan dalam menyediakan anggota-anggota pasukan tersebut menghadapi sebarang cabaran. Latihan ala

Komando yang diberikan ini dijalankan berperingkat-peringkat sesuai dengan keperluan perkhidmatan dan kemampuan pasukan tersebut dari segi kesihatan dan keupayaan.

Menjawab kepada soalan (b) Ahli Yang Berhormat itu, adalah tidak benar dakwaan bahawa anggota TUDM yang menerima latihan Komando kurang cekap dalam mengendalikan kerja-kerja mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua anggota-anggota yang telah menerima latihan Komando ini telah dapat membuktikan kecekapan mereka dalam menjalankan tugas-tugas harian malah dalam tugas-tugas luar biasa mereka ini lebih berupaya dari segi mental dan fizikal. Ini jelas menunjukkan bahawa kecergasan otak adalah terletak pada badan yang sehat.

Kepada soalan (c), jawapannya adalah tidak benar.

#### **PEKERJA MALAYSIA DI TIMUR TENGAH—LAYANAN BURUK**

**27. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (i) sama ada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, setakat ini ada menerima apa-apa pengaduan mengenai kesusahan pekerja-pekerja yang bekerja di negara-negara Asia Barat; jika ada, berapa banyak pengaduan yang diterima dan apakah tindakan yang telah diambil;
- (ii) sama ada Kementerian akan menjalankan satu penyiasatan menyeluruh ke atas pengaduan-pengaduan dengan menghantar seorang pegawai khas ke negara-negara Asia Barat untuk mengetahui keadaan pekerja-pekerja yang sebenar; dan
- (iii) sama ada Kementerian akan menghantar pegawai-pegawai buruhnya ke kedutaan-kedutaan kita di negara-negara Asia Barat dan bekerja sebagai Atachi Buruh bagi membantu pekerja-pekerja Malaysia yang menghadapi masalah pekerjaan.

#### **Dato Richard Ho Ung Hun:**

- (i) Setakat ini Kementerian saya telah menerima 3 aduan baru-baru ini mengenai eksploitasi dan layanan buruk yang dialami oleh pekerja-pekerja Malaysia yang bekerja di Timur Tengah. Dari 3 aduan ini, hanya satu sahaja yang melibatkan Majikan di Malaysia sementara yang dua lagi itu melibatkan Majikan-majikan asing. Tindakan sedang diambil atas aduan yang dibuat terhadap Majikan tempatan yang berkenaan. Tidak ada tindakan yang diambil ke atas Majikan asing itu kerana undang-undang buruh tempatan tidak boleh dikuatkuasakan ke atas mereka.
- (ii) Pada tahun 1977, seorang pegawai dari Kementerian saya telah dihantar ke Jeddah khusus untuk mengkaji dengan secara mendalam masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja kita, dan juga meninjau syarat-syarat pekerjaan, Laporan pegawai telah pun di ambil berat oleh Kementerian ini.
- (iii) Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menempatkan Pegawai-pegawai Buruh Ke Pejabat Perwakilan kita di Timur Tengah untuk berkhidmat sebagai Attache Buruh, kerana difikirkan bahawa apa-apa juga masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja kita, boleh diuruskan oleh pegawai-pegawai di Pejabat Kedutaan kita di negara-negara yang berkenaan.

#### **PENDATANG HARAM INDONESIA— MEMPERKETATKAN KAWALAN**

**28. Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bahawa setakat ini, berapakah orang pendatang haram dari Indonesia dan Filipina telah dikesani di negara kita, dan apakah langkah-langkah telah diambil untuk mencegah mereka datang ke Malaysia (tanpa kebenaran) bagi mencari pekerjaan atau tinggal di sini supaya kepentingan keselamatan dan keamanan kehidupan sosial-ekonomi serta kestabilan politik negara kita dapat diperlindungi.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Bilangan pendatang haram Indonesia yang masuk ke negara ini telahpun saya jelaskan dalam jawapan saya pada 18-3-1981. Bilangan pelarian Filipina pula adalah dianggarkan seramai 95,000 orang.

Dalam memperketatkan kawalan, Jabatan Imigresen dan juga Tentera Laut dan Polis Merin sentiasa membuat rondaan di sepanjang perairan dan sempadan negara kita. Di samping itu terdapat juga kerjasama yang erat di antara negara kita dengan negara jiran di dalam mengatasi masalah ini. Walau bagaimanapun kerjasama dari orang-orang ramai termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat adalah diperlukan untuk mengatasi masalah ini.

#### **SKIM RUKUN TETANGGA— MEMBATALKAN**

**29. Tuan Peter Paul Dason** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada memandang kepada hakikat aktiviti Rukun Tetangga menerima sambutan buruk dari orang ramai dan disebabkan itu adalah tidak berkesan, sama ada Kerajaan akan membatalkan skim tersebut dan menggantikan dengan kerahan negara.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Perkara mengenai Rukun Tetangga ini telahpun dijawab bersama dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pada 8 Jun 1981. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

#### **SEKOLAH-SEKOLAH SWASTA— PENUBUHAN**

**30. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan menggalakkan lebih banyak lagi penubuhan sekolah-sekolah private seperti Sekolah Sri Kuala Lumpur, Sekolah Sri Inai atau International School untuk menampung murid-murid yang berkemampuan masuk ke sekolah-sekolah tersebut di samping mengikut kehendak-kehendak Dasar Pelajaran Kebangsaan. Jika tidak, mengapa.

**Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam):** Kementerian Pelajaran tidak menghalang

dan tidak pula menggalakkan penubuhan sekolah-sekolah swasta tempatan atau asing asalkan sekolah-sekolah ini mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Akta Pelajaran dan tidak bertentangan dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Dalam pada itu, ibubapa boleh membuat pilihan untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah yang mana mereka sukai kecuali sekolah-sekolah yang ditubuh khas untuk anak-anak bukan warganegara sahaja.

#### **PEGAWAI PERKHIDMATAN PELAJARAN—JAWATAN MEMANGKU**

**31. Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar terdapat sebilangan Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran di bawah Kementerian beliau yang memegang pangkat Tertinggi (superscale) 'G' mulai tahun 1974 lagi dan sehingga hari ini masih lagi memegang. Ada di antara mereka yang mula berkhidmat di tingkatan biasa mulai tahun 1962 dan 1964 lagi. Kalau ya, apakah usaha-usaha beliau untuk memperbaiki kedudukan tersebut?

**Dato Musa bin Hitam:** Untuk makluman Yang Berhormat, Pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang memegang Tingkatan Tertinggi 'G' sejak 1974 telahpun dinaikkan pangkat mereka. Sebilangan yang masih memegang Tingkatan Tertinggi 'G' itu adalah mereka yang diarah memegang bukan dengan tujuan dinaikkan pangkat atau difikirkan tidak sesuai untuk dinaikkan pangkat. Mereka yang berkhidmat di Tingkatan Biasa mulai dari tahun 1962 dan 1964 lagi adalah dari Kategori lain daripada Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Kategori D1.

#### **KESELAMATAN PELAYARAN DI SELAT MELAKA**

**32. Puan Shariffah Dorah binti Mohammed** minta Menteri Luar Negeri menyatakan dengan adanya Pengkalan Nuklear Amerika di Lautan India dan dengan bertambah banyaknya lalulintas kapal-kapal perdagangan dan tentera di Selat Melaka, apakah persediaan langkah-langkah keselamatan yang telah difikirkan oleh Menteri yang



berkenaan dalam perundingan dengan Negara-negara ASEAN.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato Ahmad Rithauddien Al-haj):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah "Geneva Convention 1958", Selat Melaka tertakluk kepada rejim "innocent passage" di mana kapal-kapal dari semua negara berhak belayar menerusi Selat tersebut dengan syarat pelayaran kapal-kapal ini tidak mendatangkan prejudis kepada keamanan, kestabilan atau keselamatan negara ini. Kita memang sedar perlunya diambil langkah-langkah keselamatan bagi menjamin keselamatan pelayaran di Selat Melaka. Kita juga telah mengadakan rundingan-rundingan dengan beberapa Negara ASEAN seperti Indonesia dan Singapura bagi mengawal keselamatan pelayaran di Selat tersebut di bawah Skim Pemisahan Lalulintas yang telah dikuatkuasakan pada 1hb Mei, 1981.

#### PEMBINAAN BAHU JALAN

**33. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan mengapa (a) bahu jalan raya pada masa-masa dahulu diliputi oleh rumput tetapi kini diliputi dengan tanah dan pasir sahaja; (b) perapitan di kiri kanan jalan di zaman penjajahan dahulu dijaga dengan rapi tetapi pada masa ini cuma rumput di tepi jalan raya sahaja yang dipotong.

**Datuk Clarence E. Mansul:** Bagi menjawab soalan (a), saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sejak 1975 Kementerian saya telah mengambil tindakan mengubah pembinaan bahu jalan kepada 'modified hard shoulder' kerana ianya lebih selamat bagi lalulintas semasa kecemasan dan lebih kuat untuk digunakan sebagai hentian-sebelah.

Bagi menjawab soalan (b), saya ingin menjelaskan bahawa adalah tidak benar hanya rumput di tepi parit sahaja yang dipotong pada masa ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya memang mempunyai program menyenggaraan dan membaiki longkang-longkang di tepi jalan dan kerja-kerja ini dijalankan dari masa ke semasa.

#### KILANG PENAPIS MINYAK TEMPATAN

**34. Tuan Chan Teck Chan** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa hingga 31-5-1981 ini, berapakah banyak minyak telah ditapis dan dikeluarkan oleh negara kita, dan apakah kapasiti penapisan minyak Malaysia setiap hari oleh kilang-kilang penapis minyak tempatan; dari jumlah minyak yang ditapis di Malaysia ini, berapakah persen daripadanya adalah diimport dan dikeluarkan (oleh Malaysia sendiri), berapakah persen minyak yang ditapis ini adalah untuk penggunaan negara sendiri dan berapakah persen untuk dieksport.

**Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):**

- (a) Mengenai soalan pertama Ahli Yang Berhormat itu, berdasarkan maklumat yang terbaharu diterima dari kilang-kilang penapis minyak tempatan, jumlah minyak yang telah ditapis sejak Januari 1981 hingga April 1981 ialah 13.26 juta tong. Jumlah minyak yang dikeluarkan oleh negara kita pada tempoh masa yang sama ialah 32.20 juta tong. Angka jumlah sehingga 31-5-1981 tidak dapat diberi kerana sedang disediakan.
- (b) Mengenai kapasiti penapisan, ketiga-tiga kilang penapis minyak tempatan yang ada sekarang ini mempunyai keupayaan menapis minyak lebih kurang 117,000 tong sehari.
- (c) Dari jumlah minyak yang ditapis oleh kilang-kilang tersebut lebih kurang 30% adalah dari minyak mentah tempatan, manakala bakinya adalah dari minyak mentah yang diimport.
- (d) Mengenai soalan akhir Ahli Yang Berhormat itu, lebih kurang 95% dari barang-barang petroleum yang dikeluarkan oleh kilang-kilang penapis minyak tempatan adalah untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan.

#### PAGAR SEMPADAN UTARA MALAYSIA

**35. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa Kerajaan

telah membelanjakan wang berjuta-juta ringgit kerana mendirikan pagar sempadan di Utara Malaysia dan mengadakan unit-unit pencegah penyeludupan, akan tetapi kejadian penyeludupan makin juga berlaku bahkan kadang-kadang berleluasa sehingga pagar-pagar digunting dan dikorek (digali) lubangnya. Jika sedar apakah tindakan Kerajaan terhadap perkara ini adakah kawalan kurang ketat dijalankan atau undang-undang yang ada tiada dipatuhi.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Untuk makluman Yang Berhormat dengan adanya pagar keselamatan dan Unit

Kadar pungutan cukai adalah seperti berikut:

Tempat	1975	1977	1978	1979	1980
Padang Besar ..	\$1,515,051.11	\$4,704,712.89	\$6,485,279.53	\$4,993,608.00	\$6,885,154.90
Changloon .. ..	\$ 785,585.83	\$1,168,019.40	\$1,852,157.95	\$3,072,327.87	\$3,895,455.42

Kerajaan telah mengambil tindakan untuk mengurangkan kejadian penyeludupan daripada berlaku dengan mengukuhkan pagar keselamatan dengan memasang lapisan dawai rintangan rendah (low wire entanglement) bersama-sama dengan ranjau di beberapa tempat yang perlu. Selain daripada itu anggota-anggota Unit Pencegah Penyeludupan yang ada akan ditambah bagi mengukuhkan lagi rondaan oleh unit tersebut supaya lebih berkesan lagi.

#### TELEFON—BILANGAN PEMOHON

36. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan memandang kepada hakikat terdapat lebih dari 500,000 pemohon-pemohon untuk telefon di negara ini yang berada dalam senarai tunggu, apakah rancangan Kementeriannya mempunyai untuk memenuhi permintaan tersebut dan sama ada, Kementeriannya berdaya menjelaskan backlog permohonan-permohonan untuk telefon itu.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Dakwaan mengenai bilangan penunggu-penunggu telefon Yang Berhormat sebutkan itu adalah tidak benar sama sekali. Mengikut perangkaan terakhir bulan April, jumlah pemohon-pemohon yang berada dalam senarai

Pencegah Penyeludupan sejak tahun 1977 di Kedah dan Perlis, kegiatan penyeludupan dan lalu-lintas sempadan secara haram yang begitu giat berlaku sebelum itu telah dapat dikawal dan dikurangkan. Adalah sukar untuk memberikan ukuran sejauh mana pagar sempadan itu telah dapat mengurangkan kegiatan penyeludupan dan lalu-lintas sempadan secara haram kerana pada keseluruhannya projek tersebut belum siap lagi. Walau bagaimanapun, dengan adanya pagar keselamatan dan Unit Pencegah Penyeludupan ini hasil kutipan cukai kastam di Padang Besar dan Changloon telah naik berlipat kali ganda.

penunggu untuk mendapatkan perkhidmatan telefon di seluruh Malaysia ialah lebihkurang 140,000 orang dan bukan 500,000 seperti yang dinyatakan itu.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat Jabatan Telekom akan membelanjakan wang peruntukan sejumlah \$4.45 ribu juta untuk meluaskan lagi perkhidmatan Telekomunikasi Negara. Rancangan telah diatur dalam melaksanakan projek-projek jangka panjang untuk menambahkan lagi talian-talian telefon pelanggan. Untuk mencapai matlamat tersebut, Kementerian saya melalui Jabatan Telekom akan berusaha melaksanakan projek-projek yang telah dirancangan dalam Rancangan Malaysia Keempat; antaranya:

- (a) Menambah keupayaan Ibusawat kepada 1.9 juta talian;
- (b) Menambah talian kebel pelanggan kepada 2.9 juta talian.

Di samping itu, Jabatan Telekom juga akan menambahkan lagi jumlah litar-litar sambungjauh kepada 343,618 litar sehingga akhir tahun 1985 nanti. Adalah diharapkan apabila rancangan meluaskan lagi rangkaian pelanggan terlaksana, Jabatan Telekom akan dapat mengurangkan peratus penunggu-penunggu telefon ke paras yang minima.

### SEKOLAH-SEKOLAH CHINA DI MELAKA—PERUNTUKAN

37. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah amaun wang untuk pembangunan yang:

- (a) diperuntukkan; dan
- (b) amaun yang sebenarnya dibelanja untuk sekolah-sekolah China di Negeri Melaka untuk setiap tahun sejak 1975.

**Dato Musa bin Hitam:** Kementerian Pelajaran telah melaksanakan berbagai projek untuk menyediakan kemudahan-kemudahan pelajaran kepada sekolah-sekolah rendah China di Negeri Melaka. Untuk makluman Yang Berhormat, sekolah-sekolah ini adalah dikategorikan kepada dua jenis iaitu sekolah Bantuan Modal di mana

tanah dan bangunan sekolah adalah bukan milik Kerajaan dan sekolah Kerajaan di mana tanah dan bangunan sekolah adalah hak milik Kerajaan. Jumlah peruntukan wang untuk pembangunan pelajaran bagi kedua-dua jenis sekolah tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Dalam tahun 1975 hingga 1980 jumlah peruntukan bagi Sekolah-sekolah Rendah China di Negeri Melaka adalah sebanyak \$1,739,006.
- (b) Dari jumlah tersebut sebanyak \$1,562,737 telah dibelanjakan bagi membiayai 91 projek-projek sekolah dalam tempoh tersebut.

Peruntukan untuk pembangunan Pelajaran mengikut tahun dari tahun 1975—1980 adalah seperti berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Tahun</i>	<i>Bil. Projek</i>	<i>Peruntukan</i>	<i>Perbelanjaan</i>
1.	1975 .. ..	6	305,170	292,500
2.	1976 .. ..	6	14,700	17,700
3.	1977 .. ..	18	116,380	134,380
4.	1978 .. ..	42	944,106	1,007,157
5.	1979 .. ..	9	35,000	31,000
6.	1980 .. ..	10	323,640	80,000
JUMLAH ..		91	1,739,006	1,562,737

### TUDM—KURSUS KEPIMPINAN JUNIOR

38. Tuan P. Patto minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kementerian beliau akan menghidupkan semula Kursus Kepimpinan Junior (Junior Leadership Course) untuk pegawai-pegawai TUDM yang kini telah digantikan dengan latihan komando yang dipandang oleh ramai pegawai TUDM sebagai tidak kena-mengena (irrelevant) dengan jenis kerja mereka.

**Dato Abu Hassan bin Haji Omar:** Bagi menjawab soalan ini, ingin saya jelaskan bahawa Kursus Kepimpinan Junior (Junior Leadership Course) yang dijalankan oleh TUDM adalah khusus untuk anggota-anggota lain pangkat rendah. Sekarang ini,

berikutan dengan keperluan pengkhususan dan kemahiran yang baru kursus tersebut telah digantikan dengan Kursus Penyelia Rendah (Junior Supervisor Course) dan tidak berhubungan dengan latihan komando secara mutlak.

Latihan Komando yang dilaksanakan oleh TUDM mempunyai objektif yang berlainan, yakni untuk membina kekuatan mental dan fizikal yang tahan lasak supaya lebih berkemampuan untuk menghadapi cabaran dalam keadaan tempur atau kombatan. Latihan komando diberikan kepada mereka yang sedang atau akan berkhidmat dalam Pasukan Keselamatan/Pertahanan Darat TUDM (HANDAU).

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja 1951; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG LALULINTAS JALAN (PINDAAN)

*Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga*

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (11hb Jun, 1981).

**Tuan Yang di-Pertua:** Waktu Dewan ini ditangguhkan petang semalam, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan sedang memberi jawapannya. Sila sambung.

3.36 ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya sebutkan sebelum Dewan ini ditangguhkan kelmarin, kadar pertambahan jalan tidaklah sama cepat dengan kadar penambahan kenderaan motor pada masa yang lampau. Dari tahun 1970 hingga 1980 bilangan kenderaan motor di Semenanjung Malaysia telah bertambah sebanyak 12% setahun tetapi dalam tempoh yang sama jalan-jalan Jabatan Kerjaraya . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang ini Yang Berhormat sudah sebut semalam. Sambung daripada yang semalam.

**Dr Goh Cheng Teik:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tidak begitu sama kadar kemajuannya.

Kerajaan sedar bahawa jalan-jalan di dalam beberapa bandar besar dan jalan-jalan di antara bandar-bandar besar telah tidak cukup untuk menampung keperluan kenderaan motor. Akibatnya, kesesakan lalulintas yang berat.

Atas kesedaran ini, Kerajaan telah lancarkan rancangan secara besar-besaran untuk menambahkan kapasiti jalan, terutama di mana kesesakan berlaku tiap-tiap hari. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Jabatan Kerjaraya telah melaksanakan beberapa projek jalan seperti Jalan Kuala Lumpur-Karak, Jalan Kuala Lumpur-Seremban, Jalan Kuala Lumpur-Petaling Jaya, Jalan Kuantan-Segamat, Jalan Jerangau-Jabor, Jalan Bahau-Keratong, Jalan Timur-Barat, Jalan Lapangan terbang Senai-Johor Bahru dan Jalan Masuk ke Pelabuhan Pasir Gudang.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat, projek-projek yang belum selesai akan diteruskan. Projek-projek baru akan bermula, misalnya memperbaiki Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban dengan tambahnya interchange-interchange baru; memperbaiki Lebuhraya Persekutuan (Federal Highway) dengan tambahnya interchange-interchange baru; memperbaiki Jalan Grik-Kuala Kangsar; memperbaiki Jalan Ipoh-Lumut; memperbaiki Jalan Kuantan-Kemaman-Dungun dan sebagainya.

Di samping ini, satu lebuhraya yang bertaraf antarabangsa sedang dibina dari Bukit Kayu Hitam di sempadan Thai ke Johor Bahru di sempadan Singapura. Upacara memulakan kerja pembinaannya pun telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Selain dari Lebuhraya Utara-Selatan, satu titi besar menghubungkan Seberang Perai dengan Pulau Pinang dan satu New Klang Valley Expressway menghubungkan Kuala Lumpur dengan Pelabuhan Klang mengikut alignment baru pun akan dibina.

Tuan Yang di-Pertua, jelaslah bahawa Kerajaan sedang dalam proses membina jalan baru secara besar-besaran. Walau bagaimanapun, usaha Kerajaan membina jalan baru secara besar-besaran dan secara cepat tidak akan berjaya sekiranya kontraktor-kontraktor jalan diganggu oleh kenderaan-kenderaan motor sebelum

kerjanya selesai atau sekiranya jalan-jalan yang belum betul-betul siap dirosakkan oleh kenderaan berat, terutama lori-lori kayu-balak. Kejadian-kejadian yang sangat dikesali telah berlaku di projek-projek seperti Jerangau-Jabor, Bahau-Keratong dan Kuantan-Segamat.

Pada masa ini, Kerajaan belum ada kuasa undang-undang untuk bertindak kepada pihak yang salah. Itulah sebabnya Kerajaan memohon daripada Parlimen melalui pindaan Rang Undang-undang Lalulintas ini kuasa undang-undang yang mencukupi untuk membolehkan Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Polis dan Jabatan Kerjaraya bertindak dengan tegas dan keras terhadap pihak-pihak yang salah. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan dan telah menyokong penuh pindaan Rang Undang-undang ini.

Mengenai papan-papan tanda dan lampu-lampu jalan di mana kerja pembinaan dan memperbaiki dijalankan, saya faham bahawa Jabatan Kerjaraya sedang mengkaji cara yang terbaik dan yang paling berkesan untuk memberi panduan. Pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi pertimbangan berat.

Berkenaan dengan Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban, satu kawasan rehat yang sesuai dan moden sedang direkabentukkan oleh Jabatan Kerja Raya. Di Lebuhraya Utara-Selatan yang sedang dibina, kawasan-kawasan rehat moden, seperti yang terdapat di motorway-motorway Inggeris, akan diadakan di tempat-tempat yang dianggapkan sesuai oleh pakar-pakar perunding.

Tentang soalan-soalan Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah berkenaan dengan definasi "road" atau "jalan", saya ingin menjelaskan bahawa "public expense" bererti perbelanjaan Kerajaan. Wang yang didatangkan sekali sekala dari vote projek kecil atau dari peruntukan Menteri-menteri adalah juga perbelanjaan awam. "Any other road to which the public has access", dengan izin, bererti jalan-jalan persendirian, jalan-jalan di ladang, jalan-jalan di kampung asalkan orang awam dapat melaluinya. Soal jalan itu diwartakan atau tidak oleh Kerajaan bukanlah satu kriteria.

Mengenai syor Ahli Yang Berhormat dari Matang bahawa Jalan-jalan Persekutuan dan Negeri disamakan, saya ingin menjelaskan bahawa pada masa ini Perlembagaan Persekutuan ada peruntukan yang tertentu berkenaan dengan tajuk ini. Walau bagaimanapun syor Ahli Yang Berhormat akan dirujukkan oleh Kementerian Pengangkutan kepada pihak-pihak yang berkuasa untuk pertimbangannya. Sekianlah, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemuka bagi diputuskan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL-USUL

### AKTA KASTAM 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1981

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1981

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1981

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1981

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1981

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1981

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1981

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1981

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1981

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) 1981

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15) 1981

3.46 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mak Hon Kam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen—kecil (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1981;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1981;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1981;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1981;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1981;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1981;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1981;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1981;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1981;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) 1981; dan
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15) 1981;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 59, 60, 61, 62, 63, 64, 65, 66, 67, 68 dan 69, tahun 1981 disahkan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1981 adalah bertujuan untuk memansuhkan duti import yang telah dikenakan ke atas

“jute bag” di bawah Nombor-nombor Kepala Tarif 57.10 100 dan 57.10 200. Tindakan memansuhkan duti import ini adalah wajar dilakukan kerana barang “jute bag” yang berkenaan tiada dikeluarkan dalam negeri pada masa ini. Sebuah syarikat yang mempunyai cadangan untuk mengeluarkan “jute bag” ini telahpun ditutup sejak tahun 1976 lagi. Selain dari itu “jute bag” adalah digunakan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara, petani-petani dan lain-lain. Oleh yang demikian, pemansuhan duti ini akan memberi faedah dari segi mengurangkan kos kepada pihak-pihak yang terlibat seperti di atas.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1981 bertujuan untuk menghapuskan cukai tokok sebanyak 5% ke atas jentera-jentera berat yang sekarang ini tidak diperbuat dalam negeri dan yang digunakan dalam sektor pembinaan dan perusahaan perumahan. Seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam Dewan yang mulia ini pada 9hb April, 1981, penghapusan cukai tokok sebanyak 5% ini adalah bagi mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembinaan dan perumahan, menjimatkan penggunaan tenaga kerja serta memodenkan teknologi pembinaan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1981 adalah bertujuan untuk mengecualikan duti-duti import 20%, cukai tokok 5% dan cukai jualan 5% ke atas borang-borang perniagaan, resit dan invois yang telah diisi penuh. Sebelum ini, dokumen-dokumen tersebut sama ada yang telah berisi ataupun belum berisi dikenakan duti. Adalah lebih wajar untuk memansuhkan duti ke atas dokumen yang telah digunakan kerana untuk memudahkan ahli perniagaan yang dari luar negeri membawa masuk dokumen-dokumen tersebut.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1981, ini bertujuan menurunkan duti import yang dikenakan ke atas minyak petrol premium dan regular sebanyak 20 sen segelen daripada \$1.31 sen kepada \$1.11 sen segelen. Penurunan duti ini dibuat berikut dengan berkuatkuasanya struktur harga baru bagi barang-barang petroleum yang berkuatkuasa pada 18hb April, 1981. Penurunan ini perlu

supaya kenaikan harga minyak tersebut dapat dikurangkan sebanyak 20 sen segelen.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1981 adalah bertujuan untuk menghapuskan duti import yang tinggi atas serbok colok iaitu sebanyak 55 sen sekilo yang jatuh di bawah No. Kod Tarif 12.07 900. Pengenaan duti import yang tinggi itu mengakibatkan colok buatan tempatan tidak dapat bertanding dengan colok yang diimport. Dengan penghapusan duti itu pengimportan serbok colok akan dikenakan cukai tokok sebanyak 5% sahaja. Langkah ini akan dapat mengurangkan kos bagi pengeluar-pengeluar colok tempatan.

Tujuan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1981 ialah untuk mengemaskinikan Jadual Pertama kepada Perintah Duti Kastam 1978 dengan memasukkan beberapa gred Getah Mutu Malaysia atau Standard Malaysia Rubber (SMR) yang baru, seperti SMR WF dan menghapuskan gred yang tidak digunakan lagi, seperti SMR EQ. Berikutan dengan pindaan yang saya sebutkan tadi, maka Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1981 yang berkaitan dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1981 perlu juga diadakan bagi mencerminkan pindaan tersebut.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1981 bertujuan mengenakan duti import 40 sen se kg. ke atas "alkyds and other polyesters" di bawah Nombor Kepala Tarif 39.01 410. Duti ini merupakan duti perlindungan untuk membantu perusahaan tempatan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1981 adalah bertujuan menyusun semula No. Kepala Tarif ke atas "electric capacitors" supaya "fixed capacitors other than electrolytic of a capacitance of 1 uf and above but less than 8 uf" di bawah No. Kepala Tarif 85.18 400 dikenakan duti import 25%. Duti import ini merupakan duti perlindungan untuk membantu perusahaan tempatan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) bertujuan mengenakan duti import 20% ke atas "gauze, cloth, netting and fencing of stainless steel" di bawah No. Kepala Tarif 73.27 101 dan 73.27 201. Duti import ini

dikenakan dengan tujuan untuk melindungi perusahaan tempatan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15) 1981 ini bertujuan mengenakan duti import pada kadar 27 sen se kilogram ke atas "carbon black" di bawah nombor kepala tarif 28.03 100. Duti ini ialah duti perlindungan untuk membantu perusahaan tempatan. Dengan pengenaan duti ini larangan import yang dikenakan ke atas "carbon black" tersebut semenjak 12hb Mei, 1977 adalah dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ini ialah suatu usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan yang tertera sebagai nombor 2 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini sekarang terbuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

3.58 ptg.

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian atas perbahasan usul ini, dari beberapa aspek yang ada berkenaan dengan structure cukai import baik dimansuhkan atau dikenakan, umpamanya, Perintah Duti Kastam Pindaan (No. 14) 1981 memang adalah sewajarnya Kerajaan mengenakan tariff protection iaitu perlindungan tarif perlu diberikan kepada perusahaan-perusahaan yang mengilang atau produce netting product, gauze dan lain-lain pakaian.

Memang ini adalah satu langkah yang perlu bagi Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun untuk memberi satu perlindungan tarif cukai kepada kilang-kilang yang kecil yang selalu menghadapi persaingan di pasaran antarabangsa. Tetapi perkara yang perlu diperhatikan oleh Kementerian Kewangan ialah sebelum sesuatu perlindungan tarif ini diberikan, Kerajaan perlu mengadakan satu kajian lebih mendalam dan menyeluruhnya tentang masalah pasaran di Malaysia sendiri umpamanya apakah permintaan supply and

demand sebelum sesuatu tarif perlindungan diberikan kepada perusahaan-perusahaan yang tertentu.

Ini adalah supaya kepentingan pengguna (consumer) boleh diperindungi daripada selalu ditindas dengan harga-harga yang tinggi oleh pihak-pihak yang berkenaan kerana adanya incentive perlindungan tarif yang difikirkan oleh Kerajaan. Selain daripada kilang-kilang yang sudah menikmati perlindungan tarif ini maka negara juga adalah bertanggungjawab untuk menolong Kerajaan memerangi inflasi dengan harga-harga yang ditawarkan ini adalah sewajarnya, jangan terlalu tinggi kalau dibandingkan dengan barang-barang yang diimport dari segi harganya atau kualitinya.

Perkara yang kedua ialah mengenai Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1981 iaitu cukai import yang dikenakan kepada harga minyak. Ini saya anggap adalah sebagai satu langkah yang sangat wajar. Ini memang akan menolong Kerajaan untuk memberikan satu pelepasan bebanan kepada rakyat Malaysia khasnya pengguna-pengguna. Memang dari segi penurunan cukai import ini akan memberatkan bebanan kewangan Kerajaan sendiri tetapi dari segi bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang mengeluarkan minyak sendiri tentu rakyat negara ini adalah berhak sepenuhnya untuk menikmati harga minyak yang lebih murah daripada negara-negara yang tidak mengeluarkan minyak. Sebab itu saya harapkan Kerajaan kita sendiri boleh memberikan satu pertimbangan yang lebih mendalam iaitu bagaimana dari struktur, cukai import yang dikenakan kepada keluaran minyak ini boleh diturunkan beberapa sen lagi supaya rakyat Malaysia amnya boleh menikmati harga minyak lebih murah, kerana harga minyak hari ini adalah sangat tinggi walaupun dibandingkan dengan negara-negara yang lain adalah lebih rendah, tetapi satu faktor yang tidak boleh dinafikan ialah rakyat Malaysia tentu ada mengharapkan supaya Kerajaan boleh lagi bertindak dengan telitinya untuk mengkaji bagaimana melalui cara-cara struktur cukai yang dikenakan kepada pengimportan minyak ini boleh dikaji semula supaya harga minyak Malaysia hari ini bolehlah diturunkan

sekali lagi bukan hanya dinaikkan, kerana harga sekarang di Malaysia adalah sangat tinggi.

Tuan Speaker, akhirnya ialah mengenai Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1981 mengenai jute bag iaitu dalam Bahasa Malaysia ialah "beg guni" kalau tidak silap saya perkataan yang digunakan. Memang sangat wajar bagi Kerajaan untuk memansuhkan duti import sebanyak 20% yang dikenakan kepada jute bag yang banyak digunakan oleh kaum petani, Lembaga Padi dan Beras Negara dan lain-lainnya iaitu di bawah tariff code 57.10 100 dan 57.10 200 di mana yang diberi oleh Timbalan Menteri Kewangan. Tetapi satu masalah yang perlu kita perhatikan, saya harap juga Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu Dewan yang mulia ini, apakah sebabnya kilang yang sebenarnya ada mengeluarkan jute bag ini telah ditutup pada tahun 1976 yang merupakan satu-satunya kilang yang ada mengeluarkan jute bag ini. Apa sebab kita hanya bergantung 100% kepada pengimportan beg-beg guni yang kebanyakan digunakan oleh kaum petani dan Lembaga Padi dan Beras Negara. Apakah sebabnya tidak boleh Kementerian Kewangan memikirkan dengan mendalamnya iaitu bagaimana satu projek atau industri yang diadakan baik secara joint-venture atau melalui SEDC menubuhkan kilang-kilang yang berkenaan untuk mengeluarkan (produce) jute bag untuk pasaran negara kita.

Saya harap ini satu langkah yang lebih positif untuk pertama: boleh cut down supaya Malaysia tidak hanya bergantung kepada pengimportan beg-beg guni ini; kedua: boleh menjimatkan foreign exchange dari segi wang yang kita beli beg-beg guni daripada negara-negara yang kita import beg itu. Saya berharap bahawa Kementerian Kewangan boleh menubuhkan kilang-kilang umpamanya di Melaka, saya yakin negeri Melaka sangat welcome adanya industri ini ditubuhkan baik di Batu Berendam atau di Tanjung Keling (Free Trade Zone) supaya segala tax incentive ini boleh diberikan kepada kilang-kilang yang ada pioneer sekarang untuk mengeluarkan (produce) jute bag ini supaya kita tidak akan menghadapi



masalah pada masa-masa akan datang umpamanya kekurangan bekalan (short of supply) atau menghadapi tekanan daripada negara-negara yang mengeksport jute bag ini kepada negara kita.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*).

Saya fikir perkara ini boleh diperhatikan oleh Timbalan Menteri Kewangan iaitu bagaimana caranya yang lebih positif, yang lebih realistik, yang praktikal untuk mengatasi masalah ini. Memang memansuhkan untuk sementara waktu (temporary measure) adalah untuk membatalkan atau memansuhkan cukai import yang dikenakan itu akan secara langsungnya menolong kaum petani menikmati beg-beg guni dengan harga yang lebih rendah kosnya tetapi saya fikir kalaulah kita sendiri mengeluarkan atau menubuhkan industri-industri yang sanggup mengeluarkan jute bag ini tentu harganya akan lebih rendah kalau dipotong cost of transport dan lain-lainnya. Saya yakin rakyat Malaysia khasnya kaum petani tentu boleh menikmati harga yang lebih murah dan rendah beg-beg guni yang begitu banyak digunakan oleh golongan yang berpendapatan rendah.

Pada keseluruhannya saya adalah menyokong bahawa langkah-langkah yang telah diambil seperti mana yang tersebut dalam usul ini adalah baik untuk memansuhkan cukai atau dikenakan cukai sebagai perlindungan tarif (tariff protection) tetapi saya haraplah sesuatu aspek yang mengenai tariff protection ini iaitu perlindungan tarif ini perlu dikaji dengan seteliti-telitinya supaya jangan ada pihak-pihak di mana bila perlindungan tarif diberikan mereka mengeksploitasikan perlindungan tarif yang diberikan oleh Kerajaan kita. Saya harap satu dasar baru perlu ditetapkan bila sesuatu perlindungan tarif atau cukai diberikan kepada sesuatu perindustrian atau industri yang berkenaan maka Kerajaan perlu memastikan pasaran barang-barang ini tidak akan menghadapi apa-apa masalah.

Kedua, harganya tidak akan dieksploitasikan atau dimonopoli oleh kilang-kilang yang hanya diberikan perlindungan

tarif ini. Ketiga, kilang yang diberikan perlindungan tarif ini perlu disedarkan tentang tanggungjawab mereka untuk memberikan faedah kepada pengguna-pengguna kita sendiri, jangan hanya menikmati perlindungan tarif tetapi mencuaikan tanggungjawab mereka yang sebenarnya. Sekianlah sahaja dan saya sokong usul ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Batang Padang.

4.09 ptg.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan tentang usul Perintah-perintah Duti Kastam seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan saya menyokong penuh tentang Perintah-perintah yang telah dibentangkan itu. Juga saya faham bahawa semua Perintah-perintah Duti Kastam adalah dibuat demi kebaikan masyarakat dan perkembangan perindustrian dalam negara kita ini.

Namun demikian terdapat juga beberapa aspek Perintah Duti Kastam yang saya harap mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan iaitu Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) hingga (Pindaan) (No. 15). Ini saya tidak faham lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya suka menyentuh tentang Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1981 iaitu mengikut keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pemansuhan duti import ini adalah kerana syarikat yang tunggal yang telah mencadang untuk mengeluarkan bag tali jut ini telah ditutup sejak tahun 1976 lagi. Sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi ada berlainan dari pendapat saya yang mana beliau mencadangkan supaya pokok-pokok jut ini ditanam di negara kita ini. Saya harap mendapat satu kajian yang lebih mendalam lagi bahawa menanam pokok jut ini samalah seperti kita menanam pokok lalang yang tidak boleh memberi buah hasil bagi makanan kepada penduduk negara kita

ini, yang mana negara kita ini bukan satu negara yang besar dan luas untuk ditanam dengan pokok-pokok jut tetapi kita berkehendakkan pokok-pokok tanaman untuk makanan bagi penduduk dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pemansuhan duti import ini adalah kerana syarikat tunggal tadi lebih baik kita mansuhkan sahaja duti import tadi. Ertinya berkaitan dengan guni bukan hasil yang sebenar untuk makanan kita datangkan tetapi kita mansuhkan duti import itu. Inilah maksud saya untuk bercakap di sini supaya kita mengkaji, jangan kita tanam dahulu pokok ini. Apabila pokok ini penuh dalam negara kita ini rakyat kita samalah duduk di dalam lalang.

Tuan Yang di-Pertua, galakan cukai yang seumpama ini haruslah dipuji kerana dengan berbuat demikian Kerajaan telah menunjukkan bahawa ianya sangat jujur dalam usaha untuk menolong para usahawan. Ini memang adil kerana tali jut ini tidak lagi dikeluarkan dalam negara dan penurunan duti import akan mengurangkan kos bagi tali jut ini. Akan tetapi saya berpendapat bahawa yang penting di dalam sebuah negara yang sedang maju adalah galakan bagi usahawan-usahawan untuk berdikari dan bukannya memberi kemudahan kepada usahawan-usahawan supaya memupuk sikap bergantung kepada sumber-sumber luar negeri. Apa yang saya maksudkan adalah Kerajaan patut menggalakkan kajian tentang sebab-sebabnya perusahaan membuat bag tali jut ini tidak boleh berjaya. Jika perlu Kerajaan patut mengkaji kemungkinan untuk menubuhkan satu kilang untuk mengeluarkan tali jut untuk membuat bag ini usahasama dengan pihak swasta kerana bahan ini adalah digunakan dengan banyaknya oleh berbagai-bagai usahawan di negara kita. Dengan berbuat demikian bukan sahaja negara kita ini dapat menjimatkan wang pengeluaran asing bahkan juga dapat memupuk sikap berdikari di antara pengusaha-pengusaha kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk bercakap dengan panjang lebar lagi, lagi sekali saya ingin mengucapkan tahniah

kepada pihak Kementerian Kewangan yang telah sentiasa mengamalkan dasar-dasar percukaian yang adil demi kebaikan masyarakat dan perkembangan ekonomi negara kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Setapak.**

4.14 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama hendak mengambil bahagian dalam beberapa perubahan ataupun pindaan masalah duti kastam ataupun Akta Kastam, 1967. Saya tertarik di sini ialah Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) dan (No. 11) iaitu berkaitan dengan tambahan pembayaran *ad valorem* kepada getah-getah yang dieksport ke luar negeri dan juga pembayaran di atas segala getah cair yang keluar dalam negara kita.

Dalam perkara ini sukacitalah saya menarik perhatian pihak Kerajaan kerana getah seperti yang kita semua sedia maklum adalah satu perusahaan yang dipertanggungjawabkan kepada sejumlah besar penduduk negara kita dan juga yang mendatangkan hasil yang sebegitu besar kepada negara kita dan usaha Kerajaan pun telah berjaya mewujudkan berjuta-juta ekar hasil daripada rancangan luar bandar daripada sejak merdeka dahulu yang mana pihak Kerajaan telah memberi tanah kepada bekas-bekas perajurit dan juga kepada keluarga-keluarga yang sanggup meninggalkan halaman pergi berpindah-randah membuka rancangan luar bandar yang dikatakan di bawah beberapa skim seperti RISDA, FELCRA dan sebagainya dan sekarang ini sampailah kepada masalah getah ini telah menjadi satu pembangunan yang besar dalam negara hasil daripada usaha Kerajaan memberikan peluang kepada penduduk-penduduk di luar bandar mengadakan skim tanaman getah semula dan membuka ladang-ladang.

Pada hari ini kita bersyukur getah telah menjadi satu bahan atau hasil negara salah satu yang paling terbesar dalam negara kita yang membawa hasil yang banyak. Tetapi apa yang saya hendak membawa perhatian ialah

masalah jualan getah ini kepada pasaran dunia. Sejauh manakah hasil jualan ini sungguh-sungguh memberi nikmat kepada orang-orang yang menoreh getah, orang-orang kampung yang menanam getah di luar-luar bandar, kerap kali kita dengar harga getah dalam dunia naik melambung tinggi tetapi penoreh getah, penanam getah, orang-orang yang mempunyai kebun-kebun kecil tidak mendapat nikmat seimbang dengan keadaan harga pasaran dunia. Tetapi sebaliknya apabila harga pasaran dunia turun meleset penoreh getah, tuannya-tuannya kebun kecil, orang yang terutama sekali menerima penderitaan dan penindasan.

Iniilah yang hendak saya tujukan mengambil kesempatan daripada Perintah Duti Kastam ini dan saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya membentuk pasaran getah di peringkat dalam negara ini sendiri supaya tuannya-tuannya ladang-ladang getah terutamanya sekali pekebun-pekebun kecil mengetahui latar belakang, mengetahui selok-belok, mengetahui masa hadapan untung nasib baik mereka.

Saya terperanjat, Tuan Yang di-Pertua, getah kita mengeluarkan banyak dalam negara kita ini tetapi di manakah terletaknya kuasa pemasaran getah ini. Siapakah yang bertanggungjawab sehinggakan pada hari ini dalam komoditi market sendiri pun pihak Kerajaan masih lagi gagal tidak dapat mewujudkan tempat pasaran getah di dalam negara kita ini. Apa yang saya difahamkan kenaikan ataupun harga getah dalam negara kita ini dikuasai oleh satu kumpulan taukeh-taukeh yang berada di Batu Pahat yang ada hubungan dengan Singapura. Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah pihak Kerajaan menyiasat perkara ini kenapakah pihak Kementerian yang bertanggungjawab tidak dapat mengadakan satu sistem.

Kadang-kadang saya naik pelik kenapakah kelapa sawit yang baru diwujudkan dalam negara kita ini, yang baru berjalan pasarannya lebih kurang 10 tahun sejak merdeka telah mempunyai pasarannya sendiri. Ada kita menghantar pakar-pakar kita, ada pejabat kita di luar negeri dan kita tahu masa hadapan dan sebagainya tetapi getah yang sekarang ini dikuasai yang banyak orang-orang Melayu sendiri yang telah

menjadi pekebun kecil selalu menyoalkan perkara ini dalam beberapa perjumpaan mereka tidak tahu keadaan masa hadapan. Itu satu aspek yang patut dibaiki sebab kita telah merdeka sekarang ini hampir-hampir 25 tahun, telah suku abad patutlah masalah getah ini diselesaikan daripada segi pasarannya supaya penoreh-penoreh getah, tuannya-tuannya pokok-pokok getah, estet-estet yang kecil mengetahui masa hadapan dan ini akan menggalakkan mereka.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, masalah kutipan ses ataupun daripada kutipan cukai jualan-jualan getah ini saya rasa juga sejauh manakah dapat dinikmati oleh mereka yang bertanggungjawab mengeluarkan getah ini. Ini juga masih lagi samar-samar iaitu yang mana apa yang diterima dirasai oleh penduduk-penduduk di luar bandar amatlah kecil, terlampau banyak sangat mainan orang-orang tengah (the middle-men) yang menguasai pasaran antarabangsa ini yang menjadi multi-millionaire memerah hasil daripada tuannya-tuannya pokok-pokok getah dan tuannya-tuannya pekebun-pekebun kecil ini sendiri. Saya berharap kepada pihak Kerajaan apabila meminta Perintah Duti Kastam hasil yang didapati ini sungguh-sungguh dapat dinikmati secara terus kepada pihak yang berhak menerimanya, iaitu kepada pekebun-pekebun kecil dan juga kepada orang ramai.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi pandangan kepada pihak Kerajaan. Dalam ucapan saya membahaskan Budget tahun 1981 pada awal tahun ini, baru-baru ini saya telah menarik perhatian Kerajaan mengenai masalah pihak negara kita banyak mengeluarkan hasil yang banyak untuk pasaran dunia dan mengikut kertas kerja yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, iaitu dalam Rancangan Malaysia Keempat jelas terlihat iaitu Kerajaan kita terlampau banyak sangat terpaksa membelanjakan wang negara membayar perkhidmatan-perkhidmatan, terutamanya sekali daripada segi pengangkutan dan juga daripada segi insurans sehinggakan sepatutnya dalam tempoh 5 tahun yang akan datang daripada segi eksport, daripada trade balance Malaysia akan mendapat keuntungan

tetapi oleh sebab Malaysia menanggung terlampau banyak sangat perbelanjaannya begitu besar kerana perkhidmatan pengangkutan dan insurance sehinggakan kita menghadapi deficit lebih kurang \$148 juta selepas Rancangan Malaysia Keempat ini kerana pada pandangan saya terlampau kurang sangat pihak negara kita ini mengadakan persediaan untuk menghadapi mengatasi masalah perkhidmatan dan masalah insurans ini.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan hasil daripada Perintah Kastam ini yang boleh mendatangkan banyak hasil daripada kutipan bayaran cukai apa salahnya separuh ataupun sejumlah besar daripada wang hasil kutipan getah ini dibentukkan satu badan untuk mengatasi masalah perkhidmatan yang memakan belanja yang besar oleh Kerajaan kita. Sebagai contoh misalnya sekarang syarikat perkapalan kita, negara kita banyak mengeksport dan mengimport tetapi syarikat perkapalan kita terlampau kecil kalau dibandingkan dengan negara jiran, syarikat perkapalan misalnya di Singapura sangat teratur. Oleh sebab Singapura sebagai contoh dapat memberi perkhidmatan yang baik daripada segi perkhidmatan negaranya sehinggakan kuasa wang ringgit mereka lebih kuat, lebih teguh daripada negara kita walaupun negara kita ini lebih kaya dipandang daripada segi mata kasar dengan Singapura oleh kerana Singapura menguasai segala jenis perkhidmatan di negaranya. Jadi kalau pihak Singapura boleh berbuat demikian apa salahnya hasil daripada jualan getah ini diperuntukkan bagi membesarkan syarikat-syarikat ataupun agensi-agensi yang banyak menjalankan perkhidmatan untuk faedah negara kita seperti yang saya jelaskan tadi, iaitu dalam bidang perkapalan negara kita ini diperkuatkan supaya perkapalan kita ini boleh memberi khidmat, masalah eksport dan import boleh setanding dengan syarikat perkapalan antarabangsa supaya kita ini mempunyai suara yang kuat dalam perjumpaan Freight Conference antarabangsa. Tetapi oleh sebab syarikat perkapalan kita ini masih lemah dan boleh jadi kekurangan modal ataupun tidak mendapat sokongan daripada industri-industri lain yang ada dalam negara kita

ini, boleh jadi industri-industri seperti getah ini sendiri tidak menggunakan syarikat perkapalan Malaysia sendiri untuk mengeksport barangnya, kita tak tahu. Jadi kalau ada hubungan koordinasi sebegitu baik saya percaya masalah Rancangan Malaysia Keempat yang mana Malaysia akan memakan belanja yang besar untuk menampung perbelanjaan perkhidmatan dapat diperbaiki dan dapat dikurangkan.

Jadi inilah pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, daripada Kertas Perintah tadi. Saya mengambil kesempatan dan berharap perkara ini akan mendapat pertimbangan daripada pihak Kerajaan pada keseluruhannya, dalam pada itu saya menyokong Perintah ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kangar.

4.27 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri berkenaan mengenai Duti Kastam. Di samping itu saya suka menegaskan sebagaimana kita maklum negara kita mendapat wang daripada cukai-cukai, mahupun cukai yang dikutip dalam negeri, juga cukai import dan eksport.

Cukai import kita tidak nafi walaupun banyak ataupun sedikit ia kena bergantung kepada dua segi. Segi pertama, segi banyaknya yang kita telah tetapkan sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan kita dan ada di antaranya telah kita kurangkan dan ada yang kita telah naikkan. Saya mengucapkan terima kasih di atas banyaknya yang telah kita kurangkan. Tetapi pada garisan kasarnya pendapat saya kalaulah duti kastam ataupun cukai kastam ini kita ambil banyak sekalipun tetapi kalau pengawasan tidak rapi, tidak cukup tentulah hajat kita yang hendak ambil banyak itu tidak akan tercapai.

Izinkanlah saya memberi contoh, Tuan Yang di-Pertua, di tempat saya sendiri yang salah satu daripada sempadan yang barang-barang daripada luar negeri bawa masuk ke sini yang kita kutip melalui kastam, iaitu Padang Besar. Dan bukanlah Padang Besar

ini sahaja yang menjadi sempadan dengan negara kita Malaysia, setahu saya Padang Besar, Changloon, Johor Bahru dan ada lagi tempat-tempat pelabuhan yang melalui lautan. Disebabkan pengawalan yang cukup rapi, satu ketika saya mendapat tahu daripada pihak-pihak yang berkenaan yang mana berita ini amat nyata dan sah, daripada \$100,000 kalau tidak silap saya telah meningkat sampai \$200,000 lebih pada masa yang sama. Matlamatnya bukan kerana lain, kerana pengawalan. Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya dapat berita meningkat empat kali ganda. Ini bergantung kepada pengawalan. Sebab itu bagi saya untuk mengemaskan duti kastam sama ada diturunkan ataupun dinaikkan asas pertama pengawalan adalah perlu dijaga. Kalau kita tidak jaga pengawalan itu, walaupun kita turunkan lagi; kalau kita naikkan sekalipun, ini kerap kali berlaku kadang-kadang dibawa masuk dengan tidak dikawal dengan begitu rapi. Dengan sebab itu saya mengaitkan dengan usul ini supaya rapi. Biarlah orang yang akan menjaga itu kita beri hak-hak istimewa.

Kadang-kadang kita dengar ada daripada pegawai-pegawai Kastam yang menjalankan kerja dengan curang, ada perkara yang dilepaskan ada barang-barang yang tidak dilepaskan sedangkan perkara itu mesti dibayar cukai. Saya tidak mahu menuduh kerana mereka ini juga manusia, tetapi kadang-kadang tuduhan ini benar ataupun tidak benar. Tetapi yang saya amat dukacita dan sedih merekalah yang membawa orang bawa masuk wang yang banyak dengan membayar cukai, selain daripada dalam negeri ialah cukai sempadan, iaitu cukai Kastam tadi.

Tetapi elaun untuk mereka yang mengawal sebagai Kastam kadang-kadang tidak berpatutan. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada melalui jalan darat sepertimana saya katakan tadi iaitu melalui Kastam di Padang Besar, Changloon dan sebagainya juga Johor Bahru kita tidak nafikan melalui pelabuhan-pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Kuala Perlis dan berbagai pelabuhan lagi ada yang kecil dan ada yang besar. Saya tidak tahu yang selalu disebut namanya yang tepat tetapi izinkan saya

katakan Kastam yang bertanggungjawab menghapuskan penyeludup-penyeludup yang ada di dalam laut. Kadang-kadang, mereka ini diberi elaun ataupun gaji yang tidak setimpal sedangkan mereka menghadapi bahaya di laut seperti lanun dan sebagainya. Tujuan mereka . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kangar, perkara yang hendak dibuat di dalam usul ini ialah untuk mengesahkan Statut Bil. 59, 60, 61 dan 62 hingga 69 berkenaan dengan barang-barang yang tertera seperti lift, skid, hoist, escalators, macam-macam lagi dan juga termasuk getah, tinted metal dan sebagainya. Kalau begitu bolehlah Yang Berhormat tumpukan khas kepada pengesahan kertas perintah ini sahaja, bukan soal gaji; itu soal lain.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas peringatan, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kalau tidak silap saya, kalau silap saya minta maaf; saya mengaku sayalah yang silap walaupun saya benar sekalipun tetapi ini Tuan Yang di-Pertua dengan Ahli Dewan. Saya katakan tadi, saya kaitkan satu, Duti Kastam bersangkutan dengan cukai, orang yang hendak mengawal cukai itu ialah Kastam . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dalam kertas Perintah ini perkara itu tidak ada kaitan.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Yalah . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Jadi, yang ada ini cuma cukai-cukai berkaitan dengan perkara yang saya sebut dalam senarai ini. Hal gaji, elaun dan sebagainya tidak usah dibawa di dalam hal ini.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Walau bagaimanapun, harapan saya kepada Kastam-kastam ini hendaklah diambil berat oleh pihak Kerajaan oleh kerana merekalah yang bertanggungjawab untuk menjalankan segala perkara-perkara yang diluluskan dalam usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana juga dikatakan oleh kawan saya Ahli Yang

Berhormat dari Batang Padang saya amatlah bersetuju tentang akan dihapuskan terus duti kastam atas jut ataupun barang-barang yang hendak dibuat bakul dan sebagainya daripada tali jut. Saya berharap sangat-sangatlah kepada Kerajaan seboleh-bolehnya kita kenalah pandang dua segi. Segi pertama untuk kesenangan kepada satu industri ataupun satu perusahaan.

Segi yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sangat-sangat di segi apa yang kita hendak hapus ini kita pandangkan dari segi umum. Kalaulah boleh dan saya mencadangkan terus biarlah perkara-perkara yang akan dihapuskan Duti Kastam sebagaimana yang dikatakan tali jut tadi kalaulah perkara itu kita yakin betul-betul tidak boleh ditanam atau diadakan dalam Malaysia, sekiranya perkara ini dapat ditanam oleh rakyat dalam Malaysia walaupun mutunya kurang baik sedikit, saya berpendapat patutlah perkara ini walaupun kita hendak hapuskan tidak payahlah kita hapuskan terus kerana dengan jalan ini dapatlah kita menggalakkan rakyat kita di Malaysia daripada berusaha sendiri, kecuali kalau satu-satu perkara itu kita tidak dapat hendak berusaha terus barulah perkara itu dihapuskan sama sekali. Jadi kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah kepada Kementerian Kewangan memandang kepada dua segi.

Segi pertama, segi pandangan kepada rakyat. Pendek kata kalau satu-satu perkara yang dapat digunakan oleh rakyat sendiri saya berharap biarlah cukai masuk ataupun Duti Kastam itu kita lebihkan supaya kita galakkan penanam-penanam tempatan mengambil bahagian. Sekiranya satu-satu perkara itu tidak boleh langsung dijalankan oleh rakyat barulah Duti Kastam itu kita naikkan. Kalaulah rakyat sendiri boleh menggunakan patutlah kita naikkan Duti Kastam dan kecuali kalau perkara itu tidak dapat digunakan langsung ataupun tidak dapat diusahakan langsung barulah Duti Kastam itu kita turunkan ataupun kita hapuskan langsung supaya dengan cara Duti Kastam ini bukan sahaja setakat Kerajaan dapat hasil tetapi memberi minat dan usaha kepada Kerajaan. Kerana rakyat kita juga kalaulah benda itu dia boleh berusaha dan

dengan ada harga dia akan berusaha bersungguh-sungguh.

Saya contohkan satu, Tuan Yang di-Pertua, ini sebagai barang-barang yang dibawa masuk. Pada zaman Jepun walaupun saya kecil banyak barang jadi berharga kerana benda itu tidak ada. Bila benda itu tidak ada orang dengan sendirinya berusaha. Telah menjadi tabiat asli kepada manusia kalau benda itu senang dapat dia tidak berusaha tetapi kalau benda itu payah dapat walaupun dia boleh berusaha dan kalau diusahakan jadi, dia tidak akan berusaha. Jadi, saya berharaplah kepada Kerajaan biarlah dinaikkan duti ataupun cukai kalau difikirkan benda itu dapat diadakan dalam Malaysia sendiri supaya dengan itu matlamatnya rakyat Malaysia dapat berusaha dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya tertarik kalau tidak silap dalam perkara 8 tadi tentang minyak petrol. Saya mengucapkan terima kasih. Kalau tidak silap pendengaran saya, sepertimana yang dibentangkan oleh Menteri duti minyak petrol ini akan diturunkan. Itu dalam perkara 8 tadi, dalam huraian yang disebutkan oleh Timbalan Menteri. Saya sangat-sangat bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, kerana hari ini orang kita kalaulah dia sekali gus hendak berikhtiar membeli motokar lama-lama sekali ataupun 4-5 tahun baru sekali beli, misalnya macam motokar tidaklah payah bagi dia. Tetapi kalaulah tiap-tiap hari dia hendak mengisi minyak motokar dan sebagainya, ini jadi satu kerumitan.

Sebab itulah juga kita perhatikan hari ini sebab minyak petrol mahal, minyak diesel murah, walaupun motokar diesel, cukai jalanraya sangat mahal, orang sanggup membayar enam bulan sekali daripada hendak bayar tiap kali bubuh minyak dengan harga mahal. Tuan Yang di-Pertua, atas apa yang disyorkan tadi saya bersetuju. Walau macam manapun, supaya mengkaji, biarlah cukai ini kalau boleh kita beri subsidi juga kepada orang-orang yang berpendapatan rendah seperti motosikal dan sebagainya kerana rakyat di dalam negara kita ini ada yang berpendapatan tinggi. Saya percaya kalau dia hendak dikenakan cukai banyak sekali tidak menjadi halangan sangat kepada

mereka. Tentang cukai diesel, saya percaya benda ini juga kena tetapi, kalau kena saya berharaplah mendapat subsidi lebih banyak lagi oleh sebab benda ini ada kait mengait di antara satu sama lain. Kalaulah perkara mengenai kenderaan ini menggunakan kos yang tinggi untuk mendapatkannya, tentu mendapat kos yang tinggi balik. Misalnya seorang membubuh minyak dengan harga yang mahal dia akan ambil daripada penumpangnya dengan tambang yang mahal supaya harga yang dikenakan itu setimpal dan dia tidak rugi.

Dengan sebab itu saya berharap sangat-sangat kalau perkara ini telah diadakan cukai, harap direndahkan, kalau tidak saya haraplah Kerajaan memberi subsidi yang lebih banyak lagi kepada pengguna-pengguna diesel terutama yang berhubung dengan orang awam misalnya bas-bas dan apa-apa yang bersangkutan dengan orang awam yang terpaksa menggunakannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap kepada cukai duti eksport, iaitu kalau boleh, selain daripada kita mencari kewangan, hendaklah bersifat peri kemanusiaan, itu patut kita adakan juga. Saya bercakap ini kerana saya berhampiran dengan sempadan. Banyak perkara-perkara yang telah ditetapkan cukai. Ada beberapa cukai yang telah diturunkan sebagaimana yang dibentangkan dalam Kertas Perintah kita pada hari ini dan ada cukai lama sebagai panduan untuk kita. Saya amat sedih kadang-kadang ada orang-orang yang bawa barang banyak tidak dikenakan cukai. Sebaliknya ada orang yang bawa barang sendiri dikenakan cukai. Misalnya ada orang bawa durian dua biji ataupun sebiji untuk dia makan maka dikenakan cukai, hingga dia hempaskan durian itu, begitulah perkara-perkara lain. Jadi, saya berharap di samping kita mengenakan cukai, hendaklah kita adakan pengecualian kepada yang menggunakan sendiri atau agak-agak benda itu penting dan perlu patutlah benda itu diberi kecuallian terutama kepada rakyat yang akan menggunakan sendiri khasnya rakyat yang pendapatannya terlampau rendah. Kepada peniaga-peniaga yang ditentukan khas, saya berharap sebagaimana saya katakan tadi kita kawal dengan rapi, dengan

ini insya Allah, dengan penjagaan Kastam yang kita buat walaupun kita turunkan daripada had-had yang tertentu tetapi kalau pengawalan rapi telah diadakan, saya percaya pendapatan kita tidak akan kurang.

Selain daripada itu, saya juga bersetuju dengan pendapat kawan saya Ahli dari Setapak tadi yang berharap cukai eksport getah patutlah kita turunkan, kerana walaupun mengikut dasar Kerajaan tiap-tiap penjual getah, Kerajaan telah mengambil cukai. Dan kita bersyukur kepada Tuhan untuk membayarnya balik seperti yang diberi oleh RISDA iaitu Tanaman Semula Getah. Tetapi saya percaya ada juga penjual getah yang tidak dikecualikan daripada cukai eksport, kerana tiap-tiap penjual getah dengan sendirinya dipotong sekian-sekian peratus yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan. Tetapi untuk mendapatkan balik, kadang-kadang dia tidak boleh dapat. Jadi saya mengesyorkan di sini di samping kita mengutip cukai, kita hendaklah bertimbang rasa, biarlah apa yang kita hendak ambil benda itu jika kita sanggup beri dan kalau orang yang agaknya berpendapatannya banyak, kita ambil banyak; yang sedikit kita ambil sedikit.

Saya mencadangkan supaya cukai getah ini ditetapkan atas dua perkara, satu kepada pekebun-pekebun kecil ditingkatkan di bawah daripada pekebun-pekebun besar ataupun kita kata estet.

Yang kedua, kepada pekebun-pekebun yang tidak ada geran yang kita yakin benda ini tidak akan dapat ditanam semula sebagaimana yang saya katakan tadi patutlah cukai eksport getah itu kita kecualikan.

Tuan Yang di-Pertua, mengakhiri percakapan saya, saya berharap dengan usul yang telah dibawa ini walaupun ada perkara yang dikurangkan, pihak yang berkenaan hendaklah mengkaji dengan teliti kalaulah satu-satu perkara itu dapat diusahakan oleh rakyat sendiri, kalau boleh tinggikan cukainya supaya pendapatan rakyat dan usaha rakyat itu akan dapat digalakkan. Dan yang keduanya biarlah kita jaga dengan rapi, cara adil walaupun kita tidak dapat banyak tetapi dikawal dengan ketat supaya kita akan

dapat cukai yang banyak. Dan seboleholehnya kepada penguasaha ataupun pengguna yang terlampau sedikit khasnya diri sendiri, kalau boleh dikecualikan daripada segala cukai-cukai. Sekian, terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.47 ptg.

**Dato' Mak Hon Kam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan tentang Perintah-perintah Duti Kastam.

Semasa perbincangan sebentar tadi Yang Berhormat dari Kota Melaka, Yang Berhormat dari Batang Padang dan Yang Berhormat dari Kangar telah membangkitkan tentang keperluan Kerajaan menggalakkan penubuhan sebuah kilang jute bag. Saya bersetuju penuh tentang pandangan itu. Sebenarnya usaha Kerajaan dalam bidang penggalakan ini bukanlah satu perkara yang baharu. Penggalakan penubuhan perindustrian adalah menjadi salah satu dasar utama Kerajaan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan telah menubuhkan beberapa jawatankuasa dan badan-badan bagi mengkaji dan mengawasi perkembangan perindustrian di dalam negara kita. Untuk memberi galakan penubuhan perindustrian, Kerajaan telahpun memperuntukkan berbagai-bagai insentif seperti taraf printis, incentive tax credit, locational incentive dan sebagainya. Tambahan pula Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia telah ditubuhkan khususnya untuk mengkaji permohonan daripada pihak-pihak swasta untuk membuat syor kepada Kementerian saya untuk memberi kemudahan-kemudahan bagi memastikan perkembangan perindustrian. Sukacita saya menegaskan di sini bahawa Kerajaan akan sentiasa mengkaji permohonan-permohonan secara adil dan saksama dengan memberi faedah sepenuhnya kepada pengusaha dan perkembangan ekonomi negara.

Tentang cadangan Yang Berhormat bahawa Kerajaan patut mengadakan satu usahasama dengan pihak swasta untuk

mengeluarkan jute bag ini, sukacita saya menegaskan di sini bahawa Kerajaan akan mengalu-alukan segala cadangan demi kebaikan perusahaan dan negara. Ini bukan sahaja dalam bidang perusahaan jute bag bahkan juga dalam semua perusahaan yang viable.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah menyentuh tentang praktik perlindungan tarif seperti diamali oleh Kerajaan Malaysia. Sukacita saya menegaskan di sini bahawa Kerajaan akan sentiasa mengawasi mutu-mutu pengeluaran sebelum perlindungan tarif diberi. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan supaya pengeluaran dalam negeri adalah setanding dengan mutu pengeluaran negara-negara asing. Oleh yang demikian, Kerajaan mempunyai beberapa perincian untuk ditepati oleh pengeluar-pengeluar tempatan sebelum perlindungan tariff diberi.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak telah menyentuh tentang Perintah 10 yang berkaitan dengan getah. Sememangnya duti struktur ke atas getah adalah berasaskan kepada dasar untuk memberi faedah sepenuh-penuhnya kepada mereka yang terlibat dalam perusahaan getah. Lain-lain cadangan yang berkait dari Yang Berhormat Setapak akan diambil perhatian.

Tentang struktur duti minyak seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, suka saya menegaskan bahawa harga minyak di pasaran tempatan adalah terpulang kepada harga minyak mentah di negara-negara OPEC. Sungguhpun Malaysia adalah sebuah negara pengeluar minyak akan tetapi minyak keluaran tempatan adalah lebih menguntungkan dieksport. Oleh yang demikian harga minyak tempatan adalah luar kawalan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk memberi alasan yang lebih panjang lebar kerana maksud-maksud perintah-perintah yang telah dibentangkan telahpun diterangkan dengan teliti dalam ucapan saya sebentar tadi. Untuk hujah-hujah yang lain yang telah dibangkitkan, perhatian telah diambil terhadapnya. Sekian, terima kasih.



**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam seksyen 11, Akta Kastam 1967, perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1981;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1981;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1981;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1981;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1981;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1981;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1981;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1981;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1981;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) 1981; dan
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15) 1981.

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 59, 60, 61, 62, 63, 64, 65, 66, 67, 68 dan 69 tahun 1981 disahkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1981;

- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1981;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1981;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1981;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1981;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1981;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11) 1981;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1981;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1981;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) 1981; dan
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 15) 1981.

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 59, 60, 61, 62, 63, 64, 65, 66, 67, 68 dan 69 tahun 1981 disahkan.

#### AKTA EKSAIS, 1976

##### Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1981

4.54 ptg.

**Dato Mak Hon Kam:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh seksyen-kecil (2) di dalam Seksyen 6, Akta Eksais, 1976 Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1981 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas Status Bil. 70 tahun 1981 disahkan.

Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1981 ini bertujuan menurunkan duti eksais ke atas minyak petrol premium dan regular sebanyak 20 sen segelen daripada \$1.31 kepada \$1.11 segelen. Penurunan duti ini bertujuan menyelaraskannya dengan penurunan duti import berikutan dengan berkuatkuasanya struktur harga baru barang-barang petroleum pada 18hb April, 1981.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Oleh kerana tidak ada perbahasan maka Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 6, Akta Eksais 1976, Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1981 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 70 tahun 1981 disahkan. Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 6, Akta Eksais 1976, Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1981 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 70 tahun 1981 disahkan.

### **RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PILIHANRAYA (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

4.57 ptg.

**Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pilihanraya 1957 untuk dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan meminda Seksyen 2 Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957 bagi menyatukan Jadual Pertama dan Jadual Kedua yang ada supaya menjadi satu Jadual yang boleh dipinda oleh Yang di-Pertuan Agong melalui peraturan-peraturan dari masa ke semasa.

Semasa Akta ini mula-mula diperbuat cuma terdapat satu Jadual yang menerangkan tentang saraan Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya.

Mengikut Akta A 469 Akta Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) 1979 Jadual itu dipecahkan menjadi dua iaitu Jadual Pertama meliputi hanya gaji dan elaun tetap dan Jadual Kedua meliputi semua elaun dan keistimewaan-keistimewaan yang lain.

Mengikut Seksyen 12 Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957 apa-apa pindaan kepada Jadual Pertama mestilah diluluskan oleh Parlimen. Berikutan dengan pengujudan jawatan Timbalan Pengerusi menerusi Akta Perlembagaan (Pindaan) 1981, Akta A 514, Jadual Pertama perlu dipinda lagi bagi memasukkan peruntukan gaji dan jawatan Timbalan Pengerusi. Cadangan pindaan sekarang ini adalah untuk menyatukan semula Jadual Pertama dan Jadual Kedua sebagai satu Jadual yang meliputi gaji dan elaun-elaun bagi Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli. Berikutan dengan itu, Seksyen 12 juga perlu dipinda untuk memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong meminda Jadual menerusi peraturan-peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) 1981 dibacakan kali kedua dan sekarang terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.11 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya berucap secara pendek tentang Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) 1981, yang sebentar tadi dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri itu ada menyatakan

bahawa Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957 bagi menyatukan Jadual Pertama dan Jadual Kedua yang ada supaya menjadi satu Jadual yang boleh dipinda oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong melalui peraturan-peraturan dari semasa ke semasa dan juga dalam ucapan Menteri tadi beliau ada menyatakan tentang perkara gaji dan elaun untuk Timbalan Pengerusi, Suruhanjaya Pilihanraya.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk melafazkan harapan saya bahawa dengan kelulusan pindaan Rang Undang-undang ini maka Suruhanjaya Pilihanraya dapat berkhidmat dengan lebih efisien dalam menjalankan tugas-tugasnya. Satu perkara yang saya anggap penting iaitu berkenaan dengan perkara pendaftaran pemilih yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya pada tiap-tiap tahun. Baru-baru ini saya ada membaca dalam satu laporan akhbar tempatan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya akan mengadakan satu kempen untuk mendaftarkan pemilih mulai bulan Ogos pada tahun ini. Saya berharaplah bahawa Pengerusi dan juga Timbalan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya itu dapat mengambil segala langkah yang perlu untuk menentukan kempen itu dapat dilaksanakan secara berkesan dan saya mengharapkan juga supaya Suruhanjaya itu dapatlah meneliti segala kelemahan yang ada pada masa yang lepas. Di samping itu juga dapat Suruhanjaya bertindak untuk mengadakan satu sistem pendaftaran pemilih tanpa mengulangi kelemahan-kelemahan seperti pada masa lampau supaya lebih ramai pemilih-pemilih yang layak didaftarkan dapat didaftarkan sebagai pemilih yang berkecukupan.

Satu point lagi saya ingin membangkitkan di sini ialah berkenaan perkara yang berkaitan juga dengan tugas Suruhanjaya Pilihanraya ini mengenai kajian kawasan-kawasan pilihanraya. Di sini saya suka mengambil kesempatan untuk bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan apakah kemajuan yang telah dibuat sehingga hari ini berkenaan pembahagian kawasan ekoran kajian semula tentang kawasan-kawasan pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah dua points yang saya ingin sentuh di sini dan saya berharap mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

5.05 ptg.

**Tuan Haji Hashim bin Ghazali (Matang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Akta Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) 1981 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Sungguhpun beliau hanya menyebut berkenaan dengan gaji dan elaun sahaja yang bermaksud kepada Jadual Pertama dan Jadual Kedua tetapi oleh kerana gaji-gaji itu dibayar kepada pegawai yang berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihanraya dan kita sedia maklum Suruhanjaya Pilihanraya ini badan bebas, maka tempat yang sebaik-baiknya kita memberi pandangan supaya dapat pihak Suruhanjaya Pilihanraya itu mengkaji dan menyusun semula oleh kerana perkembangan pilihanraya ini semakin ramai pemilih, mungkin dibuat cara besar-besaran untuk mendaftarkan pemilih dan tidak berapa lama lagi selepas penyusunan dan sebagainya setiap 5 tahun sekali diadakan pilihanraya. Di dalam hal seperti ini saya menyokonglah supaya gaji dan elaun itu seperti yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan supaya pegawai-pegawai Suruhanjaya Pilihanraya dapat juga menikmati gaji dan elaun seperti mana kakitangan awam yang lain yang telah disusun di satu masa dahulu.

Di dalam hal seperti ini patutlah pula pihak Suruhanjaya Pilihanraya mencari ikhtiar menggalakkan supaya rakyat yang telah berumur genap 21 tahun yang masih teragak-agak untuk menjadi pemilih supaya diadakan kempen secara besar-besaran di dalam bulan Ogos yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya tidak lama lagi itu supaya mereka dapat keluar ramai mendaftar sebagai pemilih kerana pada masa ini ada didapati sebahagian lagi rakyat di dalam negara kita ini masih segan untuk keluar mendaftar menjadi pemilih. Kadang-kadang ada pihak-pihak yang tidak dapat memberi penjelasan dengan secukupnya supaya mereka itu sanggup keluar dan perlu

mendaftar menjadi pemilih terutama sekali kepada gadis-gadis di luar bandar. Apabila sahaja ada pihak-pihak tertentu bagi pihak Suruhanjaya Pilihanraya meminta mereka menjadi pemilih, biasanya kad pengenalan mereka hendak ditengok untuk diambil butir-butir dan sebagainya didapati gadis-gadis itu malu kerana takut dilihat umurnya dan dapat diketahui pula alamat dan sebagainya. Ini kerana mungkin usaha-usaha yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya tidak dapat meliputi kepada penduduk-penduduk yang jauh daripada bandar atau penduduk yang tinggal di luar bandar. Jadi oleh sebab itu pihak Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah menambahkan lagi kakitangannya supaya dapat menjalankan usaha-usaha bagi mendaftar pemilih.

Pada masa-masa lalu pihak Suruhanjaya telah menetapkan pusat-pusat tertentu seperti di dewan orangramai ataupun surau, sekolah dan sebagainya tempat untuk orang yang hendak mendaftar menjadi pemilih itu pergi ke situ dan diberi jadual-jadual tertentu untuk mendaftar. Tetapi bagi penduduk luar bandar kadang-kadang tempat dan pusat-pusat seperti itu mungkin jauh daripada rumah mereka. Oleh sebab itu pihak Suruhanjaya ini patut mengkaji semula perkara ini dan mengadakan pegawai-pegawai yang boleh melawat dari sebuah rumah ke sebuah rumah untuk mendaftar mereka yang layak menjadi pemilih. Pada masa ini kadang-kadang ada sebuah rumah yang layak menjadi pemilih 5 orang misalnya, dan dua orang yang menjadi pemilih atau pengundi, berbaki lagi tiga kadang-kadang tiga orang itu kecikiran begitu sahaja. Eloklah pihak Suruhanjaya menambah kakitangan pergi melawat khasnya penduduk di dalam kawasan pendalaman supaya mereka itu lebih ramai menjadi pemilih dan lebih mudah mereka mendaftar kerana jika digalakkan mereka keluar seperti mana yang lepas, tidak sebanyak mana sangat penduduk luar bandar yang sanggup menjadi pemilih baru, cuma yang saya mendengar orang yang duduk dalam bandar mempunyai peluang yang cukup kerana tempat pendaftaran dekat dengan rumah-rumah mereka. Jadi selain daripada tempat pendaftaran pemilih pihak Suruhanjaya patut

membanyakkan lagi pusat-pusat sehingga ke kawasan pendalaman. Di samping itu kakitangan berkenaan hendaklah berjalan daripada sebuah rumah ke sebuah rumah bagi mendaftar pemilih.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ada kejadian yang biasa terjadi masalah pemilih. Sungguhpun Suruhanjaya Pilihanraya telah mengawal dan menyusun barangkali dengan cukup baik tetapi kita masih bimbang kalau-kalau ada seorang pemilih mencuri mendaftarkan namanya di tempat lain, mempunyai peluang menjadi pemilih dua kali. Pada satu masa dahulu kejadian seperti ini ada; sebelah pagi dia pergi mengundi di tempat lain, di kawasan lain, sebelah petangnya dia masuk di kawasan lain menjadi pengundi lagi. Perkara ini memang tidak boleh, tetapi macam mana perkara ini boleh terjadi saya tak tahulah, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi sebagai calon dalam pilihanraya sudah dua kali benda-benda ini ada dan menyebabkan kita merasa bimbang kalau benda-benda yang seperti ini tidak dihapuskan dengan segera. Oleh sebab itu saya minta Suruhanjaya Pilihanraya mengawal supaya tidak ada pemilih yang sanggup mencuri menjadi pemilih di luar kawasan.

Selain daripada itu apabila sampai pada masa pilihanraya ada didapati menjadi satu masalah daripada sebahagian pemilih. Mereka biasanya pergi ke tempat membuang undi tetapi bila sampai di situ ada sebahagian daripada namanya didapati tidak ada, tercicir di kawasan yang biasa dia mengundi dan oleh kerana itu orang yang seperti ini disyorkan oleh pihak-pihak tertentu pergi ke pusat-pusat lain pula. Jadi pada hari itu mereka pergi ke pusat lain pula, tetapi kadang-kadang nama mereka tidak ada di tempat lain, akhirnya nama-nama seperti ini didapati sudah tidak ada di dalam buku pendaftaran pemilih pengundi ini kerana tercicir. Oleh sebab itu kepada rakyat pihak Suruhanjaya mengatakan kita telah diberi peluang yang cukup untuk menyemak sebagai pendaftar pemilih pada masa-masa yang ditentukan oleh Suruhanjaya pilihanraya di pusat-pusat yang sepertimana saya katakan tadi, di sekolah, di dewan yang

biasanya rakyat yang jauh di pedalaman tidak mempunyai peluang untuk pergi melihat nama-nama mereka semula, kebetulan pula rakyat ini berfikir Suruhanjaya Pilihanraya ini Kerajaan.

Satu masa dahulu mereka telah mengundi bahkan ada yang biasa mengundi daripada sejak awal lagi takkanlah nama mereka boleh hilang dalam buku daftar pengundi. Tetapi apabila sampai pada pilihanraya, misalnya pilihanraya yang sudah, ramai juga telah hilang daripada daftar pengundi di kawasan saya sendiri dan terpaksa dibawa mencari di mana sebenarnya nama mereka ada. Oleh sebab itu kepada rakyat kita hendaklah menasihatkan kepada mereka supaya mereka mesti menyemak nama mereka di dalam buku daftar pengundi kalau-kalau nama mereka tercicir, tetapi mereka tidak buat begitu, Tuan Yang di-Pertua kerana mereka sudah fikir nama mereka ada takkan siapa hendak buang lagi. Di dalam perkara-perkara seperti ini patut Suruhanjaya Pilihanraya janganlah terlalu mudah sangat mencicirkan nama-nama pemilih yang kebetulan pemilih ini biasanya tidak mengambil perhatian sangat untuk menyemak semula nama mereka. Oleh sebab itu sungguh malanglah kepada pemilih-pemilih yang seperti ini bila berjumpa orang pilihanraya nama mereka sudah tidak ada dan mereka tidak ada mempunyai peluang yang cukup untuk menjadi pemilih sepertimana yang sudah-sudah, baik yang lama atau yang baru, jadi patutlah dijaga oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada tiap-tiap tahun ataupun sekurang-kurangnya tiap-tiap kali hendak diadakan pilihanraya pihak Suruhanjaya Pilihanraya ini biasanya menentukan pusat mengundi dan pusat mengundi yang sudah itu, yang ditentukan pengundi-pengundi akan keluar mengundi di tempat-tempat yang biasa yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya yang telah lalu. Jadi keadaan ini barangkali sudah berubah oleh kerana pilihanraya ini dibuat pada tahun 1955 dahulu sekarang telah memakan masa yang lama dan sudahpun banyak kali perkembangan penduduk di antara satu kawasan dengan satu kawasan sudah berlainan kerana pembangunan

perumahan telah wujud di dalam negara kita. Apabila rumah-rumah ini telah banyak di setengah-setengah kawasan menyebabkan di setengah-setengah kawasan begitu ramai sangat pemilih dan tempat yang mereka menjadi pusat mengundi itu hanya yang itu juga, satu itu juga. Sepatutnya sudah menjadi 2-3 tempat dan begitulah juga kawasan yang begitu luas pada satu masa satu, patut dibahagikan dua atau tiga diadakan 2-3 tempat mengundi pula kerana perkembangan tadi. Selain daripada itu kerana ramai orang yang layak jadi pemilih, kalau tidak disusun oleh Suruhanjaya Pilihanraya dengan sebaiknya kadang-kadang di pusat ini lebih ramai, kadang-kadang di pusat lagi satu orangnya sedikit, pemilih sedikit pula.

Saya suka mengesyorkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya khasnya kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengkaji semula supaya diperseimbangkan pusat-pusat mengundi untuk pemilih-pemilih yang akan mengundi di dalam pilihanraya berdasarkan kawasan itu. Janganlah ada setengah terlalu ramai pemilih yang pergi mengundi, oleh kerana ramai orang kata payah pergi pagi, ramai sangat, kita pergi petanglah dan selepas itu langsung petang pun dia tidak pula pergi, mengundilah, kalau pengundi itu daripada DAP tidak apalah, tetapi kalau daripada Barisan Nasional rugi kita. Oleh sebab itu di dalam perkara yang seperti ini kita berharap sangat kepada Suruhanjaya Pilihanraya menyusun supaya memperseimbangkan dan tempat-tempat mengundi, pada pandangan saya, patut ditambah dan selain daripada ditambah dapat dikaji, janganlah pengundi yang duduk di hujung sini pergi mengundi ke tempat di hujung kampung sana, biarlah hujung kampung sana pun datang ke tengah hujung kampung sini pun datang ke tengah barulah menasabah. Kalau pengundi kampung sini terpaksa pergi hujung kampung sana kadang-kadang menjadi masalah pula kepadanya, misalnya pilihanraya ini tidak boleh tentu, kadang-kadang hari mengundi hari hujan lebat ataupun masalah-masalah lain yang terjadi pada masa yang seperti itu.

Saya percaya jika sekiranya pihak Suruhanjaya Pilihanraya mengkaji tempat-tempat membuang undi pada masa

sekarang biasanya tempat-tempat mengundi yang paling banyak sekali di sekolah-sekolah yang sesuai untuk tempat ini. Kalau dipilih-pilih sekolah biarlah satu-satu sekolah itu yang menjadi pusat kepada pemilih di sekelilingnya, bukan duduk di hujung kepada satu-satu kawasan, kalau duduk di hujung pada satu kawasan pula menyebabkan pemilih tidak mahu pergi. Tuan Yang di-Pertua pun sedia maklum baik Negeri Sembilan atau Negeri Perak sama sahaja, kalau yang jauh pendalaman, kalau berjalan naik sampan dan sebagainya kadang-kadang sekerat hari juga, misalnya di kawasan-kawasan pendalaman kecualilah di kawasan bandar seperti Ipoh, Taiping dan sebagainya.

Pada pandangan saya sungguhpun Suruhanjaya ini selalu disebut bebas dan kita memperhatikan kebebasan mereka, tetapi dari segi pengalaman kami pandangan yang telah dihadapi dari semasa ke semasa perlulah pihak Suruhanjaya ini mengkaji, menentukan sepertimana yang saya sebutkan tadi. Dengan cara yang seperti ini mudah-mudahan ramai orang-orang yang berumur 21 tahun ke atas suka mendaftar sebagai pemilih. Selain daripada itu ramai yang sudah menjadi pemilih mengambil peluang melihat nama-nama mereka kalau-kalau tercicir dan selain daripada itu pula supaya keseluruhannya pengundi mempunyai kemudahan keluar mengundi dan mereka akan mengundi terutama sekali mengundi Barisan Nasional misalnya supaya keadaan di dalam negara kita dapat sebegitu ramai pemilih mempunyai peluang untuk menjadi pengundi, menjadi pemilih pada tiap-tiap kali pilihanraya.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

5.19 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kerana sebab-sebabnya amat banyak.

Satu, sebagaimana dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan hendak menyatukan di antara dua jadual, yang satunya ada di segi saraan sahaja tidak ada di

segi gaji dan yang satunya pula sebaliknya sedangkan Suruhanjaya Pilihanraya ini adalah satu. Maka dengan sebab satu perkara, kalau ada dua tentulah tidak begitu elok dan tidak begitu menasabah. Saya berpendapat perkara ini amatlah sesuai dan amat berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, juga di segi elauun kepada Timbalan Pengerusi kerana yang bersangkutan di sini ialah berkenaan dengan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan segala ahli Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia. Sejak negara kita telah ada pilihanraya daripada tahun 1955—sudah enam kali termasuk tahun 1976, sebagai seorang rakyat Malaysia walaupun saya tidak selalu pergi ke negeri-negeri lain tetapi sebagaimana kita sama-sama maklum mengikut berita-berita siberan am yang kita dengar khasnya melalui TV dan sebagainya dan perkara itu bukanlah dilapor apa sahaja yang berlaku di dalam negara kita Malaysia bahkan dilapor apa sahaja yang berlaku dalam seluruh dunia, baikpun di segi pemilihan Presiden, peristiwa yang sama-sama kita gembira, peristiwa yang kita sama-sama sedih, peristiwa tukar pemerintah, ganti pemerintah, pilihanraya di merata-rata negeri, bukan sahaja di Malaysia kita tahu bahkan di seluruh dunia sebagaimana saya katakan tadi. Yang saya amat bersyukur kepada Tuhan sebagaimana saya katakan tadi kalaulah kita hendak bandingkan dengan negara-negara yang saya tidak mahu sebut mana-mana negara baikpun dalam dunia ataupun berjiran dengan kita, kita ucap syabas dan terima kasih banyak kepada Suruhanjaya Pilihanraya kerana ini satu badan yang bebas, tidak terikat dengan mana-mana Kerajaan walaupun mereka duduk di bawah Kerajaan yang memerintah tetapi mereka tetap bebas. Bererti saya kata bebas kalaulah mereka ini dikongkong oleh Kerajaan Barisan Nasional, tentu ke semua tempat menang, tetapi banyak tempat yang Kerajaan Barisan Nasional kalah walaupun Kerajaan Barisan Nasional boleh memerintah. Ini menunjukkan satu keadilan yang dilakukan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Yang saya berasa bangga sebagaimana saya katakan tadi; kalau kita tengok di setengah-setengah negeri yang saya tidak

mahu sebutkan negerinya, kadang-kadang bila ada berlaku pilihanraya, dengarlah berita bunuh membunuh, kadang-kadang yang jadi calonnya amat takut; bukan cuma kempen berkempen, dakyah mendakyah, propaganda parti masing-masing. Pembunuhan ini boleh dikatakan banyak negeri yang berlaku tetapi sebagaimana saya katakan tadi walaupun manusia Malaysia mati, kita tidak nafikan sebagaimana selalu kita kata tetapi manusia Malaysia tidak pernah mati kerana hendak menuntut kemerdekaan dan tidak pernah mati kerana hari pilihanraya. Kalau mati kerana ada kes lain yang tidak dapat dielakkan. Ini adalah hakikat yang semua rakyat Malaysia patut akui.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya penuh rakyat Malaysia daripada berbagai-bagai keturunan, jiwa dan perasaannya sama sebagaimana negara-negara lain, tetapi mengapa rakyat negara kita Malaysia tidak pernah berlaku pembunuhan khususnya di masa pilihanraya diadakan, tidak pernah berlaku bahkan berjalan dengan tenang walaupun kita ada berbagai-bagai parti. Ini menunjukkan keadilan Kerajaan, menunjukkan kebebasan yang ada pada Suruhanjaya Pilihanraya. Jadi kalaulah sifat tidak betul ada kepada Suruhanjaya Pilihanraya, saya yakin tidak dapat kita hendak tahan, kita yakin kita tidak dapat hendak bendung, tentulah perasaan manusia yang kita menzalimi tadi akan bertindak balas kepada parti Kerajaan ataupun kepada sebaliknya. Tetapi oleh sebab keadilan yang telah dilakukan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dan dengan kebijaksanaan, saya sungguh-sungguh kagum; bukanlah saya bangga, sebab saya rakyat Malaysia tetapi sebagaimana saya katakan tadi kalau hendak dibandingkan dengan rakyat yang telah 24 tahun merdeka tetapi ada negara lain yang tidak pernah dijajah, saya percaya di rantau sebelah sini, walaupun kita telah lama merdeka tetapi kita adalah yang akhir dengan negara-negara yang berhampiran dengan kita. Republik Singapura pun merdeka bersama dengan kita tetapi kita boleh dikatakan dikagumi bukan sahaja di segi pembangunan bahkan di segi pemerintahan kita terutama di segi pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ini adalah satu punca yang membawanya ada Kerajaan

pada hari ini kerana Kerajaan kita hari ini adalah Kerajaan demokrasi, cara berparti tetapi hendak menentukan siapa yang akan memerintah, parti mana yang akan mendapat majoriti, orang yang menjalankan kerja ini ialah Suruhanjaya Pilihanraya. Punca daripada situlah akan menjadi satu pokok bagaimana bentuk satu Kerajaan, daripada Kerajaan itulah yang akan memerintah negara kita. Tetapi pokoknya datang daripada Suruhanjaya Pilihanraya. Kalau Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan satu kerja yang tidak adil, satu kerja yang tidak betul, yang satu-satu kemenangan pilihanraya paling lama ada yang sampai 5 tahun, walaupun kadang-kadang tidak sampai 5 tahun tetapi setakat yang saya ingat tidak ada lagi yang tidak sampai 3 tahun bahkan yang akhir kalau tidak silap saya 3 tahun 8 bulan. Kalaulah tidak kerana keadilan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya, sedangkan akan memerintah tidak kurang daripada 3 tahun 8 bulan bahkan kadang-kadang sampai 5 tahun, biasanya masa MAGERAN dahulu sampai 4 kali hampir 6 tahun. Ini menzalimkan rakyat biasa kerana sifat Suruhanjaya Pilihanraya yang tidak adil tadi tetapi bersyukur sebagaimana yang saya kata tadi Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia sungguh-sungguh bertanggungjawab. Sebagai bukti sebagaimana saya katakan tadi sebab itulah tidak ada pergaduhan, tidak ada pembunuhan. Kita hendak tahu pemandu yang cekap, kalau dia selalu memandu motokar dengan selamat, ini menunjukkan pemandunya cekap. Begitulah juga satu-satu ketua dalam satu-satu Suruhanjaya, sebagaimana saya katakan tadi perjalanan pilihanraya kita begitu baik kerana Pengerusi, Timbalan Pengerusi Lembaganya amat baik dan cekap.

Walaupun begitu pada pendapat saya untuk membaiki lagi beberapa perkara perlu kita kaji semula dan perlu kita pinda.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah hendak cakap berbunga-bunga, ini adalah hakikat kenyataan. Pokok yang rendang tidak akan rendang, kalau tidak ada akar untuk mencari makanan. Tetapi pokok itu tidak akan rendang kalau tidak ada akar dan batang, cabarannya tidak mahu tumbuh. Sebab itu bagi saya segala alat dalam pokok

walaupun batang mustahak tetapi rantainya tidak kurang, jarang pokok berbuah daripada batang, kerap kali buah datangnya daripada ranting, walaupun ranting itu kuat tetapi berbuah, dia tidak datang daripada batang; kerap kali buah datang daripada ranting. Pendek kata satu-satu perjalanan, satu-satu pengurusan kerjasama amat erat daripada segenap segi. Dewan ini tidak akan selamat dan berjalan kalau Pengerusinya tiada dan Dewan ini juga tidak akan selamat dan berjalan kalau Pengerusinya ada ahlinya tiada. Ini dua sama pentingnya.

Saya maksudkan di sini sesudah kita fikirkan Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya ini mustahak kita beri gaji dan elaun yang setimpal di atas kerja-kerja yang cemerlang sebagaimana saya katakan tadi, dengan saraan-saraan, ada yang satu jadal tidak ada satu jadal ada patut kita samakan. Ini amat perlu, tetapi bagaimana saya kata kalau sekadar Pengerusinya sahaja kita timbang, Timbalan Pengerusinya sahaja kita timbang kita tidak menitikberatkan tentang pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan lain dalam suruhanjaya, kerja ini tidak dapat berjalan. Kerana satu benda itu berjangkit satu dengan lain sebagaimana selalu saya berpendapat cara saya, hidupnya badan bukan sebab kepala sahaja. Hidupnya badan sebab kepala, kaki dan semua anggota bekerjasama dengan baik. Begitulah satu-satu lembaga dan begitulah satu-satu suruhanjaya dan sebagainya. Kalau Pengerusi patutlah sebagaimana saya katakan tadi kerana ini kerja yang cemerlang telah dicapai kita berilah elaun yang patut dengan saraannya sekali, begitu juga kepada Timbalan-timbalan Pengerusi, begitu juga kepada Suruhanjaya-suruhanjaya Pilihanraya.

Biarlah saya ulang sekali lagi, kalau Pengerusinya kita beri elaun, gaji dan saraan termasuk pencen dan sebagainya. Begitu juga kepada Suruhanjaya-suruhanjaya yang lain juga kakitangannya jangan kita abaikan. Kalau kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi kita beri keistimewaan ahli-ahli lain dalam suruhanjaya kita beri keistimewaan tetapi kepada kakitangan kita abaikan, tidak akan bergerak; kalau bergerakpun tidak sempurna dengan baik. Sebagaimana saya katakan tadi,

kalau kepala baik, mulut baik, kaki yang lain sakit, walaupun ibu jari yang sakit walaupun sedikit tetapi akibatnya satu badan akan menerima kesakitan dan tidak berjalan dengan baik. Maka dengan sebab itu saya harap sangat-sangat sebagai satu badan yang saya anggap sebagai kunci untuk menjalankan keadilan kepada satu-satu negara sebagaimana telah terbukti kepada negara kita hari ini hendaklah kita pandang dengan sungguh-sungguh serius kerana Suruhanjaya inilah membawakan satu-satu kejayaan kepada pemerintahan kerana datang Suruhanjaya kalau kita ada parti tetapi tiada Suruhanjaya Pilihanraya untuk menjalankan dengan bebas bagaimana kita sama-sama tahu tentulah kalau misalnya pihak Barisan Nasional kita tidak nafikan dia hendak orang dia 100% menang. Datang pula parti Pembangkang lain semacam lah juga, ini kita tidak boleh nafi, itu kehendak tiap-tiap satu parti. Tetapi dengan adanya Suruhanjaya Pilihanraya itu satu badan yang bebas sebagaimana saya katakan.

Walaupun ada setengah pihak mengatakan tidak bebas, itu dia hendak kata tetapi cara logiknya tidak boleh kata. Kalau tidak bebas masakan parti lain ada dalam Dewan ini. Ini menunjukkan kebebasan yang amat nyata yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya. Dengan sebab itu saya sudah tegaskan tadi kepada satu-satu orang, satu-satu badan, satu-satu kumpulan yang menjalankan kerjanya dengan baik, kalaulah kita sebagai Kerajaan walau bagaimana bebas sekalipun kita yang membuat undang-undang, kita akan memberi elaun, gaji dan sebagainya. Kalau kita tidak menimbangkan dengan sewajarnya atau dengan adilnya, saya amat dukacita. Bagi orang yang salah kalau dia buat salahpun dia tidak beri hukum dia kata adil bagi dia kerana dia tidak mahu kena hukum. Tetapi bagi saya orang yang salah mesti dihukum, yang buat kebaikan mesti diberi pahala kalau dalam ugama. Yang membuat kerja baik diberi naik pangkat kalau dalam perkhidmatan Kerajaan dan umum. Sebab itulah setahun sekali pada hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong diberi anugerah bintang-bintang dan sebagainya tanda kehormatan kepada satu-satu orang yang bertugas dengan baik.



Begitu juga pada hari Keputeraan tiap-tiap Duli Yang Maha Mulia Raja masing-masing. Pendek kata orang yang berbudi, orang yang berkhidmat dengan cemerlang dalam masyarakat diberi kehormatan dengan anugerah-anugerah sebagaimana saya katakan tadi.

Kalau dalam Suruhanjaya Pilihanraya yang telah membuat satu kecemerlangan yang amat nyata yang telah dipandang oleh seluruh dunia sebagaimana kita sama-sama tahu, kalaulah kita tidak memberi segala keistimewaan-keistimewaan ini, pada pendapat saya kita tidak menilai satu-satu benda itu dari segi sepatutnya kerana mereka ini kalaulah Hakim yang akan menghukumkan satu-satu kesalahan orang, di antara satu orang pesalah dengan orang kena salah. Tetapi Suruhanjaya Pilihanraya dia akan menghukumkan rakyat sekurang-kurangnya dalam Malaysia ini tidak kurang daripada 13 juta. Akibat tidak bertanggungjawab atas kesalahan atau kecuaiian yang dijalankan akan mengakibatkan 13 juta orang rakyat yang akan menderita ataupun mendapat satu benda yang tidak adil. Tetapi kalau pihak Suruhanjaya ini berjalan dengan baik akan membawa kenikmatan cara keadilan yang dapat dinikmati oleh seluruh rakyat secara demokrasi tetapi kalau mengikut cara kehendak hati masing-masing, itu saya tidak boleh nafi kerana tiap-tiap manusia ada cara dan pendapat fahaman masing-masing tetapi sebagai Suruhanjaya Pilihanraya saya katakan tadi satu badan yang amat adil.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ulang sekali lagi hendaklah beri tambahan untuk menstimpalkan dengan kerja yang baik kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya dan sebagainya juga kakitangan di dalam jabatan yang berkenaan. Kalau harap jabatan itu sahaja hendak buat tentu tidak boleh berkesan. Pilihanraya yang diadakan bukan sekadar Suruhanjaya itu atau pegawainya sahaja yang akan mengundi. Yang akan mengundinya pula mengikut syarat-syarat yang tertentu mengikut keadilan sebagaimana yang kita tahu negara kita Malaysia hari ini rakyat yang boleh mengundi ialah yang berumur 21 tahun ke atas, itu salah satu syarat.

Yang kedua, ada syarat-syarat lain, dia adalah rakyat Malaysia. Jadi hendak menentukan ini tentu kita hendakkan keadilan. Walaupun kita semua boleh mengundi tetapi hak keadilan ini kita hendak sebagaimana dikatakan oleh wakil dari Matang tadi. Jangan satu orang yang patut mengundi tidak boleh mengundi, kerana dia tidak dapat, jangan satu orang yang boleh mengundi, dia mengundi sampai tiga kali. Itu tidak adil. Kita tidak mahu kerana rakyat kita demokrasi walaupun kita tidak buat sebagaimana setengah negara paksa rakyat pergi mengundi tetapi kita tidak mahu. Sebab itulah sebaran am dan TV kita bila ada pilihanraya atau menjelang pilihanraya tiap-tiap malam diulang dalam TV, hari mengundi sekian haribulan keluarlah mengundi beramai-ramai. Walaupun TV memberinya Barisan Nasional, dia tidak pernah kata keluar mengundi calon Barisan Nasional. Ini hakikat kenyataan yang saya katakan ada keadilan pada Suruhanjaya Pilihanraya tadi. Kalau dia kata dia tidak beri, Suruhanjaya Pilihanraya tidak benarkan walaupun Menteri Penerangan ada, kita tidak nafi ahli Barisan Nasional, Timbalannya Ahli Barisan Nasional tetapi tidak pernah sekali TV kita kata keluarlah mengundi beramai-ramai, apatah lagi kalau kita kenang sejarah pilihanraya kali pertama hingga diadakan lagu "27 Julai Hari Mengundi" dan sebagainya dan dia tidak paksa rakyat mengundi satu-satu calon dan satu-satu parti tertentu walaupun dalam TV.

Pihak Suruhanjaya Pilihanraya sebagaimana saya kata tadi cukup adil walaupun TV adalah hak ketua, Menteri, orang parti pemerintah tetapi bila dia hendak benarkan satu-satu parti itu buat ucapan dalam TV dia benarkan bukan semata-mata Ahli Barisan Nasional. Bila dia kata ada ucapan dalam TV, dia benar Ketua Barisan Nasional berucap, dia benar Ketua Pembangkang berucap, Ketua DAP dan lain-lain berucaplah kalau ada masa berucap. Ini saya kata keadilan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Sebagaimana saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, pengundian akan berlaku tiap-tiap 5 tahun sekali dan kita berharap kalau boleh tiap-tiap seorang rakyat mesti mengundi walaupun tiap-tiap parti kita tak

nafi, Barisan Nasional hendak menang, DAP hendak menang, PAS hendak menang, itu hak masing-masing parti, tetapi pihak Suruhanjaya Pilihanraya suruh semua orang keluar mengundi yang dia minta sebaran am kita tolong menyampaikan sebarannya. Jadi untuk mengatasi perkara ini pendapat saya, sebagaimana saya katakan tadi adanya pokok ataupun akar untuk menunjukkan satu pokok yang rendang berbuah dan sebagainya.

Tujuan kita melantik Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan kita mencantumkan dua jadual jadi satu untuk mengukuhkan ini yang akan disahkan itu matlamat kita, satu supaya perjalanan pilihanraya kita berjalan dengan baik—Pengerusi Pilihanraya, maknanya pilihanraya akan berjalan dengan baik. Sebagaimana saya katakan tadi sangkutan dengan pilihanraya ini banyak segi—calon, pengundi. Kalau ada calon tak ada pengundi tentu tak dinamakan demokrasi, ada pengundi tak ada calon juga tentulah tak berjalan pilihanraya kerana yang hendak mengundi tadi ada calon yang bertanding. Kedua-dua ini amat mustahak. Maka dengan sebab itulah sebagaimana dikatakan oleh kawan-kawan saya dari Matang dan Kuala Lumpur Bandar tadi tentang segi pendaftaran ini amat mustahak.

Saya mengesyorkan dua-tiga perkara. Satu, biarlah masa tiap-tiap tahun yang ditetapkan, kalau tidak silap saya dalam 40 hari atau 42 hari lebih sedikit dilanjutkan masanya sampai 60 hari kerana kadang-kadang rakyat kita inipun dalam sebok pergi, sebok datang tak sempat hendak daftar kalau yang tak daftar lagi.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dikatakan oleh wakil dari Matang tadi dan saya percaya Suruhanjaya Pilihanraya tentu bersetuju sangat-sangat kerana satu benda kita buat daripada pengesannya, kalau tak silap saya pada tahun lepas kita ada dua bahagian Penolong Pendaftar Pilihanraya; satu yang menunggu pada tempat-tempat tertentu, misalnya, Dewan-dewan Orang Ramai, sekolah dan sebagainya, yang satu lagi Penolong Pendaftar yang berjalan rumah ke rumah. Saya dapat tahu yang berjalan rumah ke rumah peratusnya amat memuaskan tetapi

yang menunggu di tempat itu boleh dikatakan dia seorang dengan buku pendaftaran, tak ada orang pergi, peratusnya amat kurang. Maka dengan sebab alasan-alasan inilah saya yakin dan percaya dan saya berharap dan bercadang pada tahun ini hendaklah dibatalkan terus cara menunggu di tempat-tempat itu bahkan dijadikan Penolong Pendaftar itu terus daripada rumah ke rumah dengan syaratnya penolongnya tidak dikurangkan.

Yang ketiga, saya berpendapat dengan elaun yang diberi kepada Penolong Pendaftar untuk menolong mendaftar setahun sekali itu tidaklah bersesuaian dan menasabah dengan kenaikan-kenaikan yang serba serbinya sekarang, kenaikan elaun kita Wakil Rakyat dan kita bincang juga kenaikan Pengerusi Pilihanraya dan kakitangan Suruhanjaya, begitu juga kenaikan-kenaikan lain. Kalau tidak silap saya daripada awal pilihanraya dahulu diadakan tidak bertambah elaun sedang pilihanraya sudah menjelang daripada tahun 1955 sampai sekarang sudah 6 kali, elaun-elaun lain telah naik dua tiga kali, elaun ini tak dinaikkan, kalau dinaikkan pun agak terlampau sedikit. Dengan sebab itu sebagai memberi penghormatan kepada Penolong Pendaftar Pilihanraya yang berjalan ke kampung-kampung hendaklah elaun mereka dinaikkan. Saya bercadang dalam masa 60 hari sekurang-kurangnya \$300, ini sekurang-kurang, kalau lebih daripada itu Wakil Kangar amat mengalu-alukan, itupun kalau diberi tak lebih daripada satu hari \$5 sedangkan elaun bertugas hari ini biasa dapat elaun satu jam \$10, ini satu hari \$5 dalam masa setahun ambil peluang kerja ini.

Pegawai-pegawai yang kita hendak lantik Penolong Pendaftar ini hendaklah kita lantik daripada orang-orang yang berkenaan dengan tempat penduduk masing-masing.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jangan lama sangat hal Penolong Pendaftar ini. Ini soal Suruhanjaya dan Ahli Suruhanjaya dan hendak menyatukan Jadual Pertama dan Jadual Kedua—tak termasuk Pendaftar. Lama sangat, kalau sedikit-sedikit itu saya biarkan juga, kalau sudah lama sangat itu tak bolehlah.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi kerana hendak menyamakan Pengerusi itu jadi baik maka keadaan perjalanan pilihanraya yang menjadi pokok kita kata awal tadi, kalau tak silap saya untuk menjadi kebaikan. Maka dengan sebab itu saya berharap untuk melicinkan lagi pilihanraya ini selain daripada apa yang saya katakan tadi yang diserahkan kepada Pengerusi atau Timbalan Pengerusi hendaklah tempat-tempat pengundi dibanyakkan lagi dan seboleh-bolehnya dikesilkan bilangan supaya ini menjadi senang kedua golongan. Golongan pertama dicepatkan dapat tahu habis mengundi kerana orang dalam kawasan tak begitu banyak, mudah pergi mengundi. Kedua, tidak menjadi beban yang amat sangat, kadang-kadang sampai pukul 3 dan 6 pagi tak selesai lagi keputusan. Jadi saya berharap dengan banyaknya tempat pengundi banyaknya pegawai kita lantik pada hari pengundian, maka ada kawasan-kawasan yang sebelum menjelang senja ataupun sebelum menjelang pukul 7 malam sudah dapat tahu setengah daripada keputusan. Jadi kadang-kadang kita dukacita macam mana dikatakan oleh Wakil dari Matang tadi kerana setengah itu terlampau dibanyakkan sangat, diluaskan sangat sedangkan benda ini kita hendak kemudahan yang amat cepat. Walau macam manapun, setahu saya keadaan berubah tentu lebih baik daripada masa yang lepas, tentulah tempat-tempat itu lebih sedikit daripada sekarang tetapi memandangkan keadaan masa kita, orang telah bertambah, keadaan lagi tamadun dan kita hendak lagi cepat patutlah benda ini ditambah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga kalaulah tak salah bagi pendapat saya, ini bukan parti, kalau parti boleh kita beri duit kita tangkap. Saya mencadangkan kalau Suruhanjaya Pilihanraya, Pengerusinya kita beri elaun bulanan, Timbalannya elaun bulanan, pekerjanya elaun bulanan, pekerja-pekerja hari ini mendapat elaun yang tetap, misalnya, satu hari \$15 atau lebih, saya berpendapat patut juga kalau tak menjadi kesalahannya, ini bukan untuk parti Barisan Nasional, untuk semua rakyat yang mengundi, patut diberi sebagai gantirugi

tinggal kerja untuk mengundi satu hari agaknya \$3 ataupun \$4 tiap-tiap seorang mengundi. Ini saya tidak mahu sebut, bukan maksud saya kepada pengundi-pengundi Barisan Nasional bahkan kepada rakyat Malaysia. Kerana kita namakan pula pilihanraya, jadi biarlah dapat nikmat kerayaan yang kita namakan kerayaan yang besar, wakil pun dia dapat pilih, wang dia tinggal kerja pun dapat. Ini kepada semua rakyat. Jadi kalau pekerja-pekerja kita dapat beri sampai \$15 atau lebih tinggi lagi, kalau boleh patutlah juga kita beri dengan kadar berpatutan misalnya \$3 kerana dia meninggalkan kerja.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita pandang yang parti hendak memerintah lima tahun tetapi bagi rakyat yang susah, yang tinggal sehari kerja dengan memotong getah dan kerja-kerja seperti nelayan dan sebagainya atau bagi mereka yang tidak ada wang tinggal kerja sehari apatah lagi anaknya banyak, tentu menjadi satu beban yang besar. Kita boleh bercakap terutama kita jadi calon, tetapi bagaimana pula yang susah tadi. Jadi saya harap cadangan saya ini akan mendapat perhatian daripada Kerajaan, kerana ini patutlah menjadi kebaikan kepada semua rakyat dengan tidak kira mana parti yang rakyat patut ikut.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah masuk dua kali sebagai calon dan dengan kehendak Tuhan menang, baik dan sempurna kerana bijak pandai Suruhanjaya Pilihanraya. Tetapi biarlah saya kata dengan tegas tiap-tiap kali saya masuk, saya gentar. Saya bukan gentar hendak tahu kalah ataupun menang, saya gentar masa hendak mengisi borang pencalonan. Saya takut, silap sedikit, satu noktah, pencalonan saya ditolak. Ini saya cakap terang-terang. Ini saya gentar, saya takut. Pendapat saya, Tuhan akan serta siapa yang benar walaupun segala-galanya di tangan Tuhan, kalau kita bekerja baik, Tuhan berserta kita. Kalau kita tidak baik, saya percaya Tuhan kita berserta. Tetapi saya takut. Seorang yang dia yakin dapat kemenangan kerana kesilapan isi sedikit borang terlepas peluang dia daripada hendak bertanding. Saya sendiri, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahulah kita ini

berbangga, Tuhan kita berserta dengan orang angkuh dan takbur, saya amat senang kalau saya hendak bertanding sekalipun yang lawan dengan saya borang dia tidak silap, apatah lagi borang saya jangan silap. Jadi saya haraplah kalau boleh di segi mengisi borang-borang ini adalah baik bagi setengah orang, tetapi bagi pendapat saya, cara gentleman, cara tunjuk apa yang benar daripada benda yang sedikit kita hendak sisehkan kawan sedangkan dia popular, dan baik, kita tidak kira parti mana, kadang-kadang kepada tiap-tiap orang, inilah yang saya sendiri cukup takut. Hari penamaan calon saya tidak ada takut lain daripada hari hendak mengisi borang. Walaupun bukan saya isi tetapi ada ramai penasihat tengok dengan teliti tetapi kadang-kadang itu tersilap juga, saya cukup takut.

Tentang masa hendak mengundi, saya percaya bukan saya kata saya baik bagi setiap pekerja atau parti mana yang bekerja dia tidak takut, kerana orang tahu nilai rakyat negara kita sejak kita merdeka sudah 24 tahun lebih rakyat sudah begitu celik. Walau bagaimanapun kita kempen, mereka akan tahu. Tetapi jangan kesilapan tadi walaupun benda baik dia tidak dapat hendak pangkah, kerana kesilapan. Dengan sebab itu saya berharap kepada pihak Suruhanjaya Pilihanraya borang-borang ini kalau boleh saya berharap longgarlah sedikit; ini harapan saya. Tetapi janganlah sampai tidak ada sistem langsung. Janganlah sehingga tidak ada peraturan lansung, tetapi dari segi mengisi borang ini, saya berharap berilah kelonggaran. Tetapi walau macam manapun biarlah ada syarat-syarat tertentu, janganlah kerana kesilapan satu perkataan, ditolak terus. Dalam peperiksaan pun agak saya yang dapat A bukan 100% kena, ada juga tinggal setakat satu dua dia silap, itu pun dia dapat A. Dia isi banyak borang tetapi terkena, silap satu dia out. Ini tidak baik—kena orang lain. Kena pada kita bagaimana? Baru kita tahu pahit maungnya, Tuan Yang di-Pertua. Ini saya minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kesah borang ini pun panjang juga. Borang tidak ada di dalam Jadual 1 dan 2 yang dipinda ini.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap ini bersangkutan dengan kerja Pengerusi. Ini kandungan maksud saya. Kepalanya Pengerusi, dialah yang akan bertugas semua untuk kebaikan pilihanraya kita supaya keadilan sepertimana saya katakan tadi akan bertambah baik lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, fasal itu saya benarkan juga. Tetapi janganlah panjang-panjang sangat. Kalau sudah lama sangat tentulah ditegur. Nampaknya Yang Berhormat ini kalau tidak ditegur akan sambung lagi, panjang lagi. Kisah Pendaftar pun boleh habis sampai besok. (*Ketawa*) Baiklah, teruskan!

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab sebagaimana saya katakan tadi, kita hendakkan satu keadilan secara gentleman betul-betul bukan sahaja kepada siapa-siapa tetapi kita tunjukkan kepada parti Kerajaan sendiri. Jadi saya harap segala syor-syor dan pandangan-pandangan saya ini akan mendapat perhatian daripada pihak yang berkenaan.

Di samping itu juga, sebagai penghabisan sekali, saya berharaplah juga kepada Suruhanjaya Pilihanraya dan juga kepada pekerja-pekerjanya terutama di masa pendaftaran hendaklah diadakan satu kawalan untuk mereka ini mendapat keselamatan, apatah lagi masa hendak masuk ke kampung-kampung, kerana walaupun kita dapat wang banyak, kalau di segi keselamatan kita tidak terjamin, ini membawa kita tidak begitu ingin mendapat pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi sebelum saya duduk, saya berharap dan saya bersyukur kepada Tuhan sebagaimana saya kata tadi Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia adalah satu suruhanjaya yang telah berjalan dengan baik. Sebagai satu bukti, kalau kita tengok negara-negara lain selalu terjadi berbagai-bagai, tetapi negeri kita, kita bersyukur kepada Tuhan kerana kebijaksanaan dan keadilan Suruhanjaya Pilihanraya maka keadaan yang setimpal kepada Suruhanjaya ini patutlah kita buat kajian yang seadil-adilnya.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan sebaik sahaja selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan sehingga satu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Menteri Kemajuan Wilayah Persekutuan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan sebaik sahaja selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan sehingga satu tarikh yang tidak akan ditetapkan.

### RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PILIHANRAYA (PINDAAN)

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.58 ptg.

**Tuan Haji Hashim bin Endut (Ulu Muda):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) 1981 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 15hb Mei, 1981.

Saya menyokong pindaan ini samalah juga seperti rakan-rakan saya dari Matang, dari Kuala Lumpur Bandar dan juga sekejap tadi dari Kangar. Kerana pindaan ini sungguh perlu dan mustahak kepada Suruhanjaya ini terutamanya hendak mengadakan seorang Timbalan Pengerusi, apatah lagi kepada masalah-masalah gaji dan elaun-elaun kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Suruhanjaya ini akan dikaji juga bersama, ini memberi satu insentif kepada anggota-anggota di dalam Suruhanjaya ini menjalankan tugas mereka dengan lebih sempurna dan teratur dengan adanya pindaan-pindaan ini.

Tidak siapa boleh menafikan bahawa peranan yang dimainkan oleh Suruhanjaya ini begitu penting dan mustahak sekali kepada negara Malaysia yang merdeka dan berdaulat yang mengamalkan demokrasi. Selagi negara kita mengamalkan dasar demokrasi maka peranan yang dimainkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya ini begitu penting sekali kepada negara.

Kita bersetuju bahawa Suruhanjaya Pilihanraya ini begitu penting macam saya katakan tadi sebab itulah Suruhanjaya ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri sendiri. Dengan sendirinya menjelaskan bahawa ini adalah satu Suruhanjaya yang bebas, yang penting untuk mentadbirkan Suruhanjaya yang telah dimaktubkan di dalam Perlembagaan Malaysia yang mana dimestikan ada tiap-tiap 5 tahun—tidak lebih daripada 5 tahun mesti kita serahkan balik—Kerajaan mestilah dibubarkan dan serahkan kepada rakyat, terpulang kepada rakyat hendak menentukan corak pemerintahan yang akan wujud di dalam negara kita. Dengan itu segala pindaan-pindaan yang akan dibuat oleh Kerajaan ini dianggap penting dan mustahak. Maka sebab itulah saya bangun di dalam Dewan yang mulia ini memberikan sokongan yang sekuat-kuatnya kepada pindaan-pindaan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menjalankan tugas Suruhanjaya ini kita agak begitu penting dan mustahak sekali. Kalau kita lihat daripada daftar pengundi di dalam negara Malaysia kita yakin dan percaya

bahawa kerja-kerja yang dijalankan oleh Suruhanjaya ini tidak begitu sempurna daripada 13 million rakyat hanya beberapa peratus sahaja yang telah mendaftar menjadi pemilih di dalam pilihanraya. Saya tidak mahu bercakap seluruh Malaysia. Saya ingin menarik perhatian Suruhanjaya ini kepada kawasan saya yang mana penduduk-penduduk lebih kurang 150,000 tetapi yang menjadi pendaftar pengundi hanya kurang daripada 40,000 sehingga sekarang.

Saya tertanya-tanya mengapa dan sebab apa perkara ini terjadi demikian, mungkin penerangan-penerangan yang diberikan tidak begitu mencukupi ataupun tugas-tugas diberikan kepada Suruhanjaya ini tidak meliputi sepenuhnya, mungkin juga Suruhanjaya ini menghadapi problem dari satu masa ke satu masa, mengapa di tempat saya itu tidak banyak orang daftar mengundi. Mungkin dengan adanya pindaan yang kita bawa di dalam Dewan yang mulia ini, kita berharap tiap-tiap rakyat yang umurnya telah meningkat 21 tahun mestilah bertanggungjawab tampil ke hadapan mendaftarkan diri mereka menjadi seorang pemilih supaya hak itu diberikan kepadanya dan hak itu akan digunakan oleh mereka apabila pilihanraya kita adakan tiap-tiap tidak lebih daripada 5 tahun sekali. Tetapi sungguh malang bagi diri saya kalau saya tengok perangkaan itu penduduk hampir 150,000 tetapi yang mendaftar menjadi pemilih tidakpun sampai 40,000 tentulah ada sebab-musababnya.

Saya agak penerangan sepertimana yang dikatakan oleh sahabat-sahabat sebelum daripada saya tadi tidak begitu mencukupi ataupun rakyat sendiri berasa bukan berkewajipan bagi mereka hendak mendaftarkan sebagai pemilih, kerana ada juga cakap-cakap apa guna kita daftar sebagai pengundi, kalau mengundi bukan kita senang tetapi Wakil Rakyat yang senang. Cakap-cakap ini selalu dicakapkan di dalam kawasan. Oleh yang demikian, saya ingin menyarankan kepada Suruhanjaya ini supaya dapat bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran kalau boleh supaya kursus sivik ataupun pelajaran sivik diberikan kepada kanak-kanak sekolah semasa mereka berada di bangku sekolah betapa penting dan betapa

mustahaknya, tiap-tiap rakyat apabila meningkat kepada umur 21 tahun mestilah mereka itu ada berperasaan bahawa ini adalah kewajipan aku, aku mesti pergi daftar sebagai seorang pemilih kerana ini adalah hak yang diberi oleh perlembagaan kepada saya. Jadi, cara yang lebih baik melalui sekolah, melalui orang ramai, melalui Kementerian Penerangan dan sebagainya kita mesti memberi penerangan semasak-masaknya supaya perasaan tanggungjawab rakyat apabila umur mereka sampai 21 tahun ada di dada masing-masing bahawa mendaftar bukan kewajipan Kerajaan, mendaftar adalah kewajipan hak diri sendiri.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, di dalam kawasan saya ada masalah sepertimana saya ceritakan di dalam Dewan yang mulia ini di penggal yang lepas iaitu di dalam kawasan saya banyak penduduknya hampir 5,000 orang adalah rakyat keturunan Thai. Mereka ini rakyat jati daripada beberapa lapisan tok wan, tok nenek semua beranak di sini tetapi terdapat di kalangan rakyat keturunan Thai rakyat Malaysia mempunyai Kad Pengenalan Merah.

Saya sebagai Wakil Rakyat selalu ditanya oleh mereka ini. Dalam kawasan saya mereka tidak panggil Yang Berhormat, mereka panggil Pak Syem. Mereka kata kami ada Kad Pengenalan Kad Merah macam mana hendak buat ini, hendak daftar untuk menolong Pak Syem. Tetapi saya cuba kemukakan kepada pihak-pihak yang berkenaan nampaknya Kad Pengenalan Merah mereka itu masih duduk merah juga.

Saya suka kalau boleh Suruhanjaya ini menjalankan siasatan, kalau betul-betul mereka ini adalah berhak dapat kerakyatan dan berhak boleh mengundi, maka berkewajipanlah Suruhanjaya ini bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Pendaftaran dan sebagainya supaya mereka ini juga diberi kemudahan menjadi pendaftar, tetapi selagi mereka memegang Kad Pengenalan Merah selama itulah mereka tidak berhak menjadi seorang pemilih ataupun mendaftar sebagai seorang pengundi. Ini sungguh perlu kerana daripada 5,000 penduduk tidak pun sampai 2,000 yang boleh daftar yang majoritinya masih tidak

boleh daftar disebabkan masalah Kad Pengenalan mereka menjadi ragu kepada kita, tetapi itu juga menjadi masalah kepada Wakil Rakyat yang mana Wakil Rakyat di kawasan itu terpaksa berhubung rapat dengan Jabatan Pendaftaran, tetapi malangnya sekali masalah mereka ini; orang-orang keturunan Thai ini hendak bercakap Melayu semacam orang Melayu memanglah susah dengan pelatnya begitu susah, apabila periksa bahasa lazimnya mereka ini tidak pas. Kalau boleh sebagai Wakil Rakyat kaum Thai saya inginlah meminta dan merayu kepada pihak Kerajaan masalah kelulusan peperiksaan lisan itu patutlah dikendurkan supaya lebih banyak kaum Thai ini boleh jadi pendaftar dan dengan sendirinya mereka ini tidak pangkah Parti Pembangkang di situ, sudah tentu hendak sokong Kerajaan. Senanglah saya sedikit!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini jauh benar daripada Rang Undang-undang ini. Tak usahlah sampai merayau jauh sangat. Syarat-syarat hendak jadi pendaftar, menjadi kerakyatan itu sudah terkeluar langsung. Cuba seberapa boleh tujukan kepada Rang Undang-undang ini.

**Tuan Haji Hashim bin Endut:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun lari jauh dan nampaknya, Tuan Yang di-Pertua, menjalankan tugas sebagai Yang di-Pertua terpaksa guide saya tetapi ini menjadi masalah yang dihadapi oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu tidak boleh. Saya kata tidak ada sungguhpun lagi, kalau tidak boleh, tidak bolehlah.

**Tuan Haji Hashim bin Endut:** Jadi, mustahak sekali kerana kita sekarang hendak adakan Timbalan Pengerusi yang mana dengan adanya Timbalan Pengerusi di dalam pindaan ini, maka Suruhanjaya ini bolehlah menjalankan tugasnya dengan begitu cekap, lebih teratur dan sempurna dan elauannya akan ditambah. Dengan tambahan ini mereka ini akan menjalankan tugas lebih banyak di masa depan dan pendaftaran yang berjalan sekarang iaitu setahun ataupun 6 bulan sekali penyemakan itu kalau boleh mintalah Suruhanjaya ini mengkaji semula,

biarlah pendaftaran ini berjalan terus-menerus supaya elauan yang akan ditambahkan itu ataupun pegawai-pegawai dan Timbalan Pengerusinya ditambah selalu bermesyuarat dan sebagainya bincanglah sama masalah-masalah yang dihadapi di peringkat kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sungguh bangga di dalam Malaysia ini kerana kerja-kerja yang dijalankan oleh Suruhanjaya ini begitu cekap sekali. Dalam ingatan saya semenjak kita ada pilihanraya belum pernah lagi berlaku curang, baik dari segi pencalunan, kertas pencalunan semasa mengundi, semasa buang undi, nampaknya rakyat kita begitu faham, begitu fasih sekali, begitu mahir sekali. Ini adalah kerana tugas-tugas yang dijalankan oleh Suruhanjaya ini begitu berkesan sehingga kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain apabila ada pilihanraya peti undi itu dicuri oleh orang bawa lari, dalam ada escort itu boleh bawa lari dan kertas-kertas undi itu boleh ditiru, ditokok tambah tetapi Alhamdulillah kita bersyukur Suruhanjaya Pilihanraya yang kita ada di Malaysia ini begitu cekap memainkan peranannya sehingga belum pernah lagi kita dengar perkara-perkara yang tidak baik berlaku apabila kita adakan pilihanraya. Terutama sekali saya ingin memuji Suruhanjaya ini apabila menjalankan pilihanraya di negeri Sabah dan Sarawak, sebuah negeri yang begitu susah perhubungan tetapi cara mereka mentadbirkan, menyusun strategi kerja itu begitu teratur sekali sehingga keputusan-keputusan pilihanraya itu dapat diumumkan di dalam jangka masa yang sebegitu singkat. Ini saya ucap syabas kerana kecekapan mereka dan dengan adanya pindaan yang kita bawa di dalam Dewan yang mulia ini pada hari ini kita percaya kecekapan itu akan lebih cekap lagi di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di tempat saya juga pernah berlaku seorang pengundi pernah mengundi tetapi pada kali yang kedua hendak mengundi terdapat namanya tidak ada di dalam senarai. Ini sungguh malang sekali, saya minta Suruhanjaya ini mengkaji, melihat, menyemak mengapa dan sebab apa perkara yang semacam itu boleh berlaku.

Lagi satu yang saya tengok dan saya berasa ganjil, Encik Anu duduk di kampung A, katakanlah, tetapi bila masa ada pilihanraya beliau pergi cari namanya di dalam tempat hendak mengundi di kampung A namanya tidak ada tetapi malang sekali kita dapati namanya duduk di dalam kampung J, begitu jauh, terpaksa berjalan berbatu-batu naik motokar pergi menghantar tetapi kita parti orang-orang yang masuk berlawan ini terpaksa kalau seorang pengundi pun kita terpaksa membawa pengundi itu pergi ke kampung J yang mana namanya terdapat di dalam senarai kampung J. Saya juga hairan mengapa perkara yang semacam ini boleh berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, ini saya agak tugas yang agak penting kepada Suruhanjaya Pilihanraya supaya melihat kawasan Ulu Muda. Sayalah seorang Wakil Rakyat daripada Kedah yang dapat title ulu . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa titlenya?

**Tuan Haji Hashim bin Endut:** Title ulu, orang ulu . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ulu Trengganu ada juga.

**Tuan Haji Hashim bin Endut:** Ulu Kedah, di Kedah sahaja. Orang lain seorang pun tidak ada ulu, saya ulu tetapi sungguhpun saya ulu, kalau saya umur 70 tahun boleh jadi Wakil Rakyat saya terlalu muda. Yang itu saya bangga (*Ketawa*), saya ucap syabas kepada Suruhanjaya Pilihanraya, orang ulu ini orang yang ketinggalan jauh tetapi saya muda, saya agak ini satu kebanggaanlah.

Kawasan yang diberi kepada saya itu Tuan Yang di-Pertua boleh pergi tengok ataupun Suruhanjaya ini pergi tengok, begitu ganjil sekali. Sebelah satu State sebelah Pendang, saya boleh pergi begitu mudah sekali tetapi kalau hendak masuk sebelah kawasan ADUN, (Ahli Dewan Undangan Negeri) Sik yang mana itu dimiliki oleh ADUN parti lawan pada hari ini, saya terpaksa melalui kawasan-kawasan orang lain. Saya mesti melalui Kuala Muda ataupun Padang Terap.

Mengapa dan sebab apa jadi semacam itu, macam pucuk kayu sana, pucuk kayu sini, ini satu perkara yang rumit bagi diri saya sebagai

Wakil Rakyat hendak menunaikan tanggungjawab saya, hendak memuakan rakyat, hendak pergi melawat kawasan. Oleh kerana susunan, corak, bentuk kawasan yang diberi kepada saya itu sungguh ganjil dan unik, saya minta kalau boleh di dalam penyusunan semula kawasan-kawasan pilihanraya, janganlah kita tengok dari segi banyaknya penduduk semata-mata, masalah kesulitan kawasan itu juga perlu diberi perhatian dan kalau boleh dengan ramainya penduduk di kawasan ulu ini hubungan yang susah kalau boleh saya mintalah supaya kawasan Ulu Muda itu dipecah dua, jadikan dua bila masa suruhanjaya hendak menjalankan tugas ini—itu terpulanglah kepada kebijaksanaan Suruhanjaya ini menjalankan tugas, jadikanlah satu kawasan Parlimen Sik, satu kawasan Parlimen Pendang, dengan sendirinya Ulu Muda sudah tidak ada. Jadi Parlimen Pendang dan Parlimen Sik dan sewajarnya saya agak bagi negeri Kedah kita perlu menambahkan dua atau tiga lagi kawasan pilihanraya Parlimen yang mana penduduknya begitu bertambah ramai di Kedah di kawasan-kawasan yang sedang pesat membangun, maka saya minta di dalam Dewan yang mulia ini supaya susunan kawasan pilihanraya di masa akan datang supaya diberi perhatian kawasan saya itu. Ianya begitu luas sekali, tiga kali negeri Perlis luasnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan saranan, syor-syor ataupun pendapat-pendapat saya itu memanglah sesuai dan sewajarnya pindaan ini dibawa di dalam Dewan yang mulia ini dan perlu mendapat sokongan daripada semua Ahli Dewan tidak kira daripada mana kerana tujuannya baik, kita hendak memperkemas kedudukan Suruhanjaya Pilihanraya ini supaya ia boleh menjalankan tugas dengan lebih berkesan, lebih efektif dan lebih berguna kepada negara dan bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan di dalam Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Balik Pulau, lepas ini Yang Berhormat Menteri menjawab.



6.16 ptg.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih diberi peluang kepada saya bercakap untuk menyokong Akta Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) 1981 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya saya tidak bercadang hendak bercakap tetapi ada satu perkara yang saya fikir perlu dan paling mustahak pada pandangan saya setelah saya berbincang dan dapat pandangan-pandangan daripada orang-orang yang biasa memasuki pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dimohon oleh Yang Berhormat Menteri ialah untuk menambah kakitangan pilihanraya ini dalam usaha untuk memberi lebih lagi kecekapan kepada pentadbiran Suruhanjaya Pilihanraya ini. Pada pandangan saya dan pada hemat saya Suruhanjaya Pilihanraya di negara kita ini adalah satu Suruhanjaya Pilihanraya yang paling kemas pentadbirannya dan ini diakui sendiri bukan sahaja oleh pihak parti pemerintah tetapi oleh pihak Pembangkang sendiri.

Sebagai buktinya, Tuan Yang di-Pertua, semenjak negara kita mengadakan pilihanraya tahun 1955 hingga ke hari ini setiap lepas pilihanraya tidak mana-mana parti Pembangkang pun yang telah membawa perkara tidak puas hati kerja-kerja pilihanraya ini. Seperti yang kita dengar di negara-negara lain hingga tuduh-menuduh, syak-wasangka terhadap kakitangan pilihanraya ini dibawa ke mahkamah hingga berlaku pergaduhan dan tumbang-menumbangkan Kerajaan. Ada dua, tiga negara di mana perkara ini berlaku tetapi saya katakan syukur Alhamdulillah negara kita ini Suruhanjaya Pilihanraya bekerja dengan cekap dan tidak menyebelah mana-mana pihak. Dan kita berharap dengan adanya pindaan untuk menambahkan kakitangan maka pentadbirannya akan tambah licin lagi.

Dalam bercakap mengenai pentadbiran ini, saya suka menyentuh perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar tadi. Perkara ini adalah berat

walaupun barangkali terkeluar sedikit, saya minta izin Tuan Yang di-Pertua hendak bercakap iaitu masalah format kertas penamaan calon (nomination paper). Saya sangat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Kangar itu. Kepada calon-calon yang hendak memasuki pilihanraya, masa yang paling siksa yang hendak dilalui ialah masa hendak mengisi kertas penamaan calon, tidak boleh tidur selagi tidak selesai dan tidak lulus penamaan calon itu.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, semasa mengisi borang penamaan calon itu, di sebelah kanan saya seorang lawyer yang handal dalam bahasa, di sebelah kiri seorang doktor. Semasa hendak tulis nama negeri itu dia tanya saya: Hello, boleh tolong beri tahu macam mana hendak eja "Pulau Pinang". Pulau Pinang pun dia tak boleh eja, bukan kerana dia tak tahu tetapi kerana takut dan bimbang tersilap. Bila dia tersilap isi nomination paper itu maka seluruh pengundi dalam kawasannya terutama ahli partinya akan mengatakan dia orang yang paling bodoh kerana hendak mengisi borang penamaan calon inipun salah. Ini sebagai bukti bagaimana susahnya hendak mengisi kertas penamaan calon.

Jadi, dalam hubungan ini saya berharap sangat dan memohon kepada kakitangan Suruhanjaya Pilihanraya ini cuba kaji balik. Pada hemat saya borang penamaan itu patut kita mudahkan semudah-mudahnya. Tujuan Kerajaan mengadakan pilihanraya bukan hendak menjadikan kertas pencalonan sebagai perangkap kepada parti Pembangkang atau mana-mana parti politik. Tujuan kita negara demokrasi ini hendak beri peluang seberapa banyak calon boleh bertanding dan hendak beri peluang kepada pengundi memilih mana-mana calon yang mereka fikirkan layak. Jadi kalau kertas penamaan calon itu dijadikan satu perangkap (trap) kepada calon-calon yang gugup atau takut untuk mengisi kertas penamaan calon itu, saya fikir ini tak betul dan sudah lari daripada konsep demokrasi. Apa salahnya format itu kita mudahkan. Misalnya, yang pertama, nama: ikut Kad Pengenalan, kemudian alamat, parti mana hendak masuk, di mana hendak bertanding dan sebagainya. Tetapi sekarang ini ruangan nama negeri

(Pulau Pinang) saya tengok ruangan itu ada tiga empat tempat yang mesti kita isi nama negeri. Kalau silap satu koma pun dikira disqualified. Ini tak patut pada hemat saya. Kita patut beri peluang kepada parti yang telah bersusah payah berkempen itu, biar dia tunjukkan kebolehan masing-masing, beri peluang kepada rakyat memilih wakil yang betul-betul mereka percaya boleh memperjuangkan nasib mereka.

Sebagai contohnya pilihanraya yang baru lalu di kawasan Setapak, seorang pengarang yang kita fikirkan handal, bijak dalam menulis kata-kata, tetapi bila mengisi borang pencalonan didapati dia tidak memenuhi syarat dan dibatalkan. Dan ini pada hemat saya sudah terkeluar daripada konsep demokrasi. Tujuan kita adakan pilihanraya ini kita hendak kemukakan seberapa banyak calon supaya dapat pilihan yang baik daripada pengundi-pengundi.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pandangan daripada saya dan rakan-rakan yang lain yang tak berpeluang bercakap dalam Dewan ini iaitu supaya dimudahkan kertas penamaan calon akan mendapat perhatian yang sewajarnya, perhatian yang berat oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya sekali lagi menyokong penuh cadangan untuk meminda Akta Suruhanjaya ini. Sekianlah, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.25 ptg.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran**

**Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengeluarkan pandangan-pandangan yang bernas mengenai dengan perkara yang dibentangkan dalam Dewan pada petang ini. Di sini saya tidaklah bermaksud untuk menghuraikan satu-persatu perkara yang telah ditimbulkan. Namun demikian, saya akan cuba sedaya upaya untuk memberikan penerangan beberapa perkara yang perlu diberikan penerangan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tujuan kita untuk menyatukan Jadual dan membolehkan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong memindanya daripada masa ke semasa supaya menyenangkan pihak Kerajaan supaya pindaan kepada gaji dan elaun Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya dapat diperbaiki daripada masa ke semasa dan tidak payah membawanya lagi ke dalam Dewan ini. Pada masa ini Kerajaan tidaklah bermaksud untuk menambahkan lagi gaji dan elaun Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya ini kerana telahpun kita buat tidak berapa lama dahulu dan sekiranya ada perubahan nanti maka ia tentulah akan diselaraskan dengan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya yang lain.

Perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ialah mengenai pendaftaran pemilih yang mana juga telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Matang. Pendaftaran pemilih seperti mana yang kita jalankan pada hari ini adalah memuaskan dan kita perbaiki daripada masa yang lalu di mana kita telah mengadakan satu sistem yang kita panggil sistem berpadu (integrated system) di mana kita mengadakan pendaftaran pemilih, pertamanya dari rumah ke rumah dan kedua melalui pusat tetap dan juga pusat bergerak. Ini adalah satu sistem yang pada masa ini pada pendapat kita sangat sesuai memandangkan keadaan yang ada di dalam masyarakat kita ini di mana ada yang tinggal di luar bandar kita terpaksa dan sepatutnya kita mengadakan pusat bergerak dan juga melawat dari rumah ke rumah.

Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan pada masa ini sedang meneliti mengenai dengan perkara pendaftaran pemilih-pemilih ini dan kita akan cuba memperbaikinya lagi daripada masa ke semasa mengikut mana yang lebih baik dan telah dinyatakan tadi iaitu di dalam daftar pemilih itu terdapat juga nama yang tercicir dan lain-lain lagi kesilapan. Saya rasa kesilapan itu sebagaimana yang kita semua tahu semanglah mungkin boleh berlaku dan mungkin ada berlaku dan tentulah kita tidak dapat memastikan seratus peratus setiap nama itu ada di dalam daftar kerana dari

semasa ke semasa pendaftaran dilaksanakan dan pertukaran alamat sentiasa berlaku. Jadi, apa yang kita harapkan terutama sekali dari masyarakat kita, mereka yang berhak mengundi supaya keluar beramai-ramai mendaftarkan diri dan di masa daftar pemilihan itu dipamirkan untuk disemak, kita berharaplah mereka yang berkenaan keluar memastikan nama mereka tidak ketinggalan dalam daftar pengundi dan jika ketinggalan hendaklah membuat laporan dengan mengisi borang yang ditentukan oleh Suruhanjaya. Itulah saya rasa kita harapkan terutama sekali dari parti-parti politik supaya bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya memastikan bahawa semua rakyat kita akan mengambil perhatian berat di atas perkara ini dan mengambil tindakan seperti mana yang diterangkan tadi.

Mengenai dengan tugas Suruhanjaya mengkaji kawasan-kawasan Pilihanraya, pada masa ini untuk makluman Dewan ini, kajian sedang dibuat oleh Suruhanjaya untuk mengkaji kawasan-kawasan pilihanraya yang mana mengikut undang-undang kita dibuat dalam masa 8-10 tahun sekali dan pada masa ini saya belum dapat memberi jawapan bilakah yang setepat-tepatnya dapat kita mengetahui keputusan penyiasatan itu. Walau bagaimanapun, kita harap keputusan kajian kawasan-kawasan pilihanraya itu akan dapat kita ketahui dalam pertengahan tahun 1982.

Mengenai dengan pegawai-pegawai yang bertugas di dalam Suruhanjaya Pilihanraya, saya di sini ingin menegaskan iaitu Suruhanjaya memang sudah dapat menjalankan tugasnya dengan begitu baik, tetapi saya tidak juga menafikan memang ada sedikit sebanyak kelemahan dan Kerajaan hari ini sedang mengkaji dan memperbaiki apa-apa kelemahan yang terdapat, terutama sekali dari segi gaji dan elaun pegawai-pegawai yang menjalankan tugas seperti mendaftar dan menjalankan tugas-tugas urusan pilihanraya di masa pilihanraya diadakan.

Pada masa ini Kerajaan sedang mengkaji elaun pegawai-pegawai yang terlibat, kakitangan yang terlibat dan saya rasa ini adalah satu langkah yang Kerajaan buat untuk memastikan bahawa petugas-petugas

atau pegawai-pegawai yang menjalankan tugas pendaftaran dan menjalankan urusan-pilihanraya akan lebih berkesan lagi di masa akan datang.

Ada juga disebut tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Matang yang mengatakan ada orang mendaftar dua kali dan mengundi dua kali. Untuk makluman Yang Berhormat itu pilihanraya adalah dijalankan mengikut Undang-undang Pilihanraya dan di dalam undang-undang itu ada menentukan bahawa seseorang itu tidak boleh mengundi dua kali dan kalau kedapatan mengundi dua kali dia boleh dihukum mengikut undang-undang itu dan kiranya Ahli Yang Berhormat itu mengetahui butir-butir lanjut mengenai dengan orang yang telah sengaja mengundi dua kali, adalah saya rasa yang paling baik untuk melaporkan perkara yang berkenaan kepada pihak yang berkenaan sama ada Polis atau pihak Suruhanjaya supaya ianya boleh disiasat. Ini adalah seperti saya katakan tadi satu daripada perkara-perkara yang boleh berlaku di mana sangat susah untuk diatasi dengan 100%. Namun demikian Suruhanjaya akan cuba mengatasinya dari masa ke semasa mengikut pengaduan-pengaduan yang kita terima supaya disiasat dan diperbaiki mana-mana yang salah.

Mengenai dengan pusat-pusat pengundian di mana diadakan satu pusat pengundian ditempatkan di mana terlalu banyak pengundi, saya rasa perkara ini memang sudah di dalam perhatian Suruhanjaya Pilihanraya di mana satu-satu pusat pengundian itu hanya ditetapkan untuk jumlah pengundi yang tertentu dan jika jumlah pengundi itu banyak sama ada pusat itu ditambah lagi satu atau diadakan satu saluran khas untuk memastikan bahawa semua pengundi dapat mengundi mengikut masa yang telah ditetapkan dan perkara ini juga adalah di antara perkara-perkara yang sedang dikaji oleh Suruhanjaya supaya di masa depan pusat-pusat pengundian ini akan dapat berjalan dengan lebih licin lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah mencadangkan supaya pengundi-pengundi diberi bayaran atau elaun. Saya rasa pada masa ini Kerajaan tidaklah dapat menimbangkan perkara ini kerana kita berharap bahawa perkara mengundi ini

adalah merupakan satu hak dan tanggungjawab rakyat kita dan di sinilah hanya hak mereka untuk menggunakan kuasa menentukan Kerajaan dan masa depan negara ini.

Kerajaan berpendapat dan berharap agar setiap pengundi-pengundi sanggup mengorbankan satu hari untuk kepentingan negara kita keluar mengundi beramai-ramai. Maka itu saya ulangi lagi pada masa ini Kerajaan tidaklah berniat untuk membayar elaun kepada pengundi-pengundi memandangkan kepada keadaan kewangan yang terlibat mungkin begitu banyak dan kita juga berharap agar pengundi-pengundi dapat menyedari mengenai tanggungjawab mereka masing-masing sebagai warganegara satu negara yang merdeka dan berdaulat.

Berkenaan dengan perkara yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau dan beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain iaitu mengenai dengan kertas pencalonan yang difikirkan begitu rumit. Sebenarnya saya rasa kertas pencalonan ini tidak juga sebegitu rumit sekadarnya di dalam pengisian itu harus berhati-hati kerana kalau misalnya kita katakan kita bertanding sepatutnya ditaruh di Pulau Pinang, tetapi tertaruh pula di lain kawasan, tentulah itu menjadi satu kesalahan yang sangat nyata dan biasanya Suruhanjaya Pilihanraya sudahpun memberi arahan kepada "Returning Officer" atau Pegawai Pengurus di tiap-tiap tempat penamaan calon supaya memberi seluas-luasnya peluang kepada semua calon untuk dapat bertanding. Mengikut rekod yang ada pada kita iaitu tidak berapa banyak orang yang telah dibatalkan pencalonannya kerana kertas pencalonan yang tidak baik, biasanya perkara ini berlaku jika terlalu ketara kesalahan itu. Saya rasa terpaksa juga kertas ini dibuat sebegitu rupa untuk menentukan di mana seorang calon itu hendak bertanding. Walau bagaimanapun, pada masa ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga sedang mengkaji kedudukan kertas pencalonan ini dan mungkin di mana yang boleh diperbaiki akan diperbaiki dan ini akan mengambil masa dan akan dikaji bersama-sama dan kajian

keseluruhan mengenai dengan sistem yang ada dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya pada masa ini.

Satu lagi perkara yang ingin saya terangkan di sini ialah mengenai dengan rakyat Malaysia yang mempunyai kad pengenalan merah. Walaupun ini mungkin terkeluar sedikit, tetapi sebenarnya pengeluaran kad pengenalan merah ini bukannya tanggungjawab Suruhanjaya Pilihanraya, ini adalah tanggungjawab Jabatan Pendaftaran. Saya berharaplah kepada Yang Berhormat itu supaya dibawa perkara ini kepada pihak yang berkenaan untuk diselidiki. Saya rasa sekiranya perkara itu benar Kerajaan memanglah sentiasa memberi perhatian untuk memperbaiki perkara itu.

Selain daripada itu ada beberapa perkara yang telah disebutkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat tadi iaitu mengenai dengan penerangan-penerangan yang dirasakan kurang memuaskan atau kurang banyak diberi di masa pendaftaran berjalan untuk memberitahu ataupun memberi kesedaran kepada masyarakat kita terutama sekali mereka yang boleh mendaftar untuk mengundi. Sebenarnya perkara ini sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum sudahpun berjalan dan walau bagaimanapun Suruhanjaya Pilihanraya akan memastikan bahawa perkara ini akan diperhebatkan lagi supaya ianya dapat memberi penerangan yang lebih efektif untuk difahami oleh masyarakat kita terutama sekali supaya semua para belia kita yang mendaftar akan mendaftar sebagai seorang pemilih.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sekian sahajalah penerangan yang dapat saya beri dan mana-mana perkara yang tidak sempat saya sebutkan di sini, saya inginlah memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Suruhanjaya mengambil perhatian dan selain daripada itu kalau sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai cadangan-cadangan yang lain yang sangat perlu disampaikan maka tidak ada sekatan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyampaikan pendapat itu secara bertulis kepada Suruhanjaya Pilihanraya untuk diambil perhatian dan jika sesuai mungkin untuk diambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah ini bagi diputuskan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG PERUNTUKAN DI RAJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.40 ptg.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Ordinan Peruntukan Di Raja, 1957 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Fasal 35 (1) Perlembagaan Persekutuan, Parlimen hendaklah dengan undang-undang memperuntukkan satu peruntukan Di Raja bagi Yang di-Pertuan Agong yang termasuk peruntukan untuk membayar anuiti kepada Raja Permaisuri Agong. Peruntukan Di Raja itu hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulanwang Disatukan dan tidak boleh dikurangkan dalam masa Yang di-Pertuan Agong memegang jawatannya.

Bagi melaksanakan Fasal 35 (1) Perlembagaan itu, satu Ordinan Peruntukan Di Raja No. 70 tahun 1957 telah diluluskan pada 31hb Ogos, 1957. Semenjak itu Jadual

Pertama kepada Undang-undang itu telah beberapa kali dipinda dan keadaan Peruntukan Di Raja pada masa ini adalah seperti berikut:

Kelas I	Biayai Di Raja	\$240,000	
	Keraian	.. 87,600	\$327,600
Kelas II	Gaji Pegawai dan Kakitangan Istana		\$747,000
Kelas III	Perbelanjaan Istana	..	\$444,000
Kelas IV	Kurmiaan Di Raja	..	\$23,000

Pindaan kepada Ordinan yang dicadangkan melibatkan kesemua Kelas iaitu dari Kelas I hingga Kelas IV dalam Jadual Pertama dan sukalah saya menerangkan dengan ringkas seperti berikut:

#### (1) Kelas I—Peruntukan Di Raja

Tambahan sebanyak \$32,400 adalah diperlukan untuk Elaun Perayaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Peruntukan sekarang sebanyak \$87,600 telah didapati tidak mencukupi oleh sebab kenaikan harga barang-barang pada tahun-tahun kebelakangan ini. Majlis-majlis seperti Majlis Mengadap, Majlis Penyampaian Tauliah dan Majlis-majlis Keraian yang diadakan di Istana Negara juga semakin bertambah.

Tambahan sebanyak \$32,400 akan menjadi peruntukan Elaun Keraian Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebanyak \$120,000 setahun mulai 1hb Januari, 1980.

#### (2) Kelas II—Gaji Pegawai dan Kakitangan Istana

Tambahan sebanyak \$257,880 adalah dikehendaki berikutan dengan perubahan gaji Sektor Awam dan pemberian Elaun khidmat Awam mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 tahun 1980. Dengan tambahan ini peruntukan Kelas II akan menjadi \$1,004,880 dan dikuatkuasakan mulai daripada 1hb Julai, 1980 iaitu selaras dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 tahun 1980.

(3) *Kelas III—Perbelanjaan Istana*

Kelas III adalah untuk perbelanjaan sehari-hari untuk menemui kewajipan-kewajipan Istana. Tambahan sebanyak \$1,695,100 adalah diperlukan mulai 1hb Januari, 1980 bagi menemui perbelanjaan-perbelanjaan perkhidmatan, penyelenggaraan dan bekalannya semakin bertambah. Dengan tambahan ini peruntukan Kelas III akan berjumlah \$2,139,100.

(4) *Kelas IV—Kurniaan Di Raja*

Perbelanjaan bagi Kelas IV ialah untuk pembayaran Ampuan Kurnia. Peruntukan sekarang sebanyak \$23,000 setahun didapati tidak mencukupi menampung perbelanjaan iaitu seperti pemberian kepada Masjid-masjid Rumah Anak Yatim dan persatuan-persatuan sukarela. Tambahan sebanyak \$27,000 adalah diperlukan dan ini akan menjadi jumlah peruntukan Kelas IV sebanyak \$50,000 berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1980.

Ringkasnya tambahan-tambahan yang diminta bagi keseluruhannya adalah seperti berikut:

Kelas I	.. ..	\$ 32,400
Kelas II	.. ..	\$ 257,880
Kelas III	.. ..	\$1,695,100
Kelas IV	.. ..	\$ 27,000
Jumlah	..	<u>\$2,012,380</u>

Tambahan kepada peruntukan-peruntukan seperti disebutkan di atas tadi hendaklah berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1980 bagi Kelas I, III dan IV; dan mulai 1hb Julai, 1980 bagi Kelas II.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ini ialah satu Rang Undang-undang bernama

Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peruntukan Di Raja, 1957 dibaca bagi kali yang kedua sekarang terbuka untuk dibahas.

Oleh sebab tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat hendak membahaskan, saya kemukakan bagi diputuskan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

## PENANGGUHAN

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 17 (1) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN PENANGGUHAN

## KERAHAN TENAGA SECARA WAJIB

6.49 pgt.

**Tuan Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Speaker, ucapan penangguhan saya ialah Kerajaan patut menimbang mengadakan kerahan tenaga wajib. Saya mahu Menteri jawab itu, Tuan Speaker.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sahaja ucapannya. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat ini adalah satu cadangan yang telah beberapa kali dibincangkan di Dewan yang mulia ini di dalam persidangan-persidangan yang lepas dan ia bukannya merupakan satu isu yang baru malah ianya sudah berulang-ulang kali dijawab.

Di dalam hal ini, sukacita saya tegaskan bahawa pihak Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara kita daripada sebarang ancaman sama ada dari dalam ataupun luar. Setiap perkembangan politik dunia dan negara-negara jiran memang sentiasa diambil kira di dalam mengemas dan menentukan dasar luar dan dalam negara kita. Oleh itu tindak-tanduk Vietnam di rantau ini memang diberi perhatian khas secara individu dan sama dengan negara-negara jiran di dalam ASEAN.

Sebagaimana yang telah saya nyatakan sebentar tadi soal kerahan tenaga secara wajib negara ini adalah satu perkara yang lumrah yang sering dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. Kerajaan berpendapat kerahan tenaga secara wajib di negara ini masih tidak perlu dan belum sesuai lagi untuk diamalkan di negara kita ini. Ini disebabkan kekuatan pertahanan sesebuah negara bukan sahaja bergantung kepada kekuatan dan ramainya bilangan anggota tentera tetapi faktor keutuhan ekonomi dalam negeri dan dasar perhubungan luar negara itu juga memainkan peranan yang penting.

Menyentuh tentang soal pertahanan negara, saya berpendapat ancaman yang utama di negara ini masih datangnya dari luar negeri. Oleh itu pasukan keselamatan dengan berbagai kelengkapan yang ada serta

kecekapan mengenai latihan dari semasa ke semasa yang dijalankan boleh membendung ancaman yang dibangkitkan tanpa melibatkan kerahan tenaga rakyat. Langkah-langkah telah dan sedang diambil dalam memperbesar Angkatan Tentera kita melalui pengambilan anggota-anggota baru yang ingin berkhidmat dengan Pasukan Angkatan Tentera sama ada dalam pasukan tetap ataupun pasukan simpanan.

Pihak Kerajaan berpendapat bahawa sistem perkhidmatan sukarela adalah satu sistem yang terbaik untuk memupuk perasaan cinta kepada tanahair dan semangat tanggungjawab serta rela berkorban di kalangan rakyat demi mempertahankan negara. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan rakyat berkhidmat secara sukarela dan sebagai anggota tetap dan anggota simpanan dalam Angkatan Tentera kita. Buat masa ini sambutan rakyat terhadap rancangan ini amatlah menggalakkan. Oleh yang demikian dengan kata-kata demikian saya ingin menolak cadangan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan bagi diputuskan iaitu satu usul yang berbunyi:

Bahawa menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 17 (1) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 17 (1) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan hingga kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.53 petang.*